


DR. ANDI ADERUS BANUA



# فَعْنَرُ عَقِيْدَه اِسْلَام

*Pengantar*

**AKIDAH ISLAM**



© Dr Andi Aderus Banua 2014  
*Pengantar Akidah Islam*

ISBN 978-99917-61-40-4

Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei  
Cataloguing-in-publication

BANUA, Andi Aderus

Pengantar akidah Islam/ Dr. Andi Aderus Banua.-- Bandar Seri Begawan :  
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, 2014.

p. cm

ISBN 978-99917-61-40-4 (Kulit Lembut)

1. Islam--Doctrines 2. Faith (Islam) 3. God (Islam) I. Title.

297.2 BAN (DDC 22)

Muka Taip Teks: Times New Roman  
Saiz Taip Teks: 12

**Pereka Kulit:**

Syarikat Percetakan Ezy

**Dicetak oleh :**

Syarikat Percetakan Ezy

© Dr Andi Aderus Banua  
Cetakan Pertama 2014

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran dari pada Penerbit KUPU SB terlebih dahulu.

**Penerbit oleh:**

Pusat Penerbitan

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan  
Km 2, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha,  
Bandar Seri Begawan BA 2111  
Negara Brunei Darussalam  
Tel: (673) 2236277  
Fax: (673) 2226227  
Laman Web: [www.kupu-sb.edu.bn](http://www.kupu-sb.edu.bn)

# ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN.....	i
KATA PENGANTAR .....	vi
PRAKATA.....	viii
TRANSLITERASI.....	xi
<b>BAB I . AKIDAH ISLAM.....</b>	<b>1-32</b>
A. Pengertian Akidah Menurut Bahasa.....	1
1. Sumpah setia.....	1
2. Janji setia.....	2
3. Akad nikah.....	2
4. Kelu lidah.....	3
5. Ikatan-ikatan rahsia.....	4
B. Pengertian Akidah Menurut Istilah.....	4
C. Kepentingan Manusia Terhadap Akidah.....	6
D. Spesifikasi Akidah Islam.....	14
1. Akidah Islam adalah fitrah.....	16
2. Akidah Islam jelas dan mudah difahami.....	20
3. Akidah Islam tidak berubah-ubah.....	26
4. Akidah Islam bersifat <i>Wasatiyyah</i> .....	28

<b>BAB II. ISLAM (AGAMA DAN AJARAN).....</b>	<b>33-78</b>
A. Pengertian Islam Menurut Bahasa.....	35
1. Tunduk patuh serta berserah diri.....	35
2. Damai, cinta kasih, sejahtera dan selamat.....	43
B. Pengertian Islam Menurut Istilah.....	44
C. Spesifikasi Agama Islam.....	53
1. <i>Rabbāniyyah</i> .....	54
2. <i>Insāniyyah</i> (manusiawi).....	61
3. <i>‘Ālamiyyah</i> (antara bangsa).....	64
4. <i>Shumūl</i> (Universal dan Holistik).....	66
5. <i>Wasāṭiyyah</i> (keseimbangan).....	68
D. Rukun Islam.....	69
1. Dua Kalimah Shahadah.....	71
2. Sembahyang.....	74
3. Zakat .....	75
4. Puasa.....	76
5. Haji.....	77
<b>BAB III. IMAN DAN HURAIANYA.....</b>	<b>79-106</b>
A. Iman Menurut Bahasa.....	81
1. <i>Al-Taṣdīq</i> (pembenaran).....	81
2. <i>Al-Thiqah</i> (kepercayaan).....	82

3. <i>Al-Amānah</i> (kejujuran).....	83
4. <i>Al-Amnu</i> (aman dan damai).....	84
B. Iman Menurut Istilah.....	86
C. Rukun Iman.....	94
D. Bertambah dan Berkurang Iman.....	96
E. Hal-Hal Yang Membatalkan Keimanan.....	104
<b>BAB IV. HAKIKAT <i>IḤSAN</i>.....</b>	<b>107-122</b>
A. <i>Iḥsan</i> Menurut Bahasa.....	108
B. <i>Iḥsan</i> Menurut Istilah.....	110
C. <i>Iḥsan</i> Sebagaimana Dalam al-Quran.....	113
1. <i>Iḥsan</i> Kepada Kedua Orang Tua.....	115
2. <i>Iḥsan</i> kepada <i>dzal Qurbā</i> (karib kerabat).....	118
3. <i>Iḥsan</i> kepada yatim piatu dan fakir miskin....	119
4. <i>Iḥsan</i> kepada jiran dan teman sejawat.....	121
5. <i>Iḥsan</i> kepada <i>Ibnu Sabil</i> .....	121
6. <i>Iḥsan</i> kepada pegawai.....	122
<b>BAB V. ISLAM, IMAN DAN <i>IḤSAN</i>.....</b>	<b>123-141</b>
A. Hubungan Antara Iman dan Islam.....	123
B. Hubungan Islam, Iman dan <i>Iḥsan</i> .....	129
C. Aspek-Aspek Ajaran Islam.....	131
1. Aspek Akidah.....	132

2. Aspek Ibadah.....	134
3. Aspek Interaksi Sosial.....	136
<b>BAB VI. KUFUR, SYIRIK DAN NIFAQ.....</b>	<b>142-167</b>
A. Kufur.....	143
1. Kufur <i>Akbar</i> (besar).....	145
2. Kufur <i>Ashgar</i> (kecil).....	151
B. Syirik, Tahyul dan Khurafat.....	152
1. Tahyul.....	152
2. Khurafat.....	155
3. Syirik.....	159
C. Nifaq.....	161
1. Nifaq i‘tiqādi.....	163
2. Nifaq ‘Amali.....	165
<b>BAB VII. AHLI SUNNAH WALJAMA‘AH.....</b>	<b>168-204</b>
A. Definisi Ahli Sunnah Waljama‘ah.....	168
B. Ciri-Ciri Ahli Sunnah Waljama‘ah.....	170
1. Percaya pada rukun Iman.....	171
2. Mengikuti cara <i>istinbāṭ</i> imam mazhab.....	172
3. Berperasangka baik kepada para sahabat.....	172
4. Tidak mengkafirkan sesama Muslim .....	173
5. Bertasawwuf tidak boleh bercanggah dengan	

akidah dan shari'ah.....	174
C. Ahli Sunnah Waljama'ah dan Salafiah.....	174
D. Ahli Sunnah Waljama'ah Ash'ariyyah.....	180
1. Abu Hasan al-Ash'ari (W. 324 H).....	182
2. Al-Bāqillāni (W. 403 H).....	186
3. Al-Baghdādiy (W. 429 H).....	187
4. Al-Juwainiy (W. 478 H).....	187
5. Al-Ghazāli (W. 505 H).....	188
6. Al-Shahrastāni.....	189
7. Fakhrudin Al-Rāziy (W. 606 H).....	189
8. al-Ījy (W. 756 H).....	190
E. Metod Ahli Sunnah Waljama'ah	
Dalam Berakidah.....	190
1. Kesesuaian antara wahyu dan akal.....	193
2. Membolehkan ta'wil yang bersesuaian	
dengan kaedah tafsir.....	199
F. Metod Ahli Sunnah Waljama'ah Dalam Masalah	
Furu'iyah.....	202
<b>BIBLIOGRAFI.....</b>	<b>205-207</b>

## KATA PENGANTAR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الحمد لله الذي نور قلوب أحبائه بحسن الاعتقاد، فبصّرهم بحقائق  
الإيمان به فكان عين الإسعاد، فعبدوه مخلصين له الدين فصاروا خير  
عباد. والصلاة والسلام على سيدنا محمد الهادي إلى سبيل الرشاد،  
وعلى آله وصحبه المتزودين بخير زاد.

*Al-Hamdulillah*, kita bersyukur kehadiran Ilahi bahawa pengkajian dan penulisan aqidah Islam masih lagi berterusan. Dan sememangnya sangat diperlukan rujukan-rujukan terkini yang berkait dengan asas dan isu aqidah yang bersesuaian dengan konteks dan perkembangan masyarakat Islam.

Alam Melayu merupakan kawasan umat Islam yang berpedoman kepada pendekatan Ahli Sunnah Waljama'ah sudah barang tentu ia memerlukan rujukan-rujukan muktamad yang membincangkan asas aqidah Islam mengikut panduan Ahli Sunnah Waljama'ah. Cabaran aqidah Islam dewasa ini semakin bergejolak sehingga masyarakat umum menjadi bingung kerananya saking banyaknya pandangan-pandangan sonsang mengenai pemikiran aqidah yang berkembang di masyarakat Islam hari ini.

Buku yang ditulis oleh Yang Mulia Dr. Hj. Andi Aderus Banua Pasinringi, Pensyarah Kanan Fakulti Usuluddin KUPU SB dan UIN Alauddin Makassar adalah sangat tepat pada masanya di mana Negara Brunei Darussalam sedang

giat-giatnya mengususkan kelestarian aqidah Ahli Sunnah Waljama'ah dan mengawasi pelaksanaan undang-undang jinayah Islam sebagai langkah berterusan meraih rahmat dan kurniah Ilahi melalui falsafah Melayu Islam Beraja dan program menuju Negara Brunei sebagai Negara Zikir.

Buku ini juga adalah sesuai untuk dijadikan sebagai rujukan utama dalam kursus "*PengantarAqidah Islam*" di pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam terutama KUPU SB sebagai pengajian tinggi tarbiyah Islamiyah yang melatih guru-guru ugama yang bakal menyebarkan aqidah Ahlu Sunnah Waljamaa'h di sekolah-sekolah di Brunei Darussalam.

Kita berdoa semoga buku ini bermanfaat bagi umat Islam dan para pelajar dan mahasiswa yang ingin mengetahui asas aqidah Islam sebagai bahagian dari ilmu fardu 'ain yang wajib dipelajari oleh setiap orang Islam. Mudah-mudahan Yang Mulia Penulis buku ini diberi kekuatan untuk melanjutkan penyelidikan seterusnya bagi manfaat umat Islam sejagat. Amin ya Rabbal 'Alamin.

Selamat membaca,  
Yang benar

SYAMSUL BAHRI ANDI GALIGO  
Pengarah Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah  
Waljama'ah  
KUPU SB

## PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين. والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين  
سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين. أما بعد:

*Alhamdulillah*, bersyukur kepada Allah *Subhānahu Wata'alā* atas hidayahNya serta usaha yang berterusan sehingga buku 'Pengantar Akidah Islam' dapat terwujud di hadapan para pembaca. Kehadiran buku ini merupakan upaya penulis berbagi dan berkongsi pemahaman tentang dasar-dasar Akidah Islam mengikut kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah.

Umat Islam di abad ke XXI ini menghadapi cabaran yang luar biasa, terutama yang berhubung kait dengan masalah-masalah akidah. Munculnya aliran-aliran pemikiran Barat seperti Liberalisme, Humanisme, Kapitalisme, dan isme-isme lain yang berusaha memberikan pengaruh pemikiran kepada generasi muda umat Islam memunculkan kebimbangan tersendiri di kalangan pemikir-pemikir Islam. Oleh kerana itu, dirasa perlu mewujudkan sebuah tulisan yang dapat menangkis isu-isu negatif tersebut.

Begitu pula umat Islam di Rantau Melayu, sejak kebelakangan ini mengalami cabaran yang bertubi-tubi dari aliran-aliran yang bercanggah dengan keyakinan Ahli Sunnah Waljama'ah. Pada hal kefahaman Ahlis Sunnah Waljama'ah telah diwarisi turun temurun dari generasi

kegenerasi. Akibatnya agama Islam yang dikenal sebagai agama *Rahmatan Li al-'Alamin* di pertanyakan kerana para pemeluknya mulai terkotak-kotak dan tidak harmoni serta saling menyalahkan dan mengkafirkan.

Bertolak dari pemikiran ini, penulis merasa terpanggil untuk mewujudkan sebuah buku yang merupakan *Pengantar Akidah Islam* dalam mengenal prinsip-prinsip dasar Akidah Islam secara khusus dan keistimewaan Uagama Islam secara umum, agar Islam dapat dikenali dengan mudah sebagai agama yang bersesuaian dengan umat manusia terutama di akhir zaman ini.

Dalam proses penulisan buku ini, penulis menyadari bahwa buku '*Pengantar Akidah Islam*' dapat terwujud di hadapan para pembaca kerana hidayah Allah *Subhānahu Wata'ālā* semata-mata. Begitu pula saran-saran serta nasehat dari ahli-ahli akademik dalam penggunaan bahasa baku yang bersesuaian dengan masyarakat Melayu terutama di Negara Brunei Darussalam merupakan subangan yang sangat bererti. Oleh kerana itu, penulis menghaturkan ribuan terima kasih kepada seluruh *ikhwah Fillah* yang telah membaca dan memberikan komentar tentang buku ini. Lebih khusus lagi penulis menghaturkan ribuan terima kasih kepada Yang Mulia, Timbalan Rais Kolej Universiti Perguruan Uagama Seri Begawan, DR. HJ NOR ARFAN BIN ZAINAL, yang telah meluangkan waktu menyimak buku ini dengan sangat teliti sehingga dapat wujud dihadapan para pembaca. Semoga usaha dan kerja keras beliau dapat menjadi pemberat dalam timbangan amal kebaikan beliau di hari pembalasan Alah *Subhānahu Wata'ālā*.

Penulis juga mengucapkan terima kasih yang sedalam-dalamnya kepada Yang Mulia, Pengarah Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah. Prof. Madya Dr. Andi Syamsul Bahri Andi Galigo yang dengan hati ikhlas bersedia memberikan kata pengantar pada buku ini. Semoga Allah *Subhānahu Wata'ālā* memberikan pahala yang berlipat ganda *amin yā Rabbal 'Ālamīn*.

Akhir kata, semoga kita semua mendapatkan rahmat dan hidayah Allah *Subhānahu Wata'ālā. Minallahi al-Musta'an Wa 'Alaihi al-Tiklān*. Semoga buku ini menjadi amal jariah bagi penulis dan kepada kedua orang tua penulis. Amin

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Bandar Seri Begawan, 27 Rejab 1434H.  
27 Mei 2014 M.

Penulis,

**Dr. H. Andi Aderus Banua Pasinringi**

## TRANSLITERASI DAN SINGKATAN

### A. Transliterasi

#### 1. Konsonan

Huruf-huruf bahasa Arab ditransliterasi ke dalam huruf bahasa Melayu sebagai berikut:

b	: ب	z	: ز	f	: ف
t	: ت	s	: س	q	: ق
th	: ث	sh	: ش	k	: ك
j	: ج	ṣ	: ص	l	: ل
ḥ	: ح	ḍ	: ض	m	: م
kh	: خ	ṭ	: ط	n	: ن
d	: د	ẓ	: ظ	h	: هـ
dz	: ذ	‘	: ع	w	: و
r	: ر	gh	: غ	y	: ي

Hamzah (ء) yang terletak di awal kata mengikuti vokalnya tanpa diberi tanda apapun. Jika terletak di tengah atau di akhir, maka ditulis dengan tanda (’).

#### 2. Vokal dan Diftong

a. Vokal atau bunyi (a), (i), (u) ditulis dengan ketentuan sebagai berikut:

Vokal	Pendek	Panjang
<i>Fathah</i>	a	Ā/ā
<i>Kasrah</i>	i	Ī/ī

<i>Ḍammah</i>	u	Ū/ū
---------------	---	-----

b. Diftong yang sering dijumpai dalam transliterasi adalah (*ay*) dan (*au*), misalnya *bayn* (بين) dan *qawl* (قول).

### **B. Singkatan**

Beberapa singkatan yang dibakukan adalah:

1. H. : Hijriah
2. M. : Masehi
3. SM : Sebelum Masehi
4. w. : wafat
5. Q.S....(...): 3 : Qur'an Surah... , ayat 3
6. H.R. : Hadis Riwayat
7. hlm. : Halaman

# BAB I

## AKIDAH ISLAM

### A. Pengertian Akidah Menurut Bahasa

Kata akidah berasal dari bahasa ‘Arab (عقد - يعقد) (عقدا), yang bererti ikatan.<sup>1</sup> Oleh kerana itu penggunaan kata ‘*aqada* dalam al-Quran meliputi seluruh aktiviti manusia yang memiliki keterikatan antara pihak pertama dengan pihak kedua. Keterikatan tersebut boleh jadi berupa keyakinan yang tidak jelas dalam penglihatan manusia, tetapi manusia memiliki konsekuensi terhadapnya mahupun keterikatan dalam bentuk yang zahir.

Berikut ini beberapa ayat al-Quran yang menggunakan kata ‘*aqada*.

#### 1. Sumpah setia

Sumpah setia disebut dengan ‘*aqad* kerana adanya keterikatan antara kedua belah pihak, orang yang bersumpah untuk setia mahupun orang yang menerima sumpah setia tersebut. Pemahaman ini dapat dilihat dalam firman Allah *Subhānahū Wata‘ālā* (Q.S. al-Maidah (5): 89)

---

<sup>1</sup>Lihat Ahmad bin Muhammad bin ‘Ali al-Fayūmiy, (t. th), *Misbāh al-Munīr*, Beirut: Dār al-Fikr, hlm. 421, kata عقد .

﴿لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّعْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَدْتُمُ الْأَيْمَانَ﴾

Tafsirnya:

Allah tidak menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpahmu yang tidak dimaksud (untuk bersumpah), tetapi Dia menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpah yang kamu sengaja.

عَقَدْتُمُ الْأَيْمَانَ dalam ayat tersebut menunjukkan sumpah yang disengaja atau sumpah setia.

## 2. Janji setia

Janji setia yang dimaksudkan boleh jadi berupa janji setia hamba kepada Allah *Subhānahū Wata‘ālā* untuk tunduk, taat dan menyembahnya. Janji setia juga dapat berupa janji setia antara seseorang kepada orang lain. Janji setia disebut dengan *‘aqad* kerana adanya keterikatan antara pihak yang berjanji dengan pihak yang dijanji sebagaimana dalam firman Allah *Subhānahū Wata‘ālā* (Q.S. *al-Māidah* (5): 1)

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ﴾

Tafsirnya:

Hai orang-orang yang beriman, penuhilah *‘aqad-‘aqad* itu [perjanjian].

أَوْفُوا بِالْعُقُودِ dalam ayat tersebut bererti janji-janji setia yang mesti ditunaikan kerana merupakan keterikatan antara pihak yang berjanji dengan yang dijanji.

## 3. akad nikah

Akad nikah disebut dengan *‘aqad* kerana adanya keterikatan antara laki-laki yang mengambil alih tanggung jawab perempuan dari orang tuanya mahupun keterikatan

perempuan dengan suaminya untuk taat dan setia menjalankan tanggung jawabnya sebagai isteri. Penggunaan kata *'aqad* dalam perkawinan dapat dilihat dalam firman Allah *Subhānahū Wata'ālā* (Q.S. Al-Baqarah (2): 235)

﴿وَلَا تَعْرِضُوا عُقْدَةَ النِّكَاحِ حَتَّىٰ يَبْلُغَ الْكِتَابُ أَجَلَهُ﴾

Tafsirnya:

Dan janganlah kamu menetapkan dengan bersungguh-sungguh (hendak melakukan) akad nikah sebelum habis *'iddah* yang ditetapkan itu.

#### 4. Kelu lidah (Keterbatasan lidah)

Kelu lidah atau keterbatasan untuk mengucapkan kata-kata yang fasih disebut dengan *'uqdah* yang asal katanya dari kata *'aqada*. Situasi seperti itu juga diistilahkan dengan *'aqad* kerana seolah-olah lidah terikat dari terbatas mengungkapkan kata-kata yang diinginkan. Al-Quran menukil doa Nabi Musa *'Alaihissalām*, sebagaimana dirakam dalam firman Allah *Subhānahū Wata'ālā* (Q.S. Tahā (20): 27

﴿وَاحْلُلْ عُقْدَةَ مِنْ لِسَانِي . يَفْقَهُوا قَوْلِي﴾

Tafsirnya:

Dan lepaskanlah kelu dari lidahku, supaya mereka mengerti perkataanku.

Nabi Musa sebagaimana diketahui, semasa kanak-kanaknya beliau pernah memasukkan bara api ke dalam mulutnya. Iaitu ketika beliau menarik janggut Fir'aun sehingga Fir'aun marah dan mahu membunuh Musa. Isteri Fir'aun yang melihat kenyataan itu memberikan nasihat kepada Fir'aun bahawa Musa masih kanak-kanak dan

belum berakal. Menurut istri Fir'aun Musa melakukan itu kerana ia tidak tahu apa-apa.

Fir'aun yang mendengarkan nasihat isterinya kemudian mengambil emas dan bara api lalu ditempatkan dalam jarak yang berdekatan. Musa merangkak mendekati emas dan mengambilnya namun malaikat datang dan membimbing tangan Musa mengambil bara api kemudian memasukkan dalam mulutnya. Melihat kenyataan itu, Fir'aun kemudian yakin jika Musa belum mengerti apa-apa, sehingga niatnya untuk membunuh Musa ditangguk. Akibat dari peristiwa tersebut lidah Nabi Musa *'Alaihissalām* menjadi kelu, kaku dan tidak dapat berbahasa dengan fasih.

### 5. Ikatan-ikatan rahsia

Ikatan-ikatan rahsia yang dibuat oleh tukang-tukang sihir juga diisitilahkan dengan *'aqad*. Tukang sihir yang melakukan sihir seolah-olah memenjarakan orang yang disihir dalam ikatan-ikatan yang mereka buat, sebagaimana diungkapkan oleh Allah *Subhānahū Wata'ālā* dalam firmanNya (Q.S. al-Falaq (113): 4

﴿وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ﴾

Tafsirnya:

Dan dari kejahatan wanita-wanita tukang sihir yang menghembus pada buhul-buhul [ikatan-ikatan].

### B. Pengertian Akidah Menurut Istilah

Para ulama berbeda pandangan dalam memberikan definisi tentang akidah, namun definisi-definisi yang diungkapkan oleh para ulama tersebut pada hakikatnya tetap merujuk kepada erti menurut bahasa iaitu ikatan. Al-

Jurjani misalnya mendefinisikan akidah dengan ungkapan “Kepercayaan yang terdapat dalam hati dan tidak merangkumi perbuatan”.<sup>2</sup> Definisi yang disampaikan oleh al-Jurjani dapat difahami dengan jelas bahawa akidah adalah masalah kepercayaan dan bukan berhubung kait dengan amalan yang dilakukan oleh panca indera manusia.

Begitu juga dalam kamus *al-Mu‘jam al-Maqāyīs al-Lughah*, Ibnu Faris mendefinisikan akidah dengan istilah “Sesuatu yang diimani oleh manusia dan dipercayai tanpa ragu-ragu”<sup>3</sup> seperti kepercayaan terhadap wujudnya Allah *Subhānahū Wata‘ālā*, keimanan tentang hari kebangkitan, keyakinan tentang balasan pahala baik dan buruk yang dilakukan manusia dan lain sebagainya.

Penggunaan kata akidah dan *i‘tiqad* dalam bahasa ‘Arab dewasa ini mengalami perkembangan. Penggunaannya semakin luas dan bukan hanya dalam bidang teologi sahaja. Perkataan tersebut meliputi seluruh dimensi keilmuan yang ada. Penggunaan kata akidah meliputi bidang falsafah, politik, ekonomi, mahupun dalam doktrin-doktrin organisasi dan aliran-aliran. Oleh kerana itu pemahaman tentang akidah Islam sangat penting dijelaskan agar dapat dibezakan antara akidah Islam dengan pemahaman akidah ketika dipergunakan dalam konteks yang lain.

Definisi yang lebih terperinci tentang Akidah Islam dapat dilihat pada definisi yang diungkapkan oleh Sayyid

---

<sup>2</sup>Ali Bin Muhammad ‘Ali al-Jurjāni, (1405), *al-Ta‘rīfāt*, Tahqiq Ibrahim al-Abyāriy, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabi, kata *al-‘aqīdah*.

<sup>3</sup>Lihat Ahmad bin Faris, (1999), *Mu‘jam al-Maqāyīs al-Lughah*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, kata *‘aqada*.

Husain Affandi, iaitu: “*Suatu keyakinan yang kuat tanpa ragu-ragu tentang sesuatu yang disampaikan oleh Nabi Muhammad ﷺ dari Allah Subhānahū Wata‘ālā baik berupa informasi yang termaktub dalam al-Quran mahupun dalam hadith-hadith Rasulullah ﷺ ‘Alaihi Wasallam*”.<sup>4</sup>

Keyakinan tentang kebenaran risalah Nabi Muhammad ﷺ merupakan hal yang sangat penting dalam akidah, kerana dari sinilah berpunca kepercayaan-kepercayaan selanjutnya seperti masalah-masalah *ilāhiyyāt* (ketuhanan), *nubuwwāt* (kenabian) dan *sam‘iyyāt* (hal-hal yang bersifat ghaib). Tanpa beriman kepada kerasulan Nabi Muhammad ﷺ dan informasi yang disampaikan oleh Baginda, maka akan mengakibatkan hilangnya pula keyakinan tentang bahagian-bahagian akidah yang semestinya diimani oleh umat Islam.

### **C. Kepentingan Manusia Terhadap Akidah Islam**

Manusia terdiri dari dua bahagian utama iaitu jasmani dan rohani. Jasmani manusia sangat memerlukan santapan berupa makanan dan minuman yang majoritinya berasal dari bumi. Ini terjadi kerana asal kejadian jasad manusia juga berasal dari tanah, sehingga hubungan antara jasad manusia dengan tanah dapat berlangsung terus melalui proses makan dan minum. Jasmani manusia akan binasa manakala makanannya tidak terpenuhi kerana hubungan antara jasmani manusia dengan asal kejadiannya

---

<sup>4</sup>Husain Affandiy, (1351H/1932), *al-Husūn al-Hamidiyyah*, Misr: Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, h. 8

(tanah) telah terhenti. Berikut ini zat-zat yang diperlukan oleh tubuh manusia:

1. Karbohidrat – Glukos; serat.
2. Lemak/ lipida – Asam linoleat (omega-6); asam linolenat (omega-3).
3. Protein – Asam-asam amino, leusin, isoleusin, lisin, metionin, fenilalanin, treonin, valin, histidin, nitrogen non maksudal.
4. Mineral – Kalsium, fosfor, natrium, kalium, sulfur, klorin, magnesium, zat besi, selenium, zinc, mangan, tembaga, kobalt, iodium, krom fluor, timah, nikel, silikon, arsen, boron, vanadium, molibden.
5. Vitamin – Vitamin A (retinol), vitamin D (kolekalsiferol), vitamin E (tokoferol), vitamin K, tiamin, riboflavin, niacilin, biotin, folasin/folat, vitamin B6, vitamin B12, asam pantotenat, vitamin C.
6. Air.<sup>5</sup>

Dalam memakan zat-zat yang diperlukan tubuh, manusia sentiasa memerlukan keseimbangan. Seimbang dari segi unsur-unsur yang diperlukan oleh tubuh manusia mahupun seimbang dari segi takaran yang diperlukan. Kelebihan atau kekurangan salah satu zat yang diperlukan oleh tubuh manusia akan mengakibatkan kerosakan pada jaringan tubuh manusia.

Wahyu sebagai pembimbing terhadap kehidupan manusia turut mengingatkan manusia mengenai keseimbangan zat-zat yang diperlukan oleh tubuh manusia,

---

<sup>5</sup><http://www.lusa.web.id/konsep-dasar-ilmu-gizi/>.

berikut ini perintah dari al-Quran dan al-Hadith tentang tatacara memelihara keseimbangan makanan serta cara hidup yang sehat:

1. Larangan berlebihan dalam permakanan (QS. Al-A'raf (7): 31)

يَا بَنِي آدَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

Tafsirnya:

Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampaui batas. Sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas.

2. Anjuran untuk memakan makanan yang halal dan baik (QS. Al-Baqarah (2) : 168).

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُواتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ

Tafsirnya:

Wahai sekalian manusia! makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.

Ayat tersebut merupakan seruan kepada manusia secara umum agar memakan makanan yang halal dan

*tayyiba* (baik dan bergizi) dan jangan mengikuti langkah-langkah syaitan. Pemahaman dari ayat ini ada dua macam:

- i. Langkah-langkah syaitan adalah melanggar perintah Allah dan RasulNya. Syaitan sentiasa mengajak manusia untuk merasai makanan yang tidak halal serta membahayakan tubuh manusia. Kedua bentuk makanan tersebut dapat membahayakan kehidupan manusia di dunia dan di akhirat. Minum minuman keras seperti *khamar* sangatlah berbahaya terhadap kesihatan manusia tetapi banyak manusia yang terpedaya dengan rayuan syaitan untuk berterusan minum *khamar* padahal rasa dari *khamar* tidaklah lebih sedap dari minuman yang halal.
- ii. Dengan memakan makanan yang tidak halal lagi *khabithah* (kotor) menyebabkan seseorang mengikuti langkah syaitan bererti pengaruh makanan terhadap tingkah laku sangat tinggi. Itulah sebabnya umat Nabi Muhammad *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* sentiasa dianjurkan untuk memakan makanan yang halal lagi baik dan bergizi.

Makanan yang diperbolehkan kepada umat Islam adalah makanan yang halal dan *tayyiba* (baik). Halal adalah lawan dari haram, dalam al-Quran makan yang halal tidak dirinci tetapi yang dirinci adalah makan yang haram. Makanan yang haram terbahagi dua, ada makanan yang haram *zati* (zatnya yang haram) dan ada yang haram kerana campur tangan manusia.<sup>6</sup>

---

<sup>6</sup>Pada dasarnya tidak haram tetapi cara memperolehnya yang tidak halal sehingga menjadi haram.

Rohani manusia juga demikian memerlukan makanan yang cukup untuk sihat. Yang paling utama santapan rohani manusia adalah akidah. Oleh kerana itu manusia pada hakikatnya sangat perlu terhadap akidah untuk menjaga kelangsungan rohaninya sebagaimana kelangsungan jasmaninya. Di samping itu manusia juga sangat perlu pada akidah untuk mengetahui rahsia keberadaannya di dunia ini serta rahsia keberadaan makhluk-makhluk ciptaan Allah *Subhānahū Wata'ālā* yang lain.

Pertanyaannya adalah apa yang membezakan keberadaan manusia di dunia dengan keberadaan makhluk Allah *Subhānahū Wata'ālā* yang lain? Yang mampu menjawab pertanyaan tersebut adalah Akidah Islam.

Manusia ketika berganjak dari kanak-kanak kepada 'aqil baligh maka sentiasa muncul dalam fikirannya pertanyaan-pertanyaan yang memerlukan jawapan yang pasti, seperti misalnya darimana saya datang sehingga seluruh jaringan tubuh saya berfungsi secara automatik?<sup>7</sup> Setelah kehidupan dunia ini yang penuh dengan liku-liku, baik dan buruk, senang dan susah, bahagia dan sedih ke mana saya akan pergi?<sup>8</sup> Kenapa saya berbeza dengan

---

<sup>7</sup>Mata secara automatik melihat, baik jarak yang dekat mahupun yang jauh dan tidak perlu diatur fokusnya, berbeza dengan kamera yang merupakan ciptaan manusia, seorang juru gambar yang mahu mengambil gambar, maka terlebih dahulu ia melakukan fokus pada objek yang mahu digambar. Pendengaran juga demikian, manusia selepas lahir terus mendengar bunyi dan segala bentuk suara yang ada didekatnya sehingga melalui pendengaran tersebut anak kecil yang baru lahir belajar begitu banyak dari pada persekitarannya.

<sup>8</sup>Pertanyaan tersebut muncul kerana orang yang telah meninggal tidak ada yang kembali ke dunia memberitahu apa yang mereka alami di alam kubur dan realitinya untuk apa manusia berbuat

haiwan dan makhluk yang lain sehingga saya punya akal untuk berfikir, sementara haiwan-haiwan, tumbuh-tumbuhan tidak memiliki akal? Keberadaan akal saya menyebabkan saya mampu untuk menundukan makhluk-makhluk tersebut meskipun badannya jauh lebih besar dan lebih kuat.

Pertanyaan-pertanyaan seperti yang telah disebutkan hampir pernah dirasakan oleh setiap orang yang hidup di dunia ini. Tanpa ada jawaban yang meyakinkan dari pertanyaan-pertanyaan tersebut maka nescaya manusia yang mengalami pertanyaan seperti itu akan mengalami goncangan psikologi.

Jawapan-jawapan dari pertanyaan tersebut tidak akan didapati kecuali melalui akidah yang benar. Akidah Islam inilah yang mampu menyingkap rahsia di sebalik diri manusia, makhluk-makhluk yang ada dipersekitarannya serta alam semesta. Akidah Islam juga yang mampu membuka tabir dari segala bentuk pertanyaan-pertanyaan manusia yang membingungkan.

Orang yang mengenal baik dirinya serta makhluk-makhluk yang lain akan merumuskan bahawa semuanya itu tidak wujud secara kebetulan di muka bumi ini tetapi memiliki pencipta yang Maha Mengetahui iaitu Allah *Subhānahū Wata'ālā*. Dialah yang memberikan pendengaran, penglihatan serta akal fikiran. Dialah Allah yang menciptakan segala sesuatu dan menetapkan *sunnatullah*Nya.

Akidah Islam juga memberikan keyakinan tentang rahsia alam akhirat, rahsia tentang kematian. Akidah Islam

---

baik. Itu menunjukkan di balik kematian tersebut masih ada destinasi yang lain selain alam kubur.

mampu menjelaskan bahawa kematian adalah satu pintu menuju akhirat yang akan dilalui oleh setiap manusia yang hidup di dunia ini. Kematian dalam pandangan Akidah Islam bukanlah akhir segalanya, tetapi merupakan awal dari kehidupan yang sebenarnya. Di balik kematian masih ada alam barzakh yang cukup panjang, ia merupakan alam penantian datangnya hari akhirat. Alam barzakh merupakan alam pemisah antara alam dunia dan alam akhirat. Alam barzakh bersifat sementara kerana manusia kelak akan menuju alam akhirat tempat manusia menuai segala hasil perbuatan yang telah dikerjakan di dunia.

Akidah Islam juga memberikan kepastian tentang tujuan hidup manusia yang memiliki tiga sisi iaitu: *Pertama*; sebagai hamba yang menyembah kepada Tuhannya serta penyerahan diri hanya kepada Allah *Subhānahū Wata'ālā* sebagai kekuatan tunggal yang menguasai semua kekuatan yang ada.<sup>9</sup> *Kedua*; sebagai khalifah di muka bumi yang diserahkan kepadanya tanggung jawab mengatur segalanya berdasarkan aturan-aturan yang telah ditetapkan oleh Allah *Subhānahū Wata'ālā*.<sup>10</sup> *Ketiga*; sebagai jentera pembangunan sehingga

---

<sup>9</sup>Lihat (Q.S. Az-Zāriyāt (51): 56) yang tafsirnya: “Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu”.

<sup>10</sup>Lihat (QS. Al-Baqarah (2): 30) yang tafsirnya: “Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi". mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya".

alam semesta ini berkembang dari masa ke masa. Tanpa ada manusia, maka bumi yang dihuni oleh manusia tidak akan pernah mengalami kemajuan.

Fungsi khalifah tersebut merupakan amanah dari Allah *Subhānahū Wata'ālā* yang kelak akan dipertanggungjawabkan di hadapan Sang Pencipta Allah *Subhānahū Wata'ālā*. Segala tindak tanduk, perbuatan dan *i'tiqad* manusia sentiasa diperhitungkan. Kesan daripada akidah tersebut menyebabkan manusia yang berakidah memiliki budi pekerti dan akhlak yang mulia.

Ungkapan yang mengatakan bahawa manusia di abad ini tidak perlu lagi kepada akidah kerana masa sekarang adalah masa ilmu pengetahuan, masa atom dan masa kimia. Manusia pada masa ini sudah mampu sampai ke bulan dan planet-planet yang lain sehingga masalah akidah tidak berguna lagi bagi manusia. Ungkapan yang semacam itu tidak berdasar pada realiti yang sebenarnya. Sejarah telah menggambarkan bahawa manusia dalam keadaan bagaimanapun sentiasa memerlukan akidah, baik akidah yang benar mahupun akidah yang keliru.

Manusia pada masa primitif, takut dengan petir, letusan gunung berapi, angin taufan, badai serta segala bentuk penyakit yang tidak diketahui ujung pangkal dan penyebabnya. Hal tersebut mendorong manusia-manusia primitif mencari kekuatan *super natural* untuk melindungi mereka dari mara bahaya yang mengancam. Sebahagian manusia berada pada akidah yang benar kerana mengikuti tuntunan para rasul yang diutus oleh Allah *Subhānahū Wata'ālā*, namun tidak sedikit manusia di zaman primitif justeru terjerumus dalam akidah yang keliru.

Di antara manusia primitif ada yang mempertuhankan gunung, sungai, laut dan kekuatan-kekuatan ghaib yang dianggap menguasai medan tersebut. Penyembahan manusia primitif kepada hal-hal tersebut dilakukan kerana mengharap pertolongan dan perlindungan. Kenyataan ini menunjukkan bahawa manusia pada masa primitif memiliki kebergantungan yang begitu tinggi terhadap akidah.

Di abad moden ini, ilmu pengetahuan manusia semakin berkembang, sehingga penyebab dari segala malapetaka dapat dikenal pasti,<sup>11</sup> namun kecenderungan manusia untuk berakidah justeru semakin tinggi pula kerana banyaknya rahsia Allah *Subhānahū Wata'ālā* yang dapat terungkap melalui ilmu pengetahuan.

Masalah yang dihadapi manusia moden jauh lebih kompleks dibanding dengan masalah yang dihadapi oleh manusia di zaman primitif. Peningkatan jumlah bunuh diri pada negara-negara maju menunjukkan betapa banyak persoalan manusia moden yang tidak dapat diselesaikan oleh ilmu pengetahuan sehingga penyelesaiannya melalui jalan pintas bunuh diri. Perbuatan bunuh diri manusia moden terjadi kerana mereka telah gagal dalam menemukan akidah yang dapat menjamin kebahagiaan hidup mereka.

Bayangan tentang terjadinya hari kiamat dengan ketidak patuhan planet dan tata suria pada *taqdirnya* merupakan satu kenyataan yang difahami oleh manusia moden. Kesalahan gerak sedikit sahaja dari bumi dan

---

<sup>11</sup>Letusan gunung berapi, angin topan, bahkan tsunami dapat diperkirakan sebelum terjadi, kerana manusia mampu membaca gejala-gejala alam serta penyebab terjadinya malapetaka tersebut.

planet-planet yang ada dapat mengakibatkan kesan yang cukup dahsyat sehingga memungkinkan hancurnya bumi yang ditempati oleh manusia. Ketakutan-ketakutan manusia moden jauh lebih besar dibandingkan dengan ketakutan-ketakutan yang dihadapi oleh manusia primitif pada masa lalu sehingga keperluan manusia kepada akidah yang benar terutama akidah Islam tidak dapat dihindari pada masa kini.

#### **D. Spesifikasi Akidah Islam**

Setiap agama memiliki ciri-ciri khusus yang membezakannya dengan agama lain. Agama Islam misalnya memiliki ciri khas *Rabbāniyyah*,<sup>12</sup> *Insāniyyah*,<sup>13</sup> Universal,<sup>14</sup> *Wasatīyyah*,<sup>15</sup> *‘Ālamiyyah*,<sup>16</sup> *Murūnah*<sup>17</sup> dan beberapa ciri-ciri yang lain.

Akidah sebagai inti ajaran Islam juga memiliki spesifikasi, ciri-ciri khusus serta kelebihan berbanding dengan akidah yang ada pada agama-agama lain. Itu disebabkan kerana agama Islam merupakan agama di akhir

---

<sup>12</sup>Bersumber dari Allah dan tujuan segala perbuatan hanya kepada Allah.

<sup>13</sup>Agama yang dapat dilakukan oleh manusia serta mampu membahagiakan manusia kerana bersesuaian dengan fitrah manusia.

<sup>14</sup>Merangkumi seluruh dimensi kehidupan manusia sehingga tidak ada satu pun segi kehidupan manusia kecuali Islam membincangkannya.

<sup>15</sup>Agama yang tidak ekstrim, sederhana, kuat serta menjadi contoh teladan pada penganjur agama yang lain.

<sup>16</sup>Agama untuk seluruh umat manusia dan bersesuaian dengan seluruh manusia di jagat ini. Tidak ada satu pun manusia yang tidak sesuai dengan ajaran-ajaran Islam.

<sup>17</sup>Agama yang mampu diterapkan dan dijalankan dalam tempat dan waktu di manapun juga.

zaman, ia merupakan agama untuk semua manusia tanpa kecuali. Di antara spesifikasi serta kelebihan-kelebihan yang dimiliki oleh akidah Islam adalah seperti berikut:

### **1. Akidah Islam Adalah Fitrah**

Akidah Islam adalah akidah yang bersesuaian dengan fitrah manusia. Kehadiran akidah Islam dalam kehidupan manusia tidak menjadi beban dan penghalang bagi manusia untuk melakukan aktiviti, bahkan sebaliknya akidah Islam justru merupakan faktor utama kebahagiaan manusia. Apa yang dicari oleh manusia dalam rangka memenuhi keperluan rohaninya dapat terjawab dalam akidah Islam. Salah satu bukti kefitrahan agama Islam adalah akidah tersebut bersesuaian untuk seluruh manusia bila dan di mana sahaja serta sesuai untuk seluruh manusia meskipun memiliki tingkat intelektualiti yang berbeza.

Akidah Islam ketika dipegangi oleh orang awam yang tidak memiliki tingkat intelektualiti yang tinggi seperti petani, buruh dan para pekerja yang tidak memiliki kemampuan berfikir yang tinggi maka ia kemudian menjadi sumber kebahagiaan mereka meskipun hidup dalam keadaan yang serba kekurangan. Hal itu disebabkan kerana keyakinan yang dimiliki bersumber dari akidah Islam yang dipegangi.

Akidah Islam mengajarkan kepada mereka pemahaman bahawa kehidupan manusia bukan berakhir di dunia ini sahaja, tetapi di sebalik kehidupan dunia masih ada hari pembalasan dan hari kebangkitan. Jika mereka kurang beruntung dari segi harta benda dalam kehidupan dunia, mereka kemudian masih berusaha untuk redha dengan kehidupannya kerana masih ada peluang lain untuk hidup bahagia dan penuh dengan rahmat di alam akhirat.

Akidah Islam tersebut memberikan motivasi untuk lebih giat berbuat amal kebajikan berbanding menyesali kehidupannya serta berputus asa.

Begitu juga ketika akidah Islam masuk pada kalangan intelektual yang memiliki tingkat pendidikan yang tinggi, maka akidah Islam mampu memberikan jawapan dari permasalahan metafisik yang tidak pernah tuntas dalam akidah agama lain. Bahkan akidah Islam merupakan akidah yang sangat rasional. Tidak ada satu pun kepercayaan dan keyakinan dalam akidah Islam kecuali ia bersesuaian dengan akal fikiran manusia.

Salah satu di antara bukti rasionaliti akidah Islam adalah ketegasan al-Quran menyeru para penyembah berhala, penganut agama Kristian, Yahudi, penyembah api dan kelompok-kelompok yang tidak bertauhid untuk memberikan alasan terhadap akidah yang mereka pegangi. Hal itu dirakam dalam beberapa firman Allah *Subhānahū Wata'ālā* yang berbunyi “قل هاتوا برهانكم”, beri alasan terhadap apa yang kamu yakini. Akidah Islam juga bersesuaian untuk kaum laki-laki sebagaimana ia bersesuaian dengan kaum wanita.

Dalam al-Quran cukup banyak ayat yang menjelaskan kefitrahan akidah Islam di antaranya firman Allah *Subhānahū Wata'ālā* (Q.S, Ar-Rūm (30): 30

﴿فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَةَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا﴾

Tafsirnya:

(Setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) agama Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia

(dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya.

Agama *hanif* yang dimaksudkan dalam ayat tersebut adalah agama Islam kerana mengajak manusia kepada jalan yang lurus serta membersihkannya dari segala bentuk akidah-akidah yang tidak benar. Fitrah yang dimaksudkan dalam ayat tersebut adalah akidah Islam, akidah yang ada semula jadi pada setiap manusia.

Selari dengan ayat tersebut, Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* menyebutkan secara jelas bahawa akidah Islam adalah akidah yang fitrah sebagaimana dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *Raḍiyallahu ‘Anhu*.

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: قال النبي صلى الله عليه وسلم كل مولود يولد على الفطرة فأبواه يهودانه أو ينصره أو يمجسانه (رواه البخاري).<sup>18</sup>

Maksudnya:

Dari Abi Hurairah *Raḍiyallahu ‘Anhu*, Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* bersabda: Semua anak dilahirkan dalam keadaan fitrah maka kedua ibu bapanyalah yang menyebabkan dia Yahudi, Nasrani atau Majusi. (HR. Bukhari).

Hadith tersebut menjelaskan tentang fitrahnya akidah Islam, ia merupakan akidah semula jadi manusia yang diberikan oleh Allah *Subḥānahū Wata‘ālā*. Adapun akidah-akidah agama lain seperti akidah agama Majusi yang menyembah api, akidah Trinititi dalam agama Kristian

---

<sup>18</sup>Muhammad bin Ismail Abu Abdillah al-Bukhari, (1987), *al-Jami‘ al-Ṣaḥīḥ*, Jld 1, Bab: *Mā Qīla fī Awlad al-Musyrikin*, Beirut-Yamamah: Dār Ibn Kathīr, hlm. 465.

yang mempercayai Tuhan memiliki tiga oknum, iaitu Tuhan bapa, Tuhan Anak dan Ruhul Qudus. Begitu juga Akidah Yahudi yang menganggap 'Uzair sebagai Anak Tuhan. Akidah-akidah tersebut sudah terpengaruh dengan lingkungan dari luar terutama ibu dan bapa yang mendidik manusia sejak ia lahir.

Dalam hadith tersebut hanya disebutkan tiga akidah iaitu Majusi, Nasrani dan Yahudi namun sebenarnya penyebutan tiga akidah tersebut merupakan simbol dari agama-agama yang ada di dunia ini.

Akidah Islam adalah akidah yang menggabungkan antara kesesuaian akal fikiran manusia dengan fitrah semula jadi manusia. Konsep akidah dalam Islam baik *ilāhiyyāt*, *nubuwwāt* mahupun *sam' iyyāt* sangat masuk akal dan tidak bertentangan dengan fitrah semula jadi manusia. Sebab dalam hal-hal tertentu ada yang tidak dapat dijelaskan kecuali hanya kepada orang-orang yang memiliki tingkat intelektualiti yang tinggi, namun akidah Islam sebagai akidah yang fitrah dengan mudahnya diterima oleh orang yang tidak memiliki tingkat rasional yang tinggi kerana pendekatannya adalah fitrah semula jadi manusia. Fitrah semula jadi manusia tidak memerlukan intelektualiti tetapi hati nurani yang memiliki piawaian yang sama pada semua manusia.

Dapat dibayangkan konsep ketuhanan yang dibawa oleh para filosof yang susah untuk difahami oleh orang awam kerana menggunakan istilah-istilah yang susah difahami kecuali orang yang terlibat dalam dunia falsafah. Di samping itu penjelasan para filosof tentang konsep tuhan saja sangat berbelit-belit dan susah difahami yang pada

akhirnya juga semakin jauh dari gambaran tentang tuhan yang memiliki sifat-sifat yang agung.

Salah satu bukti di antara susahnya konsep teologi yang dibawa oleh para filosof adalah teori mereka tentang penciptaan alam semesta yang disampaikan oleh al-Farabi dan Ibnu Sina melalui teori *al-faidnya* (teori emanasi atau sering disebut dengan teori urutan dalam kejadian alam semesta).<sup>19</sup> Teori tersebut sangat membingungkan dan susah untuk difahami meskipun yang membacanya orang yang memiliki intelektualiti yang tinggi dan menggeluti bidang falsafah. Konsep emanasi atau *al-faid* jelas tidak dapat difahami oleh orang awam.

## **2. Akidah Islam Jelas dan Mudah Difahami**

Akidah Islam sangat mudah difahami oleh setiap manusia kerana ia bersifat sederhana dan tidak berlandaskan pada kepercayaan tahyul dan khurafat (kepercayaan karut). Akidah Islam juga tidak berbelit-belit dan tidak susah difahami. Ketika membincangkan tentang Allah *Subhānahū Wata'ālā* yang memiliki sifat 20 maka dengan mudahnya difahami kerana akan terbayang bagi orang yang mendengarkannya bahawa Tuhan Pencipta alam semesta adalah Maha Esa, tidak memiliki sekutu, tidak beranak dan tidak pula diperanakkan, bahkan tidak serupa dengan makhlukNya.

Penjelasan tentang akidah Islam terutama yang berdasarkan pendekatan Ahli Sunnah Waljama'ah sangat mudah difahami. Keyakinan tentang Allah *Subhānahū*

---

<sup>19</sup>Lihat Zakariya Bashīr Imām, (1998), *Tārikh al-Falsafah al-Islāmiyyah*, Khartom: Dār al-Sudāniyyah li al-Kutub, h.138.

*Wata'ālā* yang Maha Esa dapat diterima oleh akal yang sihat, kerana jika terdapat dua tuhan maka akan terjadi malapetaka dan bencana besar pada alam semesta. Alam semesta termasuk manusia akan menjadi binasa akibat dari perebutan oleh dua kekuatan yang maha dahsyat. Kenyataan itu terjadi setiap saat di dunia ini ketika terjadi dua kekuatan yang saling berebut pengaruh terhadap satu objek.

Adapun akidah yang terdapat pada agama lain seperti konsep Trinititi dalam agama Nasrani yang menyebutkan bahawa Tuhan terdiri dari tiga oknum yang bersatu iaitu: Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Ruhul Qudus adalah satu teologi yang sangat pelik untuk dijelaskan dan sangat susah untuk diterima oleh akal fikiran manusia.

Penyatuan antara manusia biasa yang terikat dengan berbagai hukum *causality* (*sunnatullah*) dengan Tuhan yang bebas dari segala bentuk keterikatan, jelas tidak mungkin terjadi. Bagaimana mungkin Tuhan yang tidak perlu tidur menyatu dengan manusia yang terikat dengan *sunnatullah* tidur. Bagaimana mungkin Tuhan yang tidak terikat dengan hukum tempat dan waktu menyatu dengan manusia yang sangat terikat dengan hukum tempat dan waktu. Bagaimana mungkin Tuhan yang tidak terikat dengan hukum makan dan minum menyatu dengan manusia yang selepas makan dan minum terikat dengan kebiasaan pergi ke tandas. Rangkaian pertanyaan berikutnya tentang perbezaan manusia biasa dengan sifat ketuhanan akan muncul. Pada akhirnya dapat menggugurkan keyakinan tentang akidah trinititi Kristian.

Begitu juga konsep akidah dalam agama Hindu dan Buddha yang menyebutkan berbilangnya tuhan, seperti

adanya tuhan pencipta, tuhan pemelihara serta tuhan perosak. Dalam beberapa keyakinan yang lain meyakini adanya tuhan kebaikan dan tuhan kejahatan. Akidah tersebut sangat susah untuk diterima dalam kehidupan manusia dan sangat susah untuk difahami oleh akal fikiran yang sihat. Jika pembahagian tuhan-tuhan tersebut jika dipaksakan untuk diterima, maka yang terjadi adalah tuhan berebut pengaruh untuk disembah yang mengakibatkan pertelingkahan antara tuhan-tuhan tersebut. Mana-mana tuhan yang lebih kuat maka dialah yang akan berkuasa dan tuhan yang lemah akan menjadi mangsa dari tuhan-tuhan yang kuat serta berkuasa.

Sebaliknya, manusia akan memilih tuhan berdasarkan kepentingan dalam kehidupan mereka. Penjahat dan pendosa akan memilih tuhan kegelapan, tuhan penghancur kerana tuhan tersebutlah yang dapat memberikan motivasi serta perlindungan dari kejahatan yang dilakukannya.<sup>20</sup> Adapun manusia-manusia yang taat dan berbuat baik justeru sebaliknya akan memilih tuhan kebaikan kerana tuhan tersebutlah yang akan menghargai segala bentuk kebaikan yang dilakukan. Akhirnya tuhan kebaikan akan bersatu dengan manusia-manusia yang baik untuk berperang dengan tuhan kejahatan yang bersatu dengan manusia-manusia jahat. Suatu bentuk keyakinan yang tidak masuk akal fikiran.

Tuhan pencipta akan menjadi murka kerana tuhan perosak dengan seenaknya merosak apa yang telah

---

<sup>20</sup>Kenyataan ini dapat disaksikan dalam beberapa tayangan filem tentang tuhan kebaikan dan tuhan kejahatan yang saling berebut kekuasaan. Suatu gambaran tentang akidah yang karut berlandaskan pada khurafat.

diciptakan oleh tuhan pencipta, maka pada terakhirnya tuhan pencipta akan bersatu padu dengan tuhan pemelihara untuk melawan tuhan perosak. Satu teologi yang sangat susah untuk difahami bagi manusia yang berakal, dua tuhan melawan tuhan yang lain yang entah akan dimenangkan oleh tuhan yang mana.

Akidah Islam adalah akidah yang bukan hanya sekadar doktrin tanpa didukung oleh dalil-dalil yang logik. Akidah Islam bukan akidah yang mendorong penganutnya untuk *bertaqlid* buta sebagaimana dalam doktrin sebahagian agama yang mengatakan “percayalah dan kamu buta” atau “berimanlah terlebih dahulu baru memahami”, “pejamkan matamu baru kemudian mengikut padaku” atau seperti ungkapan filosof dan pendeta Nasrani yang mengatakan “saya beriman kepada hal-hal yang diimani kerana hal itu adalah mustahil”.<sup>21</sup>

Slogan-slogan seperti ini sangat ditentang dalam akidah Islam kerana mengajarkan kepada penganutnya *taqlid* buta, sementara dalam agama Islam diajarkan untuk tidak mengikut sesuatu kecuali memahami dan mengerti duduk persoalannya. Manusia dalam pandangan Islam akan dipertanggungjawabkan dengan apa yang dilakukan.<sup>22</sup>

---

<sup>21</sup>Yusuf al-Qardawi, (1984), *al-Īmān Wa al-Ḥayāh*, cet. I, Beirut: Mu’assasah al-Risālah, hlm 49.

<sup>22</sup>Lihat (Q.S. al-Isra’ (17): 36) yang tafsirnya: “Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya”.

Keimanan orang yang *bertaqlid* dalam akidah Islam dianggap tidak sah jika ia mampu mengetahui dalil-dalil dari kepercayaan yang diyakini.

Akidah Islam adalah akidah yang mengajak kepada orang yang tidak percaya kepada konsep teologi Islam untuk memberikan alasan tentang keyakinan mereka. Allah *Subhānahū Wata'ālā* melalui firmanNya dalam al-Quran mengajak orang-orang Nasrani dan Yahudi untuk berdialog dan berdebat serta memberikan dalil yang dapat diterima oleh akal tentang konsep ketuhanan yang mereka yakini. Di antara firman Allah *Subhānahū Wata'ālā* adalah seperti berikut:

- a. Ketika Yahudi dan Nasrani saling menyatakan bahawa hanya mereka yang paling berhak untuk menghuni syurga, al-Quran datang mengajak mereka untuk memberikan alasan atas pernyataan tersebut. (Q.S. al-baqarah (2): 111):

﴿وَقَالُوا لَنْ يَدْخُلَ الْجَنَّةَ إِلَّا مَنْ كَانَ هُودًا أَوْ نَصَارَى تِلْكَ

أَمَانِيُّهُمْ قُلْ هَاتُوا بُرْهَانَكُمْ إِن كُنْتُمْ صَادِقِينَ﴾

Tafsirnya:

Dan mereka (Yahudi dan Nasrani) berkata pula: "Tidak sekali-kali akan masuk syurga melainkan orang-orang yang beragama Yahudi atau Nasrani". Yang demikian itu hanyalah angan-angan mereka sahaja. Katakanlah (Wahai Muhammad): "Bawalah kemari keterangan-keterangan yang

(membuktikan kebenaran) apa yang kamu katakan itu, jika betul kamu orang-orang yang benar".

- b. Hal yang serupa juga dirakam dalam firman Allah *Subhānahū Wata'ālā* (Q.S. An-Naml (27): 64), yaitu ketika orang musyrikin menganggap ada tuhan yang layak untuk disembah selain Allah. Al-Quran justeru mencabar mereka untuk memberikan keterangan.

﴿أَمْ مَنْ يَبْدَأُ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ وَمَنْ يَرْزُقُكُمْ مِنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ  
أَتِلَّةٌ مَعَ اللَّهِ قُلْ هَاتُوا بُرْهَانَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ﴾

Tafsirnya:

Atau siapakah yang memulakan kejadian sekalian makhluk, kemudian Dia mengembalikannya (hidup semula sesudah matinya). dan siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? Katakanlah (Wahai Muhammad): "Bawalah kemari keterangan-keterangan kamu, jika betul kamu orang-orang yang benar".

Ketika al-Quran membincangkan tentang ketuhanan ia mengajak kepada manusia untuk memikirkan diri mereka, alam persekitaran dan angkasa raya untuk sampai kepada suatu kesimpulan adanya Allah *Subhānahū Wata'ālā*. Dalam agama Islam akal merupakan hal yang sangat penting untuk memahami *naş*. Dalam pandangan Islam, *naş* yang *şahih* tidak akan bertentangan dengan akal yang sihat kerana keduanya bersumber dari Allah *Subhānahū Wata'ālā*.

Begitu juga ketika al-Quran membincangkan tentang akidah kebangkitan dari kubur, al-Quran memberikan perbandingan antara penciptaan pertama dengan hanya sekadar memodifikasi penciptaan. Keberadaan manusia di dunia adalah ciptaan pertama sementara kebangkitan manusia dari kubur hanyalah satu modifikasi. Penjelasan tersebut sangat mudah difahami kerana realitinya modifikasi jauh lebih mudah berbanding dengan menciptakan yang sesuatu yang baru.<sup>23</sup>

### **3. Akidah Islam tidak berubah-ubah**

Salah satu di antara ciri khas akidah Islam adalah bersifat pasti dan tidak berubah-ubah. Akidah Islam tidak mengalami penambahan dan tidak mengalami pengurangan. Apa yang diimani oleh umat Islam sekarang ini dan umat Islam yang akan datang sampai hari kiamat adalah juga sama dengan apa yang telah diimani oleh Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* bersama para sahabat dan *tābi‘in* pada masa lalu. Al-Quran yang dibaca oleh umat Islam pada masa kini itu juga yang dibaca oleh Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* dan para sahabatnya.

Para ulama, pemerintah dan konferensi serta *mu‘tamar* umat Islam tidak memiliki kuasa sama sekali untuk meninjau semula akidah Islam, apalagi untuk melakukan perubahan. Perubahan dalam akidah menurut pandangan Islam adalah merupakan satu kesalahan besar dan dapat berujung pada kekufuran. Hal tersebut berbeza dengan teologi sebahagian agama dan aliran kefahaman

---

<sup>23</sup>Lihat (Q.S. al-A‘raf (7): 9), (Q.S. al-Kahfi (18): 48, (Q.S. Yāsin (36): 79).

yang bercanggah dengan akidah Islam. Sering kali didengar ada beberapa agama yang memodifikasi akidah mereka melalui *mu'tamar* para pemimpin agama. Bahkan hasil *mu'tamar* dimasukkan dalam teologi mereka.

Kelompok-kelompok dan golongan yang ingin melakukan perubahan dalam akidah Islam ditentang keras oleh hadith Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* mahupun ayat-ayat al-Quran. Kekekalan akidah Islam yang murni akan terjaga sampai akhir zaman. Di antara *naṣ* yang menentang keras perubahan dalam akidah adalah seperti berikut:

- 1) Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* menegaskan bahawa segala sesuatu yang baru baik bertambah mahupun berkurang dalam masalah akidah adalah ditolak.

«من أحدث في أمرنا هذا ما ليس فيه فهو رد» (رواه البخاري)

Hadith ini membincangkan penolakan terhadap perubahan-perubahan akidah Islam. Namun sangat disayangkan hadith tersebut adakalanya dijadikan alasan bagi Salafi Wahabi untuk membid'ahkan segala bentuk amalan yang tidak dijumpai di zaman Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* meskipun amalan tersebut tidak bertentangan dengan Sunnah Rasul.<sup>24</sup>

---

<sup>24</sup>Salafi Wahabi menganggap semua perbuatan -terutama yang berhubung kait dengan agama- yang tidak pernah dicontohkan oleh Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* sebagai perbuatan bid'ah. Padahal jika dikatakan bahawa segala bentuk perbuatan yang tidak bercanggah dengan sunnah Rasulullah dan *maqāṣid* shar'iy (tujuan shari'at) adalah harus (boleh), itu jauh lebih benar. Jika. Logika ini akan membuat umat Islam jauh lebih kreatif dan lebih inovatif dalam

- 2) (Q.S. Ash-Shura (42): 21) menjelaskan bahawa orang yang melakukan perubahan dalam akidah dicop sebagai orang yang zalim dan akan mendapatkan balasan siksa baik di dunia mahupun di akhirat.

﴿أَمْ لَهُمْ شُرَكَاءُ شَرَعُوا لَهُمْ مِنَ الدِّينِ مَا لَمْ يَأْذَنْ بِهِ اللَّهُ وَلَوْلَا كَلِمَةُ الْفَصْلِ لَفُضِّيَ بَيْنَهُمْ وَإِنَّ الظَّالِمِينَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ﴾

Tafsirnya:

Patutkah mereka mempunyai sekutu-sekutu yang menentukan- mana-mana bahagian dari agama mereka- sebarang undang-undang yang tidak diizinkan oleh Allah? dan kalaulah tidak kerana kalimah ketetapan yang menjadi pemutus (dari Allah, untuk menengguhkan hukuman hingga ke suatu masa yang tertentu), tentulah dijatuhkan azab dengan serta-merta kepada mereka (yang berbuat demikian). Dan Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

Berdasarkan dari prinsip berakidah tersebut ajaran Islam sangat menentang keras bentuk-bentuk tahyul, khurafat dan bid'ah kerana bertentangan dengan akal yang

---

melakukan sebuah tidakan berbanding logika yang dibangun Salafi Wahabi. Menyambut Maulid Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* misalnya, perbuatan tersebut tidak pernah dilakukan di zaman Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* sehingga dibid'ahkan oleh Wahabi, padahal perayaan *maulidurrasul* tidak bercanggah dengan sunnah Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* dan tidak bertentangan dengan *maqāsid al-shar'iy*, bahkan perayaan *maulidurrasul* merupakan salah satu shi'ar Islam dalam memperkenalkan budi pekerti Baginda Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam*.

sihat. Meskipun demikian, umat Islam juga perlu berhati-hati dan memahami dengan baik permasalahan-permasalahan tersebut kerana semakin berkembangnya pembid'ahan terhadap hal-hal yang semestinya tidak dibid'ahkan, padahal ayat tersebut sangat berhubung kait dengan akidah dan bukan dalam bidang ijtihad.

#### **4. Akidah Islam bersifat *Wasatīyyah***

Prinsip akidah Islam adalah keseimbangan, meletakkan kedudukan setiap persoalan pada tempat yang sewajarnya bukan melebih-lebihkan persoalan yang ringan atau menganggap ringan persoalan yang semestinya mendapat perhatian yang serius. Tuhan yang disembah dalam pandangan akidah Islam semestinya diletakkan pada kedudukan Allah Yang Maha Agung, tidak ada satu pun makhluk yang sepadan denganNya ataupun menyerupainya sifat-sifat yang sama dengan sifat-sifat yang dimilikiNya.

Oleh kerana itu, akidah Islam sangat bertentangan dengan *ekstrimisme* akidah. Akidah Islam berada di antara dua kelompok yang ekstrim dalam berakidah iaitu:

##### **a. *Kelompok materialalistik***

Iaitu golongan yang hanya percaya pada sesuatu yang bersifat material, sementara persoalan-persoalan metafisik yang tidak dapat dijangkau oleh panca indra manusia tidak diimani, mereka adalah para ateis yang tidak bertuhan, bahkan tuhan dalam pandangan mereka adalah ciptaan manusia yang diliputi perasaan takut dari kekuatan *super natural* (kekuatan ghaib). Akibatnya banyak kalangan ateis menemukan jalan buntu ketika menghadapi persoalan yang tidak dapat dipecahkan penyelesaiannya melalui pendekatan material. Akibatnya di negara-negara

maju yang menganut fahaman ateis banyak melakukan bunuh diri ketika berada dalam kebimbangan dan kebingungan yang tidak diselesaikan melalui keyakinan mereka.

***b. Kelompok yang sangat ekstrim dalam bertuhan***

Kelompok ini menganggap tuhan berbilang. Tuhan ada di mana-mana, tuhan menjelma dalam diri para penguasa, tuhan berada dalam diri haiwan. Hidup mereka bergantung pada banyak tuhan sehingga haiwan-haiwan yang dianggap memberikan manfaat dan menciptakan rasa takut juga dipertuhankan. Bahkan pohon-pohon yang rendang dan tidak mampu meninggalkan tempatnya juga dipertuhan. Akidah semacam ini bererti menurunkan darjat Tuhan sama seperti makhluk dan menaikkan darjat makhluk yang diciptakan sedarjat dengan Tuhan yang Maha Pencipta.

Akidah Islam menolak kedua model akidah tersebut sebab dalam akidah Islam Allah *Subhānahū Wata'ālā* adalah di atas segalanya. Dialah yang memberi rezeki, melindungi dan memberikan balasan di akhirat sesuai kadar amal ibadah manusia waktu hidup di dunia. Tuhan dalam pandangan akidah Islam tidak menyerupai makhluk manapun. Tuhan sama sekali tidak dapat disejajarkan dengan makhlukNya.

Tuhan dalam pandangan Islam adalah Allah *Subhānahū Wata'ālā* yang memberikan kekuasaan kepada hambaNya dan Dia juga yang menarik kekuasaan itu. Dia memberikan manfaat dan tidak ada satu pun yang dapat mencegahNya. Dia yang menarik nikmat dari hambaNya dan tidak ada satu kekuatan pun yang mampu menahan keinginan tersebut. Satu akidah yang berada pada jalur

yang benar. Akidah yang sangat bertentangan dengan dua model ekstrim dalam berakidah, tidak bertuhan dan mempertuhankan banyak tuhan.

Dalam masalah kenabian, akidah Islam meletakkan kedudukan Nabi dan rasul tidak lebih dari kapasitasnya sebagai manusia biasa yang diberikan wahyu dan tugas untuk membimbing manusia ke jalan yang diredhai oleh Allah *Subhānahū Wata'ālā*. Oleh kerana itu dalam akidah Islam Nabi dan rasul tidak boleh dipertuhan kerana ia hanya merupakan rasul Allah.

Setinggi manapun cinta umat Islam pada Nabi Muhammad *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam*, bahkan para sahabat lebih rela mengorbankan jiwa dan raganya demi menjaga kehormatan baginda namun tidak ada satu pun sahabat mahupun umat Islam yang mempertuhankan Nabi Muhamad *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam*.

Ketika Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* kembali menemui Sang *Khaliq*, Umar bin Khattab sangat terkejut dan terpukul sehingga ia menghunus pedangnya sambil menegaskan: “Siapa yang mengatakan Muhammad wafat maka saya akan potong lehernya”. Namun Abu Bakar dengan tenangnya mengingatkan Umar bin Khattab tentang akidah Islam yang sebenarnya. Beliau mengatakan: “Barang siapa yang menyembah Muhammad maka sesungguhnya Muhammad telah menghadap Tuhannya dan barang siapa yang menyembah Allah *Subhānahū Wata'ālā* maka sesungguhnya Allah Maha Hidup”. Selepas itu Abu Bakar membacakan ayat (QS. Ali Imran (3):144)

﴿وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ أَفَإِنْ مَاتَ أَوْ قُتِلَ  
انْقَلَبْتُمْ عَلَىٰ أَعْقَابِكُمْ وَمَنْ يَنْقَلِبْ عَلَىٰ عَقْبَيْهِ فَلَنْ يَصُرَ اللَّهُ شَيْئًا  
وَسَيَجْزِي اللَّهُ الشَّاكِرِينَ﴾

Tafsirnya:

Dan Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang Rasul yang sudahpun didahului oleh beberapa orang Rasul (yang telah mati atau terbunuh). jika demikian, kalau ia pula mati atau terbunuh, (patutkah) kamu berbalik (berpaling tadah menjadi kafir)? dan (ingatlah), sesiapa yang berbalik (menjadi kafir) maka ia tidak akan mendatangkan *muḍārat* kepada Allah sedikitpun; dan (sebaliknya) Allah akan memberi balasan pahala kepada orang-orang yang bersyukur (akan nikmat Islam yang tidak ada bandingannya itu).

Sejenak Umar bin Khattab terpegun kemudian membenarkan ungkapan Abu Bakar Aṣiddīq. Inilah di antara spesifikasi akidah Islam yang sangat istimewa. Sebenarnya masih banyak lagi spesifikasi yang lain namun keempat ciri-ciri khas tersebut sudah dapat mewakili gambaran tentang keutamaan akidah Islam berbanding dengan akidah dan teologi agama-agama lain.

## **BAB II**

### **ISLAM**

#### **(Agama dan Ajaran)**

Agama Islam adalah agama yang damai, membawa rahmat bagi alam semesta (*rahmatan lil'ālamīn*), kerana agama Islam mengajarkan kepada pemeluknya untuk tunduk, patuh, ikhlas dan berserah diri hanya kepada Allah *Subhānahū Wata'ālā*. Umat Islam yang benar-benar menghayati ajaran agamanya adalah mereka yang taat terhadap aturan yang membawa kepada kebahagiaan, keselamatan dan kedamaian. Keselamatan untuk diri sendiri, keluarga, kelompok dan manusia secara umum.

Nilai-nilai agung ajaran Islam, mulai ternodai dalam kehidupan semasa kerana banyaknya *Islamfobia* (penjelekan Islam) yang dihembuskan oleh Barat dalam rangka menghalangi laju penyebaran Islam di Eropah dan Amerika. Di antara isu-isu Barat yang disebarluaskan adalah penamaan Islam sebagai agama yang tidak manusiawi, Islam sebagai agama teroris, Islam Fundamentalis dan sederet nama-nama lain yang mempersendakan agama Islam. Akibat dari propaganda Barat tersebut sehingga agama Islam menjadi satu agama

yang ditakuti dan dianggap tidak layak untuk berkembang di abad ini.<sup>25</sup>

Kesan lain dari kesalahfahaman terhadap hakikat Islam adalah munculnya diskriminasi terhadap pemeluk agama Islam di negara-negara yang majoriti penduduknya tidak beragama Islam. Dalam kehidupan semasa telah muncul istilah *Islamfobia*<sup>26</sup> bahkan di beberapa tempat terjadi pembersihan etnis seperti yang terjadi di Bosnia Hersegovina, Myanmar, Palestin dan beberapa negara minoriti Muslim.

Di samping propaganda Barat yang mempersendakan Islam, terdapat juga kejahilan sebahagian pemeluknya yang menampilkan Islam dengan cara-cara yang tidak Islami,<sup>27</sup> sehingga semakin menjauhkan

---

<sup>25</sup>Kesalahan sebahagian orang Barat dalam menilai suatu agama disebabkan kerana mereka melakukan kajian agama berdasar pada kaedah *fenomenologi*. Iaitu mengkaji agama dari segi fenomena pemeluknya dan bukan dari segi *esensi* (hakikat) agama tersebut. Dalam kaedah ini pengkaji agama memberikan penilaian terhadap agama menurut apa yang difahami oleh pemeluknya sendiri, bukan menurut inti ajaran agama tersebut. Akibatnya penilaian mereka terhadap agama Islam banyak berdasar pada prilaku sebahagian umat Islam yang pada hakikatnya tidak dapat dianggap mewakili ajaran Islam.

<sup>26</sup>Gambaran jelek tentang agama Islam yang sengaja dihembuskan oleh media-media Barat.

<sup>27</sup>Roger Graudi salah seorang orientalis Perancis yang memeluk agama Islam kerana menemukan keindahan akhlak dan tingkah laku serta budi pekerti dari ajaran Islam yang beliau baca, suatu masa beliau ingin melihat realiti Islam dan aplikasinya dari para pemeluknya, sehingga beliau memutuskan untuk melakukan perjalanan ke negara-negara majoriti berpenduduk Muslim. Namun sungguh di luar perkiraan, beliau mendapati pemeluk agama Islam sangat berbeza dengan apa yang beliau baca selama ini, sehingga beliau mengeluarkan ungkapan yang terkenal: "*Alhamdu lillah, Allah Subhānahū Wata'ālā telah memberikan kepadaku hidayah memeluk agama Islam sebelum*

pemeluk agama lain dari pemahaman terhadap Islam yang sebenarnya. Oleh kerana itu umat Islam perlu melakukan usaha untuk menjelaskan Islam sebagaimana yang diajarkan oleh Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* dan dipraktikkan oleh para sahabat Baginda yang lebih terkenal dengan sebutan kefahaman Ahli Sunnah Waljama‘ah.

Bertolak dari dasar pemikiran ini penulis berusaha memberi gambaran tentang hakikat Islam yang sebenarnya, baik dari segi Islam sebagai agama mahupun dari sudut pandangan Islam sebagai ajaran. Penjelasan tentang hakikat Islam dalam kehidupan semasa dirasa sangat penting agar supaya agama Islam dapat difahami sebagai suatu ajaran dan bukan berdasar pada fenomena yang dipraktikkan oleh sebahagian pemeluknya.

### **A. Pengertian Islam Menurut Bahasa**

Dari segi bahasa kata Islam memiliki beberapa erti, namun secara kesimpulannya ada dua erti yang lazim dipakai iaitu:

#### **1. Tunduk, Patuh serta berserah diri**

Tunduk dan patuh serta berserah diri bererti ikhlas dan pasrah secara total kepada Allah *Subhānahū Wata‘ālā*. Menurut bahasa, tunduk dan patuh serta berserah diri sepenuhnya kepada sesama manusia juga diistilahkan dengan Islam atau *salaman* sebagaimana dalam firman Allah *Subhānahū Wata‘ālā* (Q.S. Az- Zumar (39): 29)

---

*saya mengetahui realiti umat Islam*". Ungkapan beliau tersebut menunjukkan bahawa cukup banyak nilai-nilai Islam sudah terabaikan oleh pemeluknya.

﴿ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا رَجُلًا فِيهِ شُرَكَاءُ مُتَشَاكِسُونَ وَرَجُلًا سَلَمًا لِرَجُلٍ هَلْ  
يَسْتَوِيَانِ مَثَلًا الْحَمْدُ لِلَّهِ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ﴾

Tafsirnya:

Allah memberikan satu contoh perbandingan: seorang hamba lelaki yang dimiliki oleh beberapa orang yang berkongsi yang bertentangan tabiat dan kemahuannya; dan seorang hamba lelaki yang lain hanya dimiliki oleh seorang sahaja; Adakah kedua-dua hamba itu sama keadaannya (tentulah tidak sama). Ucaplah: "*Alhamdulillah*" (sebagai bersyukur terhadap penjelasan soal Tauhid itu) bahkan kebanyakan mereka (yang musyrik) tidak mengetahui (hakikat tauhid).

Ayat tersebut menjelaskan perbandingan seorang hamba sahaya yang memiliki tuan lebih dari satu orang dengan hamba sahaya yang hanya berserah diri sepenuhnya pada satu tuan. *Salaman* yang memiliki akar kata sama dengan Islam bererti penyerahan diri sepenuhnya.

Dengan pengertian *lughawi* (bahasa) dari Islam, maka orang yang beragama Islam adalah mereka yang tunduk dan patuh serta berserah diri sepenuhnya kepada Allah *Subhānahū Wata‘ālā* sehingga segala bentuk aktifitas kehidupannya dalam rangka mencari keredhaan Allah *Subhānahū Wata‘ālā*.

Tunduk dan patuh serta penyerahan diri sepenuhnya bagi seorang Muslim kepada Allah *Subhānahū Wata‘ālā* diikrarkan dalam bacaan doa *iftitah* setiap kali melaksanakan ibadah sembahyang:

إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ  
أُمِرْتُ وَأَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ.<sup>28</sup>

Ertinya:

Sesungguhnya sembahyangku, gerak gerikku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan semesta alam. Tiada sekutu bagiNya; dan demikian itulah yang diperintahkan kepadaku dan aku adalah termasuk orang yang menyerahkan diri (kepada Allah).

Doa *iftitah* tersebut merangkumi makna yang begitu luas. Suatu ikrar dari seorang Muslim yang menyerahkan seluruh dimensi kehidupannya hanya kepada Allah *Subhānahū Wata'ālā* melalui empat kata iaitu:

**a. Solati (Sembahyangku)**

Ungkapan ini mewakili seluruh jenis ibadah *maḥḍah* (langsung) kepada Allah *Subhānahū Wata'ālā* sehingga menutup kemungkinan adanya perasaan *ria'* dalam melakukannya. Seorang Muslim yang tunduk patuh dan berserah diri dalam melakukan ibadah harus berniat dengan ikhlas setiap kali ingin melakukan ibadah. Niat yang ikhlas merupakan awal dari peruntukan ibadah tersebut hanya kepada Allah *Subhānahū Wata'ālā* serta menghindarkan orang yang melakukannya dari penyerahan diri selain kepada Allah. *Solati* dalam doa tersebut mewakili ibadah sembahyang, zakat, puasa dan ibadah haji.

---

<sup>28</sup>Doa *iftitah* tersebut diambil dari firman Allah *Subhānahū Wata'ālā* (Q.S. al-An'am (6): 162)

Ketika seorang Muslim melakukan ibadah, ia semestinya melakukannya dengan tulus ikhlas meskipun ia belum memahami dan mengetahui rahsia-rahsia di balik perintah tersebut. Dalam pelaksanaan sembahyang misalnya, ada gerakan-gerakan tertentu seperti berdiri, *i'tidal*, ruku', duduk dan sujud, semuanya dilakukan dalam rangka tunduk, patuh dan berserah diri hanya kepada Allah *Subhānahū Wata'ālā* tanpa mempertanyakan kenapa mesti ruku', kenapa mesti sujud dan seterusnya.

Dalam pelaksanaan ibadah haji misalnya, umat Islam melakukannya dengan pembuktian tunduk, patuh dan berserah diri kepada Allah *Subhānahū Wata'ālā*. Umat Islam ketika tawaf di Baitullah, mereka bertawaf sambil mengelilingi batu. Begitu juga ketika mencium Hajar Aswad, yang dicitum adalah batu, bahkan ketika melontar jamrah (*'Ula*, *Wuṣṭa* dan *'Aqabah*), yang dilontar dan dipakai melontar juga adalah batu. Sepintas orang-orang yang tidak mengerti dengan ajaran agama Islam akan beranggapan bahawa perbuatan orang-orang Islam tersebut aneh, sebab batu dijadikan media dalam bertawaf, batu dikelilingi, batu dicitum dan batu dilontar.

Hakikat yang sebenarnya adalah umat Islam melakukan semua perbuatan tersebut bukan kerana mengagungkan batu atau membenci batu. Perbuatan tersebut dilakukan oleh umat Islam dalam rangka pembuktian keimanan sebagai seorang Muslim yang tunduk patuh dan berserah diri pada perintah Allah *Subhānahū Wata'ālā*.<sup>29</sup> Juga sebagai pembuktian sebagai

---

<sup>29</sup>Penyebab dilaknatnya Iblis dan dikeluarkannya dari rahmat Allah *Subhānahū Wata'ālā* kerana ia tidak ta'at terhadap perintah Allah. Iblis melihat apa yang diperintahkan tidak pantas dilakukan olehnya, tetapi Iblis keliru kerana tidak melihat siapa yang

umat yang mencontoh serta meneladani Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam*.

Begitu juga ibadah puasa dan zakat, semuanya dilakukan dengan ikhlas sebagai perwujudan dari keislaman seorang Muslim yang tunduk patuh dan berserah diri hanya kepada Allah *Subhānahū Wata‘ālā*. Sikap tunduk dan patuh pada aturan dan shari‘at Allah merupakan faktor utama yang menyebabkan manusia selamat dalam menggapai kebahagiaan dunia dan akhirat. Hal tersebut telah dijelaskan dalam firmanNya (Q.S. Asy-Syu‘ara’ (26): 88-89):

﴿يَوْمَ لَا يَنْفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ . إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ﴾

Tafsirnya:

"Hari yang padanya harta benda dan anak-pinak tidak dapat memberikan pertolongan sesuatu apapun. "Kecuali (harta benda dan anak-pinak) orang-orang yang datang menghadap Allah dengan hati yang selamat sejahtera (dari syirik dan penyakit munafik).

Ayat tersebut menjelaskan bahawa di alam akhirat kelak harta benda yang berlimpah serta anak-anak dan keturunan tidak ada yang dapat membantu, kerana semua manusia sudah sibuk dengan urusannya masing-masing. Hanya satu yang dapat menyelematkan manusia iaitu *Qalbun Salīm* yang bererti hati yang tunduk patuh serta berserah diri sepenuhnya hanya kepada Allah *Subhānahū Wata‘ālā*.

---

memerintahnya. Penyerahan diri seorang Muslim kepada Allah dalam menjalankan perintahnya adalah suatu upaya untuk menghindari perbuatan yang sama dengan apa yang dilakukan oleh Iblis.

**b. Nusuki (aktifitiku)**

Ungkapan ini mewakili seluruh aktifitas seorang Muslim dalam menjalani kehidupan sehari-hari, termasuk dalam menjalankan aktifitas rutin dalam mencari rezeki untuk diri, anak-anak dan keluarga. Seorang Muslim akan terhindar dari segala bentuk perbuatan tercela<sup>30</sup> dalam menjalankan aktifitasnya kerana ia sentiasa sedar bahawa aktifitas tersebut bertujuan untuk mencari keredhaan Allah *Subhānahū Wata'ālā*.

Seorang Muslim memiliki kelebihan dan kemuliaan, kerana segala bentuk aktifitas yang dijalankannya akan berubah menjadi ibadah di sisi Allah *Subhānahū Wata'ālā* jika ia berniat mencari redha Allah melalui aktifitas tersebut. Bagi seorang Muslim yang ingin melangkah kakinya kepada tempat pekerjaannya kemudian ia berniat agar supaya pekerjaan tersebut memberikan faedah pada diri, keluarga, umat Islam dan manusia secara umum, maka Muslim tersebut sejak ia bertolak dari rumahnya sampai ia kembali lagi kerumahnya akan terhitung segala aktifitasnya sebagai ibadah di sisi Allah *Subhānahū Wata'ālā*.

Muslim tersebut jika ia meninggal dalam menjalankan aktifitasnya maka sebenarnya ia terhitung meninggal dalam keadaan beribadah kepada Allah *Subhānahū Wata'ālā*.

**c. Maḥyaya (hidupku)**

Ungkapan ini memberikan kefahaman bahawa seorang Muslim mengabdikan sepenuh hidupnya pada jalan Allah, sehingga setiap kali melakukan suatu tindakan dan

---

<sup>30</sup>Seperti penipuan, manipulasi data, pencurian dan segala macam bentuk penggelapan harta benda orang lain yang diharamkan oleh shari'at.

keputusan maka di balik keputusan tersebut ada pertimbangan *ukhrawi* dan mencari keredhaan Allah *Subhānahū Wata ‘ālā*.

Seorang Muslim dalam melakukan aktifitas, bukan hanya sekadar mencari kepentingan peribadi atau hanya sekadar pertimbangan duniawi belaka. Seorang Muslim hidupnya dipenuhi dengan kebaikan kerana hidup seorang Muslim bukan untuk makan dan minum sahaja. Juga bukan untuk bersenang-senang, tetapi hidupnya adalah pengabdian dan mencari rahmat dan keredhaan Allah. Iaitu suatu keyakinan semuanya akan mendapatkan ganjaran dari Allah *Subhānahū Wata ‘ālā* di akhirat kelak.

#### **d. Mamatī (matiku)**

Ungkapan ini adalah satu pernyataan bahawa cita-cita seorang Muslim yang paling agung adalah meninggal di jalan Allah *Subhānahū Wata ‘ālā*. Seorang Muslim akan menghindari segala bentuk perbuatan maksiat mahupun tempat yang dapat menyebabkan kematiannya bukan pada jalan Allah. Hal ini selari dengan firman Allah *Subhānahū Wata ‘ālā* dalam (Q.S. Ali Imran (3): 102)

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ﴾

Tafsirnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.

Mungkin akan muncul pertanyaan bahawa ayat tersebut memerintahkan umat Islam agar jangan mati kecuali dalam keadaan *Muslimun* (berserah diri). Padahal kematian bukan dalam kuasa manusia, tetapi kematian

dalam kuasa Allah *Subhānahū Wata'ālā*. Bahkan Malaikat Maut yang ditugaskan untuk mencabut nyawa manusia juga tidak dapat di runding serta ditawar-tawar. Bagaimana mungkin Allah *Subhānahū Wata'ālā* perintahkan umat Islam jangan mati kecuali dalam keadaan Islam.

Ayat tersebut sebenarnya menyeru kepada umat Islam agar segala bentuk aktifitas yang dilakukan semestinya dilandasi asas penyerahan diri, tunduk patuh serta bertawakkal kepada Allah *Subhānahū Wata'ālā*. Oleh kerana itu, selayaknya bagi setiap Muslim untuk melakukan aktifitas yang diredhai oleh Allah. Begitu juga seorang Muslim semestinya berada di tempat keta'atan sehingga jika ia mati, maka ia mati dalam keadaan tunduk patuh serta berserah diri kepadaNya. Bukan berada pada tempat-tempat maksiat sehingga jika ia mati maka ia mati dalam keadaan kufur.

Akidah inilah yang menjadikan para sahabat Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasalam* lebih mencintai kematian di jalan Allah daripada hidupnya. Sahabat-sahabat Rasulullah dengan gigihnya berjihad di jalan Allah, baik dengan harta benda, mahupun dengan jiwa raganya sehingga Islam dapat tersebar ke seluruh dunia.

Umat Islam pada masa kini menjadi umat yang lemah, tidak lagi memiliki wibawa sebagaimana di zaman keemasan Islam. Umat Islam adakalanya menjadi mangsa dari kaum yang lain kerana akidah Islam yang bererti penyerahan diri pada Allah berangsur-angsur hilang dari sebahagian pemeluknya. Yang terjadi justeru sebaliknya iaitu kecintaan pada kehidupan dunia yang berlebihan. Hal itu pula pernah diramal oleh Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* dalam salah satu sabdanya:

عَنْ ثَوْبَانَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم:- « يُوشِكُ  
الْأُمَمُ أَنْ تَدَاعَى عَلَيْكُمْ كَمَا تَدَاعَى الْأَكْلَةُ إِلَى قَصْعَتِهَا ». فَقَالَ قَائِلٌ  
وَمِنْ قِلَّةِ نَحْنُ يَوْمَئِذٍ قَالَ « بَلْ أَنْتُمْ يَوْمَئِذٍ كَثِيرٌ وَلَكِنَّكُمْ غُثَاءٌ كَغُثَاءِ  
السَّيْلِ وَلَيَنْزِعَنَّ اللَّهُ مِنْ صُُدُورِ عَدُوِّكُمْ الْمَهَابَةَ مِنْكُمْ وَلَيَقْذِفَنَّ اللَّهُ فِي  
قُلُوبِكُمُ الْوَهْنَ ». فَقَالَ قَائِلٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا الْوَهْنُ قَالَ « حُبُّ الدُّنْيَا  
وَكِرَاهِيَةُ الْمَوْتِ ».

Maksudnya:

Dari Thauban berkata Ia: Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasalam* bersabda: Umat-umat lain akan bersatu padu terhadap kalian sebagaimana bersatu padunya binatang buas mengelilingi makanannya. Seorang bertanya apakah pada masa itu kami sedikit? Rasulullah menjawab: Bahkan kamu pada masa itu majoriti, tetapi kamu seperti buih di diwaktu banjir. Allah akan mencabut dari hati musuh-musuh kamu perasaan segan terhadapmu, bahkan akan menimpakan padamu penyakit ‘*wahan*’. Seorang bertanya apa itu ‘*Wahan*’? Rasulullah menjawab: Cinta dunia dan takut mati di jalan Allah.

Oleh karena itu sepantasnya umat Islam memahami dengan benar erti Islam yang sebenarnya iaitu tunduk patuh serta berserah diri sepenuhnya kepada Allah *Subḥānahū Wata‘ālā*.

## 2. Damai, Cinta Kasih, Sejahtera dan Selamat

Islam menurut bahasa juga bererti damai, cinta kasih, sejahtera dan selamat. Hal itu dapat dilihat dari asal kata Islam iaitu *سلم* (*salima*). Erti ini menunjukkan bahwa orang yang beragama Islam adalah orang yang sentiasa

mencari keselamatan di dunia dan di akhirat. Keselamatan untuk dirinya sendiri dan keselamatan untuk orang ramai.

Erti ini sentiasa diterjemahkan dalam kehidupan sehari-hari mahupun dalam bentuk ibadah. Umat Islam dalam berbagai kesempatan diperintahkan untuk menyebarkan *salam*. Seorang muslim jika berjumpa sesama orang Islam maka penghormatan yang paling pantas dilakukan adalah mengucapkan *salam* sebagai pertanda bahwa orang tersebut akan berada dalam kedamaian dan keselamatan serta tidak perlu khawatir terhadap keselamatannya.

Umat Islam ketika mengerjakan ibadah sembahyang maka kata-kata terakhir yang diucapkan dalam ibadah tersebut adalah kata *salam* sambil memalingkan wajah ke kiri dan ke kanan. Ini sebagai pertanda bahawa agama Islam adalah agama yang cinta damai, dan keselamatan.

Oleh kerana itu pada hari akhirat kelak, orang-orang yang selamat dari azab yang maha dahsyat hanyalah orang-orang yang datang menghadap Allah dalam keadaan hati yang cinta damai dan keselamatan serta tunduk patuh hanya kepada Allah *Subhānahū Wata‘ālā*. Hal itu digambarkan oleh Allah *Subhānahū Wata‘ālā* dalam firmanNya (as-Shu‘arā (26): 88-89)

﴿يَوْمَ لَا يَنْفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ (٨٨) إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ﴾

Tafsirnya:

Hari yang padanya harta benda dan anak-pinak tidak dapat memberikan pertolongan sesuatu apapun. Kecuali (harta benda dan anak-pinak) orang-orang yang datang menghadap Allah dengan hati yang selamat sejahtera (dari syirik dan penyakit munafik).

Umat Islam semestinya memahami erti ini, supaya mereka dapat menerjemahkan Islam dalam kehidupan sehari-hari baik dalam bentuk perkataan tingkah laku mahupun perbuatan terutama sekali dalam berinteraksi

dengan sesama manusia. Pengamalan erti Islam semacam ini dapat menjadikan Islam terlihat sebagai agama *rahmatan lil 'ālamīn*. Dengan demikian, Islam yang bererti cinta kasih, damai, kesejahteraan, dan keselamatan bukan sahaja terbatas pada pelaksanaan ibadah sembahyang mahupun ucapan *salam* jika bertemu sesama Muslim tetapi pelaksanaan Islam bersifat *shumūl* atau menyeluruh dalam semua sisi kehidupan.

## **B. Pengertian Islam Menurut Istilah**

Sering didengar bahawa Islam adalah agama para Nabi dan rasul Allah, sama sahaja agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad *Ṣallallahu 'Alaih Wasallam* mahupun agama yang dibawa oleh rasul-rasul sebelumnya. Pendapat ini masih dalam konteks perdebatan. Di satu sisi ada betulnya, iaitu jika Islam dimaknai menurut bahasa yang bererti tunduk patuh serta berserah diri kepada Allah *Subḥānahū Wata'ālā*. Di sisi lain pemahaman tersebut akan membawa kekaburan erti daripada Islam sebagai agama.

Pemeluk agama-agama *samawi* yang tunduk, patuh pada ajaran para Rasul serta menyerahkan diri pada ajaran agamanya bererti telah Islam. Tetapi jika pemahaman Islam sebagai agama dijabarkan pada semua agama *samawi* terdahulu, maka itu adalah satu anggapan yang keliru sebab memberikan penamaan secara umum kepada semua agama terdahulu sebagai agama Islam dengan berdalil dari al-Quran dan al-Sunnah adalah tidak benar. Tidak ditemukan satu ayatpun dalam al-Quran mahupun al-Hadith yang menunjukkan penamaan Islam sebagai agama terdahulu selain agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad *Ṣallallahu 'Alaih Wasallam*.

Penamaan Islam sebagai agama hanya diberikan oleh Allah *Subhānahū Wata'ālā* kepada agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* dan bukan pada agama-agama manapun. Islam adalah *dīn* atau agama yang berasal dari Allah *Subhānahū Wata'ālā* dibawa oleh RasulNya, Nabi Muhammad *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam*, yang bersifat universal untuk disampaikan kepada seluruh umat manusia.

Oleh kerana itu, agama Islam bukan agama *qabilah* (kaum), juga bukan agama suku (puak) atau agama bangsa. Islam adalah agama akhir zaman untuk seluruh umat manusia tanpa kecuali, di manapun ia berada dan dari manapun asal keturunannya.

Penamaan agama Islam terhadap agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* bukan berasal dari Nabi Muhammad, apa lagi dari para ulama dan orang awam. Penamaan Islam sebagai agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad merupakan penamaan langsung dari Allah *Subhānahū Wata'ālā* sebagai rahmat dan penghargaan kepada umat yang terakhir, umat Nabi Muhammad *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam*.

Penamaan agama Islam diumumkan di tengah-tengah umat Islam yang sedang menjalankan ibadah haji, pada pelaksanaan haji *wada'*. Di tengah berkumpulnya semua umat Islam di padang 'Arafah Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* menyampaikan ayat yang diturunkan kepadanya sebagai perasmian penamaan Islam sebagai agama di akhir zaman. Hal itu dirakam dalam firman Allah *Subhānahū Wata'ālā* (Q.S. al-Maidah (5): 3)

﴿الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمُ  
الْإِسْلَامَ دِينًا﴾

Tafsirnya:

Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu.

Sejak turunnya ayat tersebut maka tidak ada satu agama pun di dunia ini yang berhak untuk memakai penamaan Islam, kerana akan mengaburkan erti Islam sebagai agama.<sup>31</sup> Kehadiran agama Islam sebagai agama *samawi* terakhir, menunjukkan berakhirnya masa agama-agama samawi sebelumnya yang bersifat terbatas pada bangsa dan golongan. Islam merupakan agama satu-satunya yang mendapat pengakuan dari Allah *Subhānahū Wata‘ālā*. Hal tersebut terungkap dalam beberapa firman Allah *Subhānahū Wata‘ālā* di antaranya:

1. (Q.S. *Āli ‘Imran* (3): 19)

﴿إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ﴾

Tafsirnya:

Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah ialah Islam.

---

<sup>31</sup>Untuk lebih memisahkan agama Islam dengan agama-agama *samawi* lainnya, al-Quran dengan konsisten menyebut agama Nabi Musa *‘Alaihissalām* sebagai agama Yahudi dan agama Nabi Isa *‘Alaihissalām* sebagai agama Nasrani. kedua pemeluk agama tersebut dinamakan *Ahl al-Kitāb* untuk membezakannya dengan Muslim sebagai pemeluk agama Islam.

Ayat ini menunjukkan redha Allah *Subhānahū Wata'ālā* redha pada agama Islam, yaitu setelah dilantiknya Nabi Mhammad *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* sebagai Nabi dan rasul terakhir. Agama-agama samawi terdahulu sebelum diutusnya Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* untuk menyampaikan Islam juga termasuk agama yang diredhai oleh Allah *Subhānahū Wata'ālā*. Namun kenyataan itu berakhir setelah datangnya agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad untuk seluruh umat manusia.

Ayat ini juga menjelaskan bahawa agama Islam telah *menasakh* (menggantikan) kedudukan agama-agama samawi sebelumnya. Di samping itu, ayat tersebut menyeru pemeluk agama Yahudi dan Nasrani untuk percaya dan yakin pada Nabi Muhammad *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* serta mengikuti ajarannya.

2. Q.S. *Āli 'Imran* (3): 85

﴿وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ﴾

Tafsirnya:

Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.

Jika ayat terdahulu menjelaskan tentang redha Allah *Subhānahū Wata'ālā* pada agama Islam, ayat ini

justeru sebaliknya memberi penekanan pada seluruh umat manusia bahawa kebenaran, redha dan penerimaan amal ibadah yang dilakukan hanya ada pada agama Islam. Konsekuensi dari pemilihan itu ada pada hari akhirat kelak berupa balasan dan ganjaran.

Orang yang memilih Islam sebagai agama dan menjalankan agama tersebut dengan sebaik-baiknya akan bahagia hidupnya, sebaliknya jika pilihan beragama terletak pada agama selain agama Islam maka niscaya di akhirat kelak akan menyesal dan termasuk orang-orang yang rugi kerana agama Islam telah menghapus masa berlakunya agama-agama *samawi* lainnya.

Pendapat yang mengatakan bahawa semua agama *samawi* adalah agama Islam merupakan satu pendapat yang tidak relevan dengan ayat-ayat al-Quran, jika ditinjau dari segi Islam sebagai agama, kerana tidak ada satu pun ayat al-Quran yang membincangkannya. Hal tersebut berbeza, jika yang dimaksudkan Islam sebagai ajaran yang berintipatikan penyerahan diri, tunduk dan patuh pada Allah *Subhānahū Wata'ālā* maka agama *samawi* terdahulu yang dibawa oleh para rasul berisikan nilai-nilai keislaman.

Al-Quran juga membezakan antara Islam sebagai agama dan Muslim selaku pemeluk agama Islam. Nabi dan pengikut agama *samawi* terdahulu yang tunduk patuh pada ajaran agama mereka disebut sebagai *Muslimun* (orang-orang berserah diri) tetapi agama yang mereka anut tidak disebut sebagai agama Islam. Penamaan mereka sebagai Muslimun tidak menunjukkan bahawa agama mereka bernama agama Islam. Penamaan mereka sebagai

Muslimun kerana ada persamaan antara umat Nabi Muhammad *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* dengan umat terdahulu yang tunduk patuh pada ajaran agama mereka. Persamaan-persamaan itu dapat dilihat pada beberapa hal berikut:

- a. Semua agama *samawi*, mulai dari Nabi Adam *‘Alaihissalām* sampai dengan Nabi Muhammad *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* menyeru manusia untuk bertauhid dan tidak menyekutukan Allah *Subhānahū Wata‘ālā* dengan tuhan-tuhan yang tidak layak untuk disembah. Maka seluruh pemeluk agama tersebut sama sahaja dengan pemeluk agama Islam. Semuanya dapat dikatakan *Muslimun*.
- b. Semua agama *samawi* memerintahkan kepada pemeluknya untuk beribadah hanya kepada Allah *Subhānahū Wata‘ālā* serta meninggalkan segala bentuk perbuatan syirik yang menghilangkan nilai-nilai tunduk patuh serta berserah diri pada Allah. Pengkhususan ibadah hanya kepada Allah menunjukkan pemeluknya tunduk patuh dan berserah diri. Sikap inilah yang digelar *Muslimun*.
- c. Semua agama *samawi* menganjurkan umatnya untuk berbuat baik dan memiliki akhlak yang mulia. Oleh kerana itu, seluruh pemeluk agama *samawi* dipanggil dengan sebutan *Muslimun* kerana dapat menciptakan kedamaian di muka bumi.

Ada beberapa firman Allah *Subhānahū Wata‘ālā* yang menyebutkan bahawa penganut agama *samawi* terdahulu yang tunduk patuh disebut sebagai *Muslimun* dan

bukan agamanya sebagai agama Islam. Di antara ayat-ayat tersebut adalah seperti berikut:

1) (Q.S. al-Baqarah (2): 133):

﴿أَمْ كُنْتُمْ شُهَدَاءَ إِذْ حَضَرَ يَعْقُوبَ الْمَوْتُ إِذْ قَالَ لِبَنِيهِ مَا تَعْبُدُونَ مِنْ بَعْدِي قَالُوا نَعْبُدُ إِلَهَكَ وَإِلَهَ آبَائِكَ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ إِلَهًا وَاحِدًا وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ﴾

Tafsirnya:

(Demikianlah wasiat Nabi Ya‘kub, bukan sebagaimana yang kamu katakan itu wahai orang-orang Yahudi)! kamu tiada hadir ketika Nabi Ya‘kub hampir mati, ketika ia berkata kepada anak-anaknya: "Apakah yang kamu akan sembah sesudah aku mati?" mereka menjawab: "Kami menyembah Tuhanmu dan Tuhan datuk nenekmu Ibrahim dan Isma‘il dan Ishak, Iaitu Tuhan Yang Maha Esa, dan kepadaNya sahaja kami berserah diri (dengan penuh iman)".

Pengkhususan ibadah anak-anak Nabi Ya‘qub ‘*Alaihisalām* hanya kepada Allah *Subhānahū Wata‘ālā* menunjukkan mereka adalah orang-orang yang tunduk patuh serta berserah diri kepada Allah *Subhānahū Wata‘ālā*. Oleh kerana itu mereka menamakan diri mereka sebagai *Muslimun*.

2) (Q.S. Ali ‘Imran (3): 52):

﴿فَلَمَّا أَحَسَّ عِيسَى مِنْهُمُ الْكُفْرَ قَالَ مَنْ أَنْصَارِي إِلَى اللَّهِ قَالَ الْحَوَارِيُّونَ نَحْنُ أَنْصَارُ اللَّهِ ءَامَنَّا بِاللَّهِ وَاشْهَدْ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ﴾

Tafsirnya:

Maka ketika Nabi 'Isa merasa (serta mengetahui dengan yakin) akan kekufuran dari mereka (kaum Yahudi), berkatalah Ia: "siapakah penolong-penolongku (dalam perjalananku) kepada Allah (dengan menegakkan agamaNya)?"". Orang-orang "*Hawāriyyūn*" (Penyokong-penyokong Nabi 'Isa) berkata: "Kamilah penolong-penolong (utusan) Allah. Kami telah beriman kepada Allah, dan saksikanlah (wahai Nabi Allah) Sesungguhnya kami ialah Muslim (yang berserah bulat-bulat kepada Allah).

Orang-orang *Hawāriyyūn* yang merupakan pengikut setia Nabi Isa '*Alaihissalām* adalah orang-orang yang ikhlas menyerahkan hidupnya demi membela kelangsungan agama yang dibawa oleh Nabi Isa '*Alaihissalām* sehingga mereka menyatakan diri mereka sebagai *Muslimun*.

3) Q.S. Ali 'Imran (3): 67

﴿مَا كَانَ إِبْرَاهِيمَ يَهُودِيًّا وَلَا نَصْرَانِيًّا وَلَكِنْ كَانَ حَنِيفًا مُّسْلِمًا  
وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ﴾

Tafsirnya:

Bukanlah Nabi Ibrahim itu seorang pemeluk agama Yahudi, dan bukanlah ia seorang pemeluk agama Kristian, tetapi ia seorang yang tetap di atas dasar Tauhid sebagai seorang Muslim (yang ta'at dan berserah bulat-bulat kepada Allah), dan ia pula bukanlah dari orang-orang musyrik.

Nabi Ibrahim '*Alaihissalām* dan pengikut setianya meninggalkan perbuatan syirik serta menyerahkan

hidupnya dengan penuh tawakkal hanya kepada Allah *Subhānahū Wata'ālā* sehingga mereka digelar dengan *Muslimun*.

Muslim dalam ayat-ayat tersebut bererti lawan dari perbuatan syirik (menyekutukan Allah) dan bukan bererti agama mereka adalah agama Islam. Oleh kerana itu Islam sebagai agama hanyalah terhad kepada agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam*. Tidak ada satu pun agama yang lain berhak memakai Islam sebagai nama agama kerana penamaan itu telah dirasmikan oleh Allah *Subhānahū Wata'ālā* melalui firmanNya (Q.S. al-Maidah (5): 3).

### **C. Spesifikasi Agama Islam**

Setiap agama memiliki ciri-ciri khusus jika dilihat dari segi sumber ajaran, tujuan, serta karakter yang dimiliki. Begitu juga setiap agama memiliki spesifikasi jika ditinjau dari segi interaksi pemeluknya dengan Tuhan yang disembah mahupun interaksi pemeluknya dengan sesama manusia dan makhluk-makhluk yang lain.

Ciri-ciri khusus tersebut memudahkan setiap agama dapat dikenali. Ada agama yang menitikberatkan ajarannya pada konsep teologi, namun ada juga agama fokus pada konsep ibadah. Begitu juga ada agama yang hanya fokus pada konsep akhlak dan interaksi sosial tanpa memperhatikan aspek teologi dan ibadah.

Dari segi sumber, ada agama yang memiliki kitab suci hanya sekadar membincangkan tentang sejarah tokoh agama tersebut. Namun ada pula agama yang kitab sucinya hanya berupa peninggalan-peninggalan kata mutiara dan nasihat-nasihat dari pengasas agama tersebut. Bahkan ada

agama tanpa kitab suci, ajaran-ajaran agamanya hanya berupa tradisi yang diwarisi secara turun temurun.

Islam sebagai agama *samawi* yang terakhir memiliki ciri khas yang berbeza dengan agama manapun di dunia ini. Islam adalah agama *samawi* yang mudah dikenali dengan melihat ciri-ciri yang dimilikinya, bahkan memahami ciri-ciri khas agama Islam memberikan keyakinan bahawa Islam adalah agama terakhir yang diturunkan oleh Allah *Subhānahū Wata'ālā* kepada umat yang terakhir sebagai penyempurna dari shari'at agama-agama sebelumnya.

Islam mampu menjawab problematika umat manusia yang semakin bertumpuk dan beragam di akhir zaman ini. Islam juga adalah agama yang layak untuk berkembang di tengah kebingungan umat manusia mencari pegangan hidup, keadilan dan hak asasi manusia.

Ciri-ciri khusus agama Islam telah dibincangkan oleh beberapa ulama dan penulis terkemuka, di antaranya adalah Yusuf al-Qardawi dalam beberapa tulisan beliau. Namun di sini, penulis berusaha menjelaskan ciri-ciri khusus agama Islam dengan pendekatan yang lebih realiti dan bersesuaian dengan alam Melayu serta kehidupan semasa. Di antara ciri-ciri agama Islam adalah:

### **1. *Rabbāniyyah***

Agama Islam bersifat *rabbāniyyah* yang bererti agama yang berasal dari Allah *Subhānahū Wata'ālā* dan bukan agama buatan manusia. Agama Islam sebagai agama *Rabbāniyyah* memiliki dua aspek iaitu:

#### **a. *Rabbāniyyah Dari Segi Sumbernya***

*Rabbāniyyah* dari segi sumbernya bererti seluruh ajaran Islam baik akidah, ibadah mahupun interaksi sosial hanya bersumberkan dari Allah *Subhānahū Wata'ālā* dan bukan dari siapa-siapa. Bahkan Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* sebagai Nabi dan rasul yang diutus untuk menyampaikan agama tersebut hanya berfungsi sebagai *muballigh* (penyampai) atau penyeru.<sup>32</sup>

Oleh kerana itu sangat keliru jika sebahagian pemikir-pemikir Barat yang kemudian diikuti oleh sebahagian pemikir-pemikir Islam yang belajar di Barat atau terpengaruh dengan pemikiran-pemikiran sekuler Barat menamakan agama Islam sebagai *Muhammadanisme* atau agama Muhammad. Agama Islam bukan *Muhammadanisme* atau agama buatan Nabi Muhammad *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam*, atau agama yang ditambah-tambah oleh Baginda, tetapi semua ajaran agama Islam bersumberkan dari Allah *Subhānahū Wata'ālā*, murni tanpa ada campuran dari mana-mana sumber.

Di samping itu penamaan agama Islam juga bukan berasal dari Nabi Muhammad *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* tetapi agama Islam sebagaimana yang telah di huraikan adalah agama yang di rasmikan langsung oleh Allah *Subhānahū Wata'ālā*, melalui wahyu yang disampaikan oleh Rasulullah pada haji *wada'*.

Jika Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* tidak diberikan hak merekayasa dan membuat-buat aturan dalam Islam berdasarkan hawa nafsu beliau,<sup>33</sup> maka ulama-ulama

---

<sup>32</sup>Lihat (Q.S. al-Ghāsyiah (88): 21).

<sup>33</sup>Lihat (Q.S. An-Najm (53): 3). Yang tafsirnya: "Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan ugama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri".

dan orang awam lebih tidak diperbolehkan. Mereka sama sekali tidak dibenarkan membuat aturan dan hukum hakam dalam Islam tanpa melalui penetapan yang berdasarkan dari al-Quran dan al-Sunnah.

Bertolak dari kenyataan tersebut, bererti agama Islam dari sudut sumbernya adalah murni seratus per seratus berasal dari Allah *Subhānahū Wata'ālā* tanpa ada campur tangan dari mana-mana pihak pun. Hal itu dipertegas oleh Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* dalam sabdanya bahawa beliau berucap adalah berdasarkan wahyu yang diberikan kepadanya bukan berasal dari keinginan peribadi Baginda. Bahkan al-Quran menyatakan dengan jelas ancaman kepada Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* jika beliau mengada-ada sesuatu yang tidak berasal dari Allah *Subhānahū Wata'ālā* ada sebagaimana dalam firmanNya (Q.S. al-Hāqah (69): 40-46):

﴿إِنَّهُ لَقَوْلُ رَسُولٍ كَرِيمٍ (٤٠) وَمَا هُوَ بِقَوْلِ شَاعِرٍ قَلِيلًا مَّا تُؤْمِنُونَ  
 (٤١) وَلَا بِقَوْلِ كَاهِنٍ قَلِيلًا مَّا تَدَّكَّرُونَ (٤٢) تَنْزِيلٌ مِّن رَّبِّ الْعَالَمِينَ  
 (٤٣) وَلَوْ تَقَوَّلَ عَلَيْنَا بَعْضَ الْأَقَاوِيلِ (٤٤) لَأَخَذْنَا مِنْهُ بِالْيَمِينِ (٤٥)  
 ثُمَّ لَقَطَعْنَا مِنْهُ الْوَتِينَ﴾

Tafsirnya:

Bahawa sesungguhnya al-Quran itu ialah (wahyu dari kami) yang disampaikan oleh Rasul yang mulia. Dan bukanlah al-Quran itu perkataan seorang penyair (sebagaimana yang kamu dakwakan. tetapi sayang!) amatlah sedikit kamu beriman. Dan juga bukanlah al-Quran itu perkataan seorang pawang (sebagaimana yang kamu katakan. tetapi sayang!) amatlah sedikit kamu mengambil peringatan. (Al-Quran itu) diturunkan dari Allah, Tuhan sekalian alam. Dan kalaulah (Nabi Muhammad yang

menyampaikan al-Quran itu) mengatakan atas nama Kami secara dusta sebarang kata-kata rekaan sudah tentu Kami akan menyentapnya, dengan kekuasaan kami. Kemudian sudah tentu Kami akan memutuskan tali jantungnya (supaya ia mati dengan serta-merta).

Ayat tersebut secara tegas menyebutkan bahawa al-Quran murni dari Allah *Subhānahū Wata'ālā*. Jika ada penambahan-penambahan dari Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* maka Allah *Subhānahū Wata'ālā* tidak segan-segan memberikan seksaan kepada RasulNya. Pernyataan al-Quran tersebut juga dapat diaplikasikan dalam kemurnian al-Hadith sebagai sumber yang berdasar pada wahyu.

***b. Rabbāniyyah dari segi tujuan***

*Rabbāniyyah* dari segi tujuan, bererti tidak ada satu pun dari ajaran Islam yang dilakukan kecuali bertujuan mencari keredhaan Allah *Subhānahū Wata'ālā* baik dari segi akidah, ibadah mahupun interaksi sosial. Orang yang melakukan dan menjalankan ajaran-ajaran Islam hanya untuk mencari keuntungan dunia sahaja tanpa mencari keredhaan Allah, akan sia-sia amal ibadahnya, sebab bertentangan dengan tujuan utama dari ajaran Islam iaitu *Rabbāniyyah* dari segi tujuan.

Pemahaman ini jika dibawa kepada konsep ibadah seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji, maka ibadah tersebut bertujuan semakin mendekatkan manusia dengan Allah *Subhānahū Wata'ālā* sehingga kebahagiaan sebagai hamba Allah dapat terwujud di dunia mahupun di akhirat. Di samping itu, ibadah-ibadah tersebut memiliki manfaat lain yang kembali kepada manusia yang melakukannya.

Doa dan zikir yang dilakukan oleh orang Islam selayaknya difahami seperti ini. Zikir kepada Allah bukan untuk kesaktian, kekayaan, atau tujuan-tujuan yang lain. Zikir dalam agama Islam adalah untuk menciptakan *ma'iyah* (kebersamaan) dengan Allah *Subhānahū Wata'ālā*. Adapun manfaat-manfaat lain yang timbul dari kegiatan zikir tidak boleh dijadikan sebagai tujuan utama dalam berzikir. Manfaat-manfaat itu hanya mengikut di belakang tujuan utama iaitu mencari keredhaan Allah.

Salah satu di antara kelebihan agama Islam adalah menjadikan seluruh aktifitas pemeluknya sebagai ibadah di sisi Allah, jika aktifitas tersebut dilakukan atas dasar niat ibadah. Keistimewaan itu lahir dari Islam sebagai agama yang *rabbāniyyah* dari segi tujuan.

Oleh kerana itu segala bentuk aktifitas dalam Islam tidak lepas dari niat ibadah sebagai agama *rabbāniyyah*. Niat inilah yang membezakan pekerjaan seorang Muslim bernilai ibadah atau tidak. Niat juga membezakan pekerjaan seorang Muslim dengan orang kafir. Seorang Muslim jika ia berniat menjadikan pekerjaannya sebagai sarana *bertaqqarrub* (mendekatkan diri) kepada Allah *Subhānahū Wata'ālā* maka akan terhitung sebagai ibadah di sisiNya.

Seorang Muslim yang bertugas sebagai guru, jika ia pergi ke tempat pekerjaannya untuk mengajar, dengan niat agar supaya ilmunya dapat bermanfaat dan diamalkan oleh pelajar-pelajar maka amalan guru tersebut sejak ia tinggalkan rumahnya sampai ia kembali lagi kerumahnya, terhitung sebagai amal ibadah di sisi Allah. Hal itu ada kaitannya dengan agama Islam sebagai agama *rabbāniyyah* dari segi tujuan.

Begitu juga seorang nelayan Muslim yang bekerja setiap hari menangkap ikan di laut, jika ia berniat menjadikan pekerjaannya sebagai ibadah. Sebelum Bertolak pergi menangkap ikan di laut, nelayan tersebut berniat agar ikan hasil tangkapannya dapat dinikmati oleh orang ramai terutama umat Islam sehingga mereka dapat beribadah dan beraktifiti dengan sempurna maka amalan nelayan tersebut sejak ia melangkahakan kakinya ke tempat pekerjaannya sampai ia pulang ke rumahnya terhitung ibadah di sisi Allah *Subhānahū Wata'ālā*.

Dalam agama Islam yang *Rabbāniyyah*, bukan sahaja ibadah *mahdah* dan aktifiti sosial yang mendapatkan pahala dan bernilai ibadah. Bahkan tidur pun dianggap sebagai ibadah apabila diniatkan untuk istirehat dari perbuatan dosa atau mengembalikan stamina badan agar supaya ketika bangun kelak, badan menjadi segar untuk beribadah kepada Allah *Subhānahū Wata'ālā* serta melakukan aktifiti sosial.

Lebih daripada itu, aktifiti yang sifatnya sangat peribadi pun terhitung ibadah di sisi Allah. Dalam satu kesempatan Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* bersabda sebagaimana Hadith yang diriwayatkan oleh Abi Dzar *Raḍiyallahu 'Anhu*:

«وَفِي بُضْعِ أَحَدِكُمْ صَدَقَةٌ». قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ آيَاتِي أَحَدُنَا شَهَوْتَهُ وَيَكُونُ لَهُ فِيهَا أَجْرٌ قَالَ «أَرَأَيْتُمْ لَوْ وَضَعَهَا فِي حَرَامٍ أَكَانَ عَلَيْهِ فِيهَا وَزْرٌ فَكَذَلِكَ إِذَا وَضَعَهَا فِي الْحَلَالِ كَانَ لَهُ أَجْرٌ». (رواه مسلم)<sup>34</sup>

Maksudnya:

---

<sup>34</sup>Abu al-Husain Muslim bin Hajjaj bin Muslim al-Qusyairi al-Naisaburi, (t.th), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Bab: Bayān Anna Ismu Ṣadaqah Yaqa'u 'Alā kullin. Beirut: Dar al-Jail.

Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* menyampaikan bahawa melakukan hubungan suami isteri adalah *sadaqah*, para sahabat kemudian hairan dan bertanya, bagaimana mungkin seorang menyelesaikan syahwatnya kemudian diberikan pahala? Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* menjawab: Bukankah jika kalian melakukannya pada tempat yang haram adalah dosa? Begitu juga kamu melakukannya pada tempat yang halal maka ia mendapat ganjaran. (H.R. Muslim).

Pekerjaan apa sahaja yang diredhai Allah *Subḥānahū Wata‘ālā* jika dilakukan oleh orang yang beragama Islam dan pekerjaan tersebut dijadikan sebagai sarana mendekatkan diri kepada Allah *Subḥānahū Wata‘ālā* maka itu dianggap sebagai ibadah di sisi Allah. Inilah di antara kelebihan agama Islam sebagai agama *Rabbāniyyah*. Kenyataan ini dipertegas oleh Allah *Subḥānahū Wata‘ālā* dalam firmanNya (Q.S. Az Zariyāt (51) : 56)

﴿وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ﴾

Tafsirnya:

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

Ibadah dalam ayat ini merangkumi seluruh aktifitas manusia dan bukan terbatas pada ibadah *mahdah* (ibadah langsung) sahaja. Orang Islam yang memanfaatkan Islam sebagai agama *rabbāniyyah* akan mendapatkan keuntungan yang sangat besar dalam kehidupan dunia dan akhiratnya. Peluang dan kesempatan yang ada dalam agama *rabbāniyyah* tidak akan ditemukan dalam agama manapun di dunia ini.

## 2. *Insāniyyah* (manusiawi)

Agama Islam adalah agama yang manusiawi, ini bererti bahawa tidak ada satu pun dari ajaran Islam yang tidak dapat diaplikasikan dalam kehidupan manusia, baik aspek akidah, ibadah mahupun aspek interaksi sosial. Begitu juga hukum hakam Islam, semuanya berpunca dari konsep kemanusiaan. Sembahyang dengan gerakan ruku', i'tidal, sujud duduk di antara dua sujud misalnya, adalah gerakan-gerakan yang manusiawi, kerana semuanya dapat dilakukan dengan mudah dan memberi faedah pada manusia yang melakukannya.<sup>35</sup>

Begitu juga puasa, selama satu bulan umat Islam menjalankan puasa adalah *insāniyyah*, kerana ibadah tersebut dapat dijalankan dengan mudah bagi hamba Allah *Subhānahū Wata'ālā* yang bertaqwa. Berbeza dengan konsep puasa dalam agama lain, adakalanya puasa mereka sampai membinasakan orang yang melakukannya. Misalnya, berpuasa terus menerus di bawah pohon sampai badan tinggal tulang dibalut kulit.

Hukum hudud, rejam, potong tangan, pembahagian harta warisan, jika disemak dengan saksama maka sebenarnya bukanlah tujuannya membinasakan manusia, tetapi di balik itu akan memberikan kesan insaf bagi pelaku kejahatan. Oleh kerana itu, hukum-hakam tersebut menjaga dan memelihara kehormatan manusia. Di balik hukum

---

<sup>35</sup>Gerakan-gerakan sembahyang tidak dapat dilakukan oleh binatang seperti gerakan ruku' sujud, duduk di antara dua sujud. Begitu pula tidak ada gerakan dalam sembahyang yang menyusahkan manusia. Manusia tidak pernah diperintahkan sembahyang dengan kaki di atas dan tangan di bawah. Jika seorang sakit tidak mampu untuk berdiri maka diperbolehkan sembahyang dalam keadaan duduk, jika tidak mampu duduk maka diperbolehkan berbaring, jika badan susah untuk digerakkan maka sembahang dengan isyarat juga diperbolehkan.

huddud, *qiṣaṣ* terdapat kehidupan kerana manusia takut untuk melakukan kejahatan terutama pembunuhan.

Untuk membuktikan *insāniyyah* agama Islam, maka Rasul yang diutus oleh Allah *Subḥānahū Wata‘ālā* adalah juga manusia biasa dan bukan malaikat atau jin. Yang membezakan Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* dengan manusia lainnya hanyalah persoalan wahyu. Rasulullah diberikan wahyu sementara manusia biasa tidak menerima wahyu.<sup>36</sup> Rasulullah sebagai manusia biasa diutus membawa agama Islam yang *insāniyyah* agar memberikan contoh pelaksanaan ajaran Islam. Ajaran Islam dapat dilakukan dengan mudah oleh Rasulullah sebagai manusia biasa, maka itu bererti ajaran Islam juga dapat dilakukan dengan mudah oleh orang ramai.

Berbeza seandainya yang diutus oleh Allah *Subḥānahū Wata‘ālā* membawa agama Islam adalah malaikat atau jin, pastilah manusia beralih bahawa Rasul dengan mudah melaksanakan segala bentuk *taklif* (kewajipan) kerana Ia bukanlah manusia biasa tetapi malaikat atau jin. Malaikat dan jin sebagaimana diketahui memiliki *sunnatullah* tersendiri yang berbeza dengan *sunnatullah* manusia.

Agama Islam juga datang untuk memanusikan manusia agar jangan tunduk dan patuh selain pada Allah *Subḥānahū Wata‘ālā*. Bukan sebagai hamba terhadap

---

<sup>36</sup>Lihat (Q.S. al-Kahfi (18): 110) yang tafsirnya: "Katakanlah (Wahai Muhammad): "Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan Yang Satu. Oleh itu, sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah ia mempersekutukan sesiapa pun dalam ibadatnya kepada Tuhannya".

pekerjaan, hamba terhadap harta dan hamba pada tuhan-tuhan selain Allah. Manusia yang menjalani hidupnya sebagai hamba Allah *Subhānahū Wata'ālā* akan tercipta kebahagiaan dalam hidupnya. Apabila manusia meyakini berbilangnya Tuhan, maka pada saat itu kebahagiaan telah hilang dari kehidupan mereka kerana ia telah meninggalkan kudratnya sebagai manusia yang bertauhid, bahkan kebahagiaannya telah dirampas oleh tuhan-tuhan yang tidak selayaknya untuk dijadikan tuhan.

Agama Islam adalah *insāniyyah* tapi bukan *humanisme*,<sup>37</sup> sebab *humanisme* dalam pandangan Barat adalah menjadikan manusia sebagai hamba pada syahwatnya dan bukan menjadikan manusia pada kudratnya sebagai manusia yang tunduk dan patuh pada hukum-hakam Allah *Subhānahū Wata'ālā*.

Dilegalkannya perkawinan sejenis, homo seks, lesbian, di beberapa negara Barat dianggap sebagai *humanis*, yang pada hakikatnya menjatuhkan martabat dan maruah manusia yang telah dimuliakan oleh Allah *Subhānahū Wata'ālā* baik di darat mahupun di laut. Begitu juga kebebasan mengungkapkan pendapat meskipun menghina orang lain dianggap sebagai tindakan *humanis*.

Sebaliknya, Islam melarang perbuatan-perbuatan tercela tersebut kerana bertujuan untuk menjaga martabat manusia agar tetap hidup berdasarkan fitrah kemanusiaan. Apabila perbuatan-perbuatan tersebut dilegalkan, maka akan timbul ketidakseimbangan di tengah-tengah

---

<sup>37</sup>*Humanisme* adalah salah satu istilah yang dikenal di Barat dalam rangka menghalalkan segala bentuk perbuatan yang dianggap kebebasan manusia dalam bertindak dan berekspresi.

masyarakat yang akan berakhir dengan kacau bilaunya kehidupan manusia.

Oleh kerana itu, Islam sebagai agama yang *Insāniyyah* sentiasa menjaga kehormatan manusia serta memanusiaikan manusia agar tidak menyimpang dari kehidupan yang berdasarkan fitrah kemanusiaan.

### 3. *‘Ālamiyyah*

*‘Ālamiyyah* bererti agama Islam sesuai dengan seluruh umat manusia bila dan di mana sahaja berada mahupun dari mana sahaja asal keturunannya. Agama Islam bukan hanya terbatas untuk bangsa ‘Arab atau bangsa Melayu. Agama Islam bersesuaian dengan orang Asia, Afrika, Eropah, mahupun Amerika. Hukum-hakam agama Islam serta shari‘atnya bukan produk tempatan dan tidak bersifat sektarian (kelompok).

Oleh kerana itu penyebaran agama yang tercepat pada masa kini adalah agama Islam, bahkan laporan dari beberapa media Barat menunjukkan bahawa penyebaran dan perkembangan agama tercepat di Eropah dan Amerika pada masa kini adalah agama Islam. Di Ibu kota Rusia Moskow sudah menjadi fenomena mingguan, apabila setiap hari Jum‘at, jalan-jalan di kota Moskow menjadi padat akibat melimpah ruahnya umat Islam yang pergi menjalankan ibadah sembahyang Jum‘at. Ini juga yang menjadi kekhuatiran sebahagian orang yang tidak senang dengan bertapaknya Islam di Barat.

Islam sebagai agama yang *‘ālamiyyah* berbeza dengan agama sebelumnya yang diutus oleh Allah *Subḥānahū Wata‘ālā* sebagai agama kaum atau agama kelompok. Oleh kerana itu agama Islam sangat sesuai untuk berkembang pada akhir zaman ini.

Agama Islam sebagai agama yang *'ālamīyyah* terbukti dari kebahagiaan para pemeluknya. Tidak satu pun kelompok, ras, bangsa di dunia ini yang memeluk agama Islam kecuali mereka merasakan nikmat keimanan tersebut. Begitu juga tidak ada satu pun bangsa di dunia ini yang memeluk agama Islam kecuali merasakan kebenaran dari agama Islam dan sesuai untuk diterapkan dalam kehidupan mereka.<sup>38</sup>

Agama Islam ketika masuk ke alam Melayu, kehidupan orang-orang Melayu jauh lebih bahagia berbanding ketika mereka masih menganut faham dinamisme dan animisme atau ketika mereka menganut agama Hindu mahupun Buddha. Begitu juga ketika Islam dianut oleh orang-orang Barat di Eropah dan Amerika, kehidupan mereka jauh lebih tenang dan damai berbanding ketika mereka masih menganut agama Kristian atau faham Liberalisme, Sekularisme dan isme-isme yang lain.

Sebaliknya bangsa yang sedikit demi sedikit meninggalkan ajaran Islam dan berpindah kepada ideologi lain maka kehidupan bangsa tersebut semakin bertambah susah dan jauh dari nilai-nilai luhur. Realiti ini membuktikan bahawa agama Islam adalah agama yang bersifat *'ālamīyyah* sesuai untuk orang yang berkulit putih, hitam, kuning langsung mahupun sawo matang.

---

<sup>38</sup>Dalam hal ini, penulis menghurai masalah bangsa dan kaum bukan dalam konteks peribadi-peribadi, sebab boleh jadi ada peribadi-peribadi yang memeluk agama Islam kemudian tidak merasakan kebahagiaan. Hal itu dapat terjadi kerana beberapa faktor. Mungkin sahaja ia belum memahami ajaran Islam dengan baik sehingga tidak menghayati ajarannya, atau boleh jadi ia memeluk Islam kerana ada tendensi dan tujuan lain bukan dalam konteks mencari redha Allah *Subhānahū Wata'ālā*.

#### 4. *Shumūl* (Universal dan Holistik)

Salah satu di antara ciri khas agama Islam adalah ianya bersifat *shumūl* (universal dan holistik). Islam membincangkan seluruh dimensi kehidupan manusia mulai dari hal-hal yang kecil sampai kepada hal-hal yang besar. Mulai dari urusan peribadi sampai urusan bermasyarakat dan bernegara. Ketika Barat memperkenalkan sistem pemerintahan demokrasi yang bererti kekuasaan di tangan rakyat melalui pemilihan suara terbanyak, Islam justeru lebih dulu memperkenalkan sistem *shurā*. Iaitu satu sistem yang bererti keputusan diambil berdasarkan pendapat yang paling baik, bukan pendapat orang ramai.<sup>39</sup> Bahkan Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* telah memperlihatkan konsep *shurā* dengan meminta pendapat para sahabatnya sebelum mengambil satu keputusan strategik.

Islam juga turut membincangkan masalah ekonomi ummah. Jika sistem kapitalis bertumpu pada modal dan swasta, sebaliknya sistem ekonomi sosial bertumpu pada ekonomi pemerintah dengan sistem subsidi. Islam justeru datang memberikan solusi dengan memberikan kebebasan berusaha kepada para pemodal dengan tetap menjaga hak-hak persendirian. Bahkan konsep zakat merupakan konsep keadilan ekonomi, di mana para pemodal dan orang kaya dibebankan kewajipan untuk memberikan sebahagian harta kekayaannya kepada fakir miskin melalui kewajipan zakat.

Islam, bukan sahaja membincangkan masalah negara dan ekonomi tetapi juga turut membincangkan masalah peribadi, rumah tangga serta hubungan

---

<sup>39</sup>Dalam pandangan *shurā* seorang yang memiliki pendapat yang bernas akan terpilih meskipun orang ramai berpendapat lain.

kemasyarakatan. Dalam agama Islam dikenal hukum-hukum tata negara, hukum-hukum rumah tangga (*al-ahwal al-shakhsyiyah*), sampai urusan masuk dan keluar tandas, tidur, bangun dan hubungan keluarga, turut dibincangkan dalam agama Islam.<sup>40</sup>

Begitu juga, Islam bukan hanya membicarakan tentang kehidupan dunia dengan segala problematikanya tetapi kehidupan dan rahsia alam akhirat turut juga dibincangkan, sehingga kehidupan akhirat seolah-olah berada di hadapan mata kepala orang yang membaca al-Quran dan al-Hadith.

Berbeza dengan agama-agama lain, adakalanya hanya mengatur umatnya dari segi teologi, tetapi melupakan aspek ibadah dan *mu'āmalah*. Atau dari segi hubungan interaksi dengan makhluk yang lain tetapi melupakan aspek ibadah dan teologi. Islam sebagai agama yang *shumūl* (universal dan holistik) mampu menjadi solusi dalam menyelesaikan isu-isu semasa.

##### **5. *Wasatīyyah* (keseimbangan)**

Agama Islam mengutamakan keseimbangan antara kehidupan dunia dan kehidupan akhirat, juga sentiasa menjaga keseimbangan kehidupan jasmani dan kehidupan rohani. Ajaran-ajarannya juga tidaklah ekstrim yang berlebihan terhadap kehidupan akhirat lantas melupakan kehidupan dunia atau sebaliknya. Agama Islam juga tidak

---

<sup>40</sup>Tidur dianjurkan mengiring ke sebelah kanan dan itu tidak bertentangan dengan keilmuan moden. Masuk tandas dengan kaki kiri dan keluar dengan kaki kanan. Cara bersuci dari hadath kecil dan besar. Bahkan persoalan yang paling rahsiapun antara suami istri turut dibincangkan dalam Islam.

memudah-mudahkan persoalan tetapi ia sentiasa berada di jalur yang seimbang.

Islam sangat menghargai keinginan seseorang untuk beribadah tetapi pada saat yang sama Islam juga sangat mencela orang yang melalaikan tugasnya. Baik tugas dalam negara, rumah tangga mahupun melalaikan tugas dalam menjaga keperluan fizikal manusia.

Dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh sahabat Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* Anas bin Malik *Raḍiyallahu ‘Anhu* bahawa ada tiga orang laki-laki mendatangi isteri-isteri baginda untuk mempertanyakan ibadah Rasulullah. Ketika disampaikan kepadanya perihal kehidupan peribadi dan ibadah Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* ketiga-tiganya kemudian mengejek ibadah Rasulullah.

Mereka membanding-bandingkan ibadah yang dilakukan Rasulullah dengan ibadah yang mereka lakukan. Ketiga-tiganya mengungkapkan ibadahnya. Yang pertama mengatakan: “*Saya sepanjang malam sembahyang dan tidak tidur*”, yang kedua mengatakan: “*Saya sepanjang masa berpuasa dan tidak bersungkai*,” yang ketiga mengatakan: “*Saya tidak menikah dan tidak akan menikah demi ibadah*”.

Tatkala Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* datang dan disampaikan perihal ketiga laki-laki tersebut Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* kemudian bersabda:

“Kalian yang mengatakan ini dan itu? Demi Allah ketahuilah bahawa saya adalah orang yang paling takut kepada Allah dan paling bertaqwa, tetapi saya berpuasa dan juga bersungkai (tidak berpuasa sepanjang masa), saya sembahyang dan juga

istirehat, saya juga menikah, barang siapa yang tidak suka sunnahku maka sesungguhnya saya berlepas tangan darinya. (H.R. Bukhari).<sup>41</sup>

Hadith tersebut menunjukkan bahawa Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* menyatakan agama Islam bukanlah agama ekstrim pada satu aspek kemudian melupakan aspek yang lain. Agama Islam adalah agama *wasatiyyah* yang sentiasa menjunjung prinsi-prinsip keseimbangan dalam beragama.

#### **D. Rukun Islam**

Rukun Islam adalah pokok-pokok ajaran Islam yang mesti dilakukan oleh seorang Muslim, pokok-pokok ajaran tersebut merupakan asas dalam mengamalkan Islam. Ibarat satu bangunan, rukun dari bangunan tersebut adalah batu, simen, pasir dan besi. Bangunan tersebut tidak akan berdiri dengan kukuh tanpa dokongan dari bahan dasar tersebut. Rukun Islam juga demikian, ia merupakan kewajipan asasi dari bangunan Islam. Islam tidak berdiri dengan kukuh tanpa pemeluknya menjalankan kelima rukun Islam tersebut.

Pentingnya pemahaman tentang rukun Islam tergambar dari peristiwa kemunculan Malaikat Jibril dan dialognya dengan Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* yang mempertanyakan hakikat Islam sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh sahabat Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* Umar Bin Khattab *Radīyallahu ‘Anhu*.

---

<sup>41</sup>*Al-Jami’ al-Ṣahīḥ Bukhari*, Bab al-Targīb fī al-Nikāh

«أَخْبَرَنِي عَنِ الْإِسْلَامِ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- «  
 الْإِسْلَامُ أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَتُقِيمَ الصَّلَاةَ  
 وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ وَتَصُومَ رَمَضَانَ وَتَحُجَّ الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَبِيلًا».  
 (رواه مسلم) .<sup>٤٢</sup>

Maksudnya:

Wahai Rasulullah apa itu Islam? Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* menjawab: Islam itu adalah kamu mengucapkan dua kalimah shahadah, kamu dirikan sembahyang, kamu keluarkan zakat, kamu berpuasa pada bulan Ramadhan dan kamu berhaji ke Baitullah jika kamu mampu. (H.R. Muslim).

Hadith tersebut menunjukkan tentang rukun Islam. Dalam hadith tersebut haji menjadi pelengkap dari rukun Islam dan itu dipertegas dalam firman Allah *Subhānahū Wata‘ālā* (Q.S. *Āli ‘Imran* (3): 97)

﴿وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ  
 غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ﴾

Tafsirnya:

Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan Ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah. Iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadaNya. dan sesiapa yang kufur (ingkarkan kewajipan Ibadat Haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya

---

<sup>42</sup>*Ṣaḥīḥ Muslim*, 1/114, Bab; *Ma‘rifah al-Īmān wa al-Islām wa al-Qadar*.

(tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk.

Berikut ini huraian tentang rukun Islam beserta manfaat dan tujuan dishari'atkannya.

### **1. Dua Kalimah Shahadah**

Dua kalimah shahadah adalah rukun Islam yang paling utama dan paling mudah kerana dengan mengucapkan kesaksian tentang kewujudan Tuhan dan kerasulan Nabi Muhammad *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* maka Islam seseorang sudah dianggap sah. Shahadah tersebut terdiri dari dua maksud.

*Pertama*; maksud kesaksian tentang kewujudan Allah sebagai Tuhan yang disembah serta pernyataan untuk tunduk patuh padaNya. Kepercayaan dan keyakinan tentang kewujudan Allah *Subhānahū Wata'ālā* belum secukupnya menjamin seseorang itu sebagai pemeluk agama Islam. Keyakinan dan kepercayaan tentang kewujudan Allah sebagai Tuhan semesta alam merupakan kepercayaan seluruh pemeluk agama yang dibawa oleh para nabi dan rasul yang diutus oleh Allah *Subhānahū Wata'ālā*. Penganut agama Yahudi dan agama Nasrani juga percaya akan kewujudan Allah sebagai Tuhan yang selayaknya disembah.

*Kedua*; maksud kesaksian tentang kerasulan Nabi Muhammad *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* sekaligus iqrar untuk mengikuti sunnah dan contoh teladan darinya. Maksud yang kedua ini bersifat spesifik kerana tidak ada satu pun penganut agama lain yang mengakui kerasulan Nabi Muhammad *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam*. Kepercayaan kepada kerasulan Nabi Muhammad *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* akan memberikan konsekuensi

pembenaran agama Islam dan berakhirnya agama yang mereka anut.

Oleh kerana itu penganut agama Yahudi dan agama Nasrani terutama dari kalangan bangsa 'Arab akan sangat mudah bagi mereka mengucapkan "*Alḥamdu lillah, La Haula Walā Quwwata Illā Billāh, Masha Allah*", akan tetapi tidak akan pernah didengar mereka melanjutkan ungkapan mereka "*Wa Anna Muhammadan Rasulullah*".

Alasan yang paling masuk akal yang dapat diterima dari penolakan mereka mengakui kerasulan Nabi Muhammad *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* adalah jika mereka mengakui kerasulan Nabi Muhammad *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* maka akan memberikan konsekuensi yang sangat fatal dalam kehidupan beragama mereka. Kepercayaan dan pengakuan terhadap kerasulan Nabi Muhammad *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* bererti keharusan bagi mereka untuk mempercayai seluruh ucapan Nabi Muhammad dan ayat-ayat al-Quran. Padahal dalam al-Quran dan sabda Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* ditemukan penegasan yang menyatakan bahawa agama di akhir zaman ini yang diredhai oleh Allah *Subḥānahū Wata'ālā* hanyalah agama Islam. Mereka juga disuruh untuk memeluk agama Islam dan meninggalkan kepercayaan agama mereka kerana telah terjadi penyimpangan dan penyelewengan dari agama para Rasul.

Di sinilah letak perbezaan antara penganut agama Islam dengan penganut agama lain. Penganut agama Islam beriman dan percaya pada seluruh nabi dan rasul yang dikisahkan oleh al-Quran sementara penganut agama lain sampai bila-bila masapun tidak akan percaya pada Nabi Muhammad *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam*. Hal tersebut

telah disampaikan oleh Allah *Subhānahū Wata'ālā* dalam firmanNya (Q.S. al-Baqarah (2): 120)

﴿وَلَنْ تَرْضَىٰ عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ قُلْ إِنَّ هُدَىٰ  
اللَّهِ هُوَ الْهُدَىٰ وَلَئِنِ اتَّبَعْتَ أَهْوَاءَهُمْ بَعْدَ الَّذِي جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ مَا لَكَ  
مِنَ اللَّهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ﴾

Tafsirnya:

Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (Wahai Muhammad) sehingga Engkau menurut agama mereka (yang telah terpesong itu). Katakanlah (kepada mereka): "Sesungguhnya petunjuk Allah (agama Islam itulah petunjuk yang benar)". Dan demi sesungguhnya jika Engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka sesudah datangnya (wahyu yang memberi) pengetahuan kepadamu (tentang kebenaran), maka tiadalah Engkau akan peroleh dari Allah (sesuatupun) yang dapat mengawal dan memberi pertolongan kepada mu.

## 2. Sembahyang

Sembahyang, di samping berfungsi sebagai dialog kerohanian dengan Allah *Subhānahū Wata'ālā* juga berfungsi memanusiaikan manusia, agar memiliki hubungan berkesinambungan antara hamba dengan Allah *Subhānahū Wata'ālā* serta menempatkan manusia sebagai manusia yang sebenarnya.

Ketika manusia bekerja dari pagi hingga petang hari, adakalanya manusia lupa dirinya sebagai manusia yang memiliki dimensi kerohanian, memiliki kewajiban pada anggota tubuhnya untuk memberikan istirahat dari kepenatan bekerja. Manusia yang asyik bekerja, adakalanya

lupa jika dirinya sebagai hamba Allah yang memiliki tanggung jawab terhadap Tuhannya, sehingga manusia tersebut menjadi hamba pekerjaan. Manusia yang menjadi hamba pekerjaan hidupnya diatur oleh pekerjaan tersebut, maka di sinilah sembahyang berfungsi membebaskan manusia dari perhambaan terhadap pekerjaan dan mengembalikannya sebagai hamba Allah *Subhānahū Wata'ālā*.

Di siang hari misalnya, ketika *mu'adzdzin* mengumandangkan adzan zuhur, maka pada saat itu sedarlah manusia-manusia yang beriman bahawa ia adalah hamba Allah *Subhānahū Wata'ālā* dan bukan hamba pada pekerjaan. Manusia yang berhak untuk mengatur pekerjaan tersebut dan bukan pekerjaan yang memperhambakannya. Di samping itu, menurut sebahagian doktor, pembunuh yang paling berbahaya pada saat sekarang ini adalah pekerjaan, bahkan hampir setiap penyakit yang mematikan lahir dari rutin pekerjaan yang tidak terkawal.

Fungsi lain dari Sembahyang adalah sebagai penebus dosa-dosa yang dilakukan oleh anggota tubuh manusia seperti dosa pandangan, pendengaran fikiran dan gerak kerja tangan dan kaki, sehingga perintah wudhu' hanya terbatas pada bahagian-bahagian tubuh manusia yang berpeluang untuk melakukan dosa.

Wudhu' sebagai syarat sahnya sembahyang mengaktifkan kembali pangkal-pangkal saraf sehingga orang yang melakukan ibadah kepada Allah *Subhānahū Wata'ālā* terutama sembahyang dilakukan dalam keadaan segar dan sedar kerana saraf-sarafnya telah aktif kembali

setelah mengalami *off* diwaktu *berhadath* kecil atau *berhadth* besar.<sup>43</sup>

### 3. Zakat

Zakat dan sedekah merupakan ibadah *māliyah* (ibadah melalui sarana harta benda) yang memiliki banyak fungsi dan manfaat bagi manusia, di antaranya adalah fungsi pemerataan dan kasih sayang antara sesama manusia, antara orang kaya dan orang miskin, fakir dan yatim piatu. Ibadah zakat dan sedekah juga merupakan ibadah yang berfungsi untuk membersihkan harta benda manusia dari rezeki yang *shubhāt* (tidak jelas halal dan haramnya) yang bercampur baur dengan rezeki yang halal, sebab manusia dalam mencari rezeki adakalanya tanpa disadari ada rezeki yang *shubhāt* turut bercampur dengan harta benda mereka.

Zakat juga berfungsi untuk memanusiaikan manusia, iaitu mengembalikan fitrah manusia sebagai hamba Allah *Subhānahū Wata'ālā* dan bukan hamba pada harta benda. Kecintaan manusia yang berlebihan terhadap harta benda akan mendatangkan malapetaka yang sangat besar dalam kehidupan manusia kerana akan menimbulkan beberapa penyakit kerohanian seperti kikir, iri hati, sombong dan

---

<sup>43</sup>*Hadath* kecil menyebabkan sebahagian kecil saraf-saraf manusia menjadi *off* sehingga manusia perlu mengaktifkan kembali saraf-saraf tersebut sebelum memulai ibadah kepada Allah *Subhānahū Wata'ālā*. Pengaktifan saraf tersebut dilakukan melalui wudhu' iatu dengan membasuh pangkal-pangkal saraf sebagaimana rukun wudhu'. Begitu pula orang yang sedang *berhadath* besar sebahagian besar saraf-saraf mereka juga turut *off* sehingga diperlukan mandi wajib (menyiram seluruh tubuh dengan air) sebagai pengaktif saraf-saraf tersebut. Meskipun demikian tujuan utama sebenarnya dari wudhu' dan mandi wajib adalah ibadah kepada Allah *Subhānahū Wata'ālā*.

*takabbur* yang berakhir dengan murka dan azab Allah *Subhānahū Wata‘ālā*.

Kewajiban membayar zakat dan kebiasaan bersedekah akan mengikis serta memerdekakan manusia dari kecintaan yang berlebihan terhadap harta benda. Dengan konsep ini, manusia kemudian mencari nafkah dan rezeki dengan cara-cara yang halal, harta bukan menjadi tujuan dalam pekerjaan tetapi sebaliknya umat Islam akan bekerja lebih giat lagi dengan tetap memelihara norma-norma keagamaan serta menjadikan harta yang diperoleh sebagai sarana untuk mendekati diri kepada Allah *Subhānahū Wata‘ālā* dan bukan menjadikan harta benda sebagai tujuan hidup.

#### 4. Puasa

Sebagaimana ibadah-ibadah yang lain, ibadah puasa juga memiliki banyak fungsi dalam kehidupan manusia, di antaranya melatih manusia untuk bersabar, menjaga kesehatan, sebagaimana pengakuan para doktor di abad ini. Fungsi yang lain dari puasa adalah membersihkan diri manusia dari dosa-dosa yang diakibatkan dari makanan. Ibadah inilah yang mempunyai kekhususan untuk menghancurkan dosa-dosa tersebut. Dalam salah satu hadith yang diriwayatkan oleh Abu Bakar As-Sidiq Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* bersabda:

«من نبت لحمه من السحت فالنار أولى به»<sup>44</sup>.

Maksudnya:

---

<sup>44</sup>Muhammad Bin Abdullah, Abu Abdillah, Al-Hakim. (t. th). *al-Mustadrak ‘Ala al-Ṣaḥīḥaini*, Juz 16, Bab *Amma Hadith Abu Bakar*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 493.

Barang siapa yang dagingnya tumbuh dari makanan yang haram maka sesungguhnya neraka lebih layak untuk daging tersebut.

Dari beberapa fungsi ibadah puasa tersebut, fungsi yang utama adalah sebagai sarana untuk mendekatkan diri kepada Allah *Subhānahū Wata‘ālā* melalui ibadah *badaniyyah* (badan). Puasa berfungsi untuk memanusiaikan manusia agar manusia bebas dari perhambaan terhadap makanan dan kebiasaan. Puasa dapat menjadikan manusia merdeka dari ikatan-ikatan kebiasaan dan makanan. Dengan puasa, manusia bukan lagi dalam keadaan diatur, tetapi manusia yang mengatur makan dan kebiasaannya serta mengembalikannya kepada fitrahnya sebagai hamba Allah *Subhānahū Wata‘ālā*.

## 5. Haji

Haji adalah puncak ibadah *maḥdah* bagi umat Islam kerana ia merupakan rukun Islam yang terakhir. Haji mempunyai beberapa manfaat. Salah satu di antara manfaat tersebut adalah mengikuti jejak perjuangan Nabi Ibrahim dan puteranya Nabi Isma‘il *‘Alaihisalām*.

Haji juga merupakan penyerahan diri kepada Allah *Subhānahū Wata‘ālā* kerana ibadah haji berfungsi sebagai gambaran perjalanan manusia menuju alam akhirat. Oleh kerana itu, salah satu di antara tujuan utama dari ibadah haji adalah *insāniyah*, iaitu melepaskan diri manusia dari perhambaan terhadap syaitan, kerana dalam pelaksanaan ibadah haji terdapat berbagai macam ritual (ibadah) yang dilakukan pada masa yang sama dan tempat yang sama, sehingga sering kali terjadi pertelingkahan antara satu jama‘ah dengan jama‘ah yang lain.

Syaitan sentiasa mempengaruhi manusia untuk tetap cinta pada keluarga, cinta pada harta benda serta cinta pada kampung halaman. Keikhlasan seorang hamba dalam menjalankan ibadah haji atas dasar seruan ilahi menjadikan manusia tersebut lepas dari seluruh pengaruh-pengaruh iblis dan syaitan sehingga manusia tetap berada pada fitrahnya sebagai hamba Allah dan bukan hamba pada syaitan.

### **BAB III**

## **IMAN DAN HURAIANNYA**

Konsep iman dalam setiap agama merupakan hal yang sangat penting kerana merupakan roh dan penggerak dari agama tersebut. Tidak ada satu agama pun di dunia ini kecuali ada unsur doktrin<sup>45</sup> dan dogma<sup>46</sup> di dalamnya sebagai suatu prinsip yang tidak dapat ditawar-tawar oleh penganutnya. Keberkekalan doktrin dan dogma sangat ditentukan oleh iman, kerana iman inilah yang mampu memberikan dorongan pada pengikut agama untuk sentiasa mempertahankan doktrin dan dogma keagamaan.

Dalam agama Islam, Iman menduduki kedudukan yang sangat penting kerana merupakan inti dari agama Islam. Bahkan di balik kajian tentang iman, berderet sekian

---

<sup>45</sup>Doktrin adalah ajaran tentang asas suatu aliran politik atau keagamaan yang mesti diikuti. Lihat Departemen Pendidikan Nasional, (2002), *Kamus Besar Bahasa Indonesia* kata (doktrin), Jakarta: Pusat Bahasa, h. 339.

<sup>46</sup>Dogma adalah pokok ajaran atau kepercayaan yang mesti diterima sebagai hal yang benar dan baik, tidak boleh dibantah dan diragukan. Lihat *Ibid.* h. 337.

banyak permasalahan yang berhubung kait dengan akidah. Munculnya istilah-istilah dalam teologi Islam seperti kufur, fasiq, munafiq, tahyul syirik dan sebagainya tidak lepas dari perbahasan tentang iman. Oleh kerana itu, mengkaji tentang Islam tidak boleh lepas dari kajian tentang iman.

Di era golobalisasi sekarang ini batas-batas nasionalisme dan negara tidak lagi menjadi penghalang untuk berkembangnya budaya dan ideologi bangsa lain. Oleh karena itu, kepentingan untuk mengkaji hakikat Iman, dirasa sangat perlu, kerana semakin beragamnya isu-isu golobalisasi serta cabaran-cabaran semasa yang dihadapi oleh Islam dan umatnya. Begitu juga pemantapan akidah sangat diperlukan dalam mendidik generasi muda umat Islam agar mereka kukuh dan kuat menghadapi arus golobalisasi yang menyapu bersih budaya, tradisi dan ideologi yang tidak bertapak dengan kukuh dalam jiwa penganutnya.

Konsep Iman juga sangat perlu untuk dikaji dan diketahui kerana kehidupan manusia tidak berakhir pada kehidupan dunia belaka. Kehidupan akan terus berlangsung dan masih berlanjut kepada kehidupan *ukhrawi* yang memiliki perbahasan lebih beragam, kerana menyangkut masalah-masalah *sam 'iyyāt* (ghaibiyāt).

Hancurnya moral umat manusia banyak disebabkan kerana konsep iman tentang kehidupan *ukhrawi* diabaikan, sehingga dalam melakukan tindakan-tindakan dan keputusan tidak didasari atas pertimbangan *ukhrawi*, tetapi sekadar mencari keuntungan duniawi sahaja. Kesan dari perbuatan dan keputusan yang diambil tanpa pertimbangan *ukhrawi* cenderung merugikan kepentingan orang lain.

## A. Iman Menurut Bahasa

Para ulama berbeza pendapat tentang erti iman menurut bahasa, meskipun para penulis ensiklopedia bahasa sepakat bahawa kata iman berasal dari bahasa ‘Arab yang asal katanya adalah *āmana* (آمن). Kata (آمن) sendiri berasal dari kata (أمن) yang terdiri dari dua huruf hamzah. Hamzah yang pertama berbaris atas (*fatah*) dan hamzah yang kedua berbaris mati (sukun).<sup>47</sup> Menurut bahasa, iman memiliki beberapa erti di antaranya:

### 1. *Al-taṣdīq* (pembenaran)

*Al-taṣdīq* (pembenaran dalam hati), iaitu lawan dari kata *al-Kidzbu* (kebohongan).<sup>48</sup> Erti ini menjadi terkenal apabila Abu Bakar al-Shiddiq selaku sahabat Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* sentiasa percaya dan meyakini informasi yang berasal dari Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam*.

Ketika terjadi peristiwa Isra’ dan Mi‘raj, orang-orang kafir Makkah tidak meyakini informasi yang disampaikan oleh Rasulullah. Begitu juga sebahagian umat Islam yang lemah imannya meragukan informasi Rasulullah tersebut. Namun Abu Bakkar al-Shiddiq secara spontan tanpa berfikir panjang, membenarkan serta beriman terhadap apa yang disampaikan oleh Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam*. Beliau kemudian digelar *al-Shiddiq* kerana keimanannya yang begitu mendalam, sehingga membenarkan setiap informasi yang berasal

---

<sup>47</sup>Ibn Manzur, Abi Fadl Jamaluddin Muhammad bin Makram. (1997). *Lisān al-‘Arab*, jld 1/114, Beirut: Dār al-Ṣādir kata iman.

<sup>48</sup>*Mu‘jam al-Maqāyīs al-Lughah* 1/114 kata *āmana*.

Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* tanpa sedikit pun keraguan.

Iman bererti *al-taṣḍīq*, dapat dilihat penggunaannya dalam kisah Nabi Yusuf *‘Alaihissalām* bersama saudara-saudaranya, ketika mereka melemparkan Nabi Yusuf ke dalam perigi, mereka kemudian pulang menjumpai orang tua mereka (Nabi Shu‘aib) sambil memberikan alasan bahawa mereka meninggalkan Yusuf di tempat barang-barang mereka, lalu Yusuf dimakan serigala. Untuk meyakinkan ayah mereka (Nabi Shu‘aib), mereka kemudian menangis sambil mengatakan:

﴿وَمَا أَنْتَ بِمُؤْمِنٍ لَنَا وَلَوْ كُنَّا صَادِقِينَ﴾

Tafsirnya:

"Dan sudah tentu ayah tidak akan percaya kepada kata-kata kami ini, sekalipun kami adalah orang-orang yang benar".

Kata mu'min dalam ayat tersebut bererti *al-taṣḍīq* yang ertinya percaya atau lawan dari kata *al-kizbu* (bohong).<sup>49</sup>

## 2. *Al-Thiqah* (kepercayaan)

Menurut bahasa iman juga bererti *al-thiqah* (kepercayaan), keimanan kepada seseorang bererti kepercayaan (*al-thiqah*) kepada seluruh informasi yang disampaikan orang tersebut. *Al-thiqah* dapat juga difahami bahawa orang yang beriman adalah orang yang dapat dipercayai memegang amanah. Ibnu Manẓur dalam kitabnya *Lisān al-'Arab* memberikan contoh kata iman yang bererti *al-thiqah*:

---

<sup>49</sup>Untuk lebih jelasnya lihat firman Allah *Subḥānahū Wata‘ālā* (Q.S. Yusuf (12): 17).

«وما آمن أن يجد صحابة أي ما وثق<sup>50</sup>»

Ertinya:

Dia belum beriman akan menemukan sahabat. Ibnu Manzur kemudian menjelaskan bahawa (*āmana*) bererti *al-thiqah*.

Erti ini sebenarnya masih erat kaitannya dengan erti semula iaitu *taṣḍīq* (pembenaran dalam hati) kerana orang yang dapat dipercayai adalah orang yang sudah dibenarkan keikhlasan dan kejujurannya dalam hati. Tanpa membenaran dalam hati mustahil seseorang itu dapat dipercayai.

### 3. *Al-Amānah* (kejujuran)

Iman menurut bahasa juga bererti *al-amānah* (kejujuran) lawan dari kata khianat, sebab orang yang beriman adalah orang yang keimanannya telah masuk kedalam hatinya, membenarkan apa yang diucapkan secara lisan. Pembeneran dalam hati terhadap ucapan lisan adalah bererti amanah kerana antara ucapan lisan dengan keyakinan dalam hati tidak berbeza. Apabila terjadi perbezaan antara ucapan lisan dengan hakikat dalam hati maka sikap seperti ini menyebabkan seseorang keluar dari kategori iman dan berpindah kepada khianat. Orang yang melakukannya digelar dengan Munafiq.

Iman dengan konteks ini juga memberikan suatu keyakinan bahawa orang yang diimani tidak mungkin memberikan informasi yang tidak benar dan tidak mungkin menjerumuskan kepada sesuatu yang dapat

---

<sup>50</sup>Lihat, *Lisān al-‘Arab*, Jld.I kata *al-amānah*, h. 115.

membahayakan, kerana diyakini kesesuaian antara ucapan dan hakikat dalam hatinya.

Iman dengan erti *amanah* juga memberikan pemahaman bahawa orang yang beriman adalah orang yang menjalankan amanah secara sempurna, menyampaikan kebenaran secara sempurna dan tidak menyembunyikan kebenaran.<sup>51</sup> Dalam konteks ini, bererti orang Mu'min adalah orang yang jujur, dapat dipercayai dan jauh dari perbuatan khianat.

#### 4. *Al-Amnu* (aman dan damai)

Kata iman juga bererti *al-amnu* (aman dan damai), penggunaan kata iman yang bererti damai dapat dilihat dalam firman Allah *Subhānahū Wata'ālā* (Q.S. Al-Baqarah (2): 239)

﴿فَإِنْ خِفْتُمْ فَرِجَالًا أَوْ رُكْبَانًا فَإِذَا أُمِنْتُمْ فَأَذْكُرُوا اللَّهَ كَمَا عَلَّمَكُمْ مَا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ﴾

Tafsirnya:

Dan jika kamu takut (sesuatu bahaya) maka sembahyanglah sambil berjalan atau berkenderaan, kemudian apabila kamu telah aman sentosa, maka hendaklah kamu mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang secara yang lebih sempurna), sebagaimana Allah telah mengajar kamu apa yang kamu tidak mengetahuinya.

Kata *amintum* dalam ayat tersebut berasal dari kata (*āmana*) yang bererti aman dan damai. Iman yang bererti

---

<sup>51</sup>Untuk lebih jelasnya lihat Abu 'Ubaid al-Qāsim bin Sallām, (1986), *Garīb al-Hadīth*, jld. I, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h.413 .

*al-amnu* (aman dan damai) dapat difahami bahawa iman mampu menciptakan perasaan aman dan damai dalam diri orang yang beriman, kerana penyerahan diri orang yang beriman hanya kepada Allah *Subhānahū Wata‘ālā* akan memberikan kekuatan batin dalam menaklukkan perasaan takut, bimbang dan ragu-ragu yang merupakan punca penyebab kegoncangan jiwa.

Orang Mu'min dalam konsep ini adalah orang yang tidak takut terhadap masa depan di dunia dan di akhirat kerana ia yakin dan faham betul tentang hakikat kedua kehidupan tersebut sehingga muncul kedamaian dalam diri mereka.

Orang Mu'min dalam konteks ini juga bererti orang yang mampu memberikan kedamaian kepada orang lain sama sahaja beragama Islam atau tidak beragama Islam. Bahkan orang Mu'min mampu memberikan kedamaian kepada seluruh makhluk kerana ia mengerti di setiap perbuatan ada perhitungan di sisi Allah *Subhānahū Wata‘ālā*.

Konsep keamanan dalam Islam telah terbukti sepanjang sejarah Islam. Orang Islam yang berkuasa mampu memberikan kedamaian kepada semua golongan, kaum, puak dan agama, bukan sebaliknya sebagai penyebar fitnah dan ketakutan.

Beriman kepada Allah dan beriman kepada rasulNya memiliki dua huruf penghubung iaitu ‘ب’ (*bi*) dan ‘ل’ (*li*). Penggunaan kata iman yang disambung dengan huruf (*bi*) bererti keimanan terhadapnya, iaitu kepercayaan terhadap *Wajib al-Wujd* Allah *Subhānahū Wata‘ālā*. Sentiasa bertasbih dan mensucikanNya dari segala bentuk kekurangan dan tidak mensyirikanNya dengan yang lain.

Beriman kepada rasulNya bererti percaya adanya rasul yang diutus oleh Allah *Subhānahū Wata'ālā* serta membenaran tentang kewujudan mereka sebagai rasul. Kata iman yang disambung dengan huruf 'bi' (ب) berhubung kait dengan seluruh hal-hal yang diimani seperti iman kepada malaikat-malaikatNya, kitab-kitabNya dan hari akhirat.

Penggunaan kata iman yang disambung dengan kata 'Li' atau La (ل), bererti tunduk patuh serta taat terhadapnya.<sup>52</sup> Iman *Lillah* bererti tunduk dan patuh terhadap segala perintah dan hukum hakam Allah *Subhānahū Wata'ālā* serta tidak melanggar aturan-aturanNya. Iman *Li rasulih* bererti mengikuti sunnahnya, menjadikannya sebagai panduan hidup, serta mentaati segala perintah dan menjauhi segala larangannya. Oleh kerana itu kata iman yang disambung dengan kata (*Li*) hanya boleh dipergunakan pada dua tempat, iaitu keimanan kepada Allah *Subhānahū Wata'ālā* dan keimanan kepada RasulNya.

Dari sekian banyak erti iman yang telah disebutkan, tetapi pada hakikatnya semua erti tersebut tidak terlepas dari erti semula iaitu *al-taşdīq* (kebenaran dan membenaran).

## **B. Iman Menurut Istilah**

Pengertian iman menurut bahasa yang telah disebutkan, semuanya berkisar pada perbuatan hati. Definisi tersebut belum menyentuh perbauatan *lisan* (lidah) mahupun perbuatan zahiriah. Adapun pengertian iman

---

<sup>52</sup>Al-Baihaqi, (1990), *Shu'ab al-Īmān*, Tahqīq Abu Hajir Muhammad Sa'īd, jld I, Cet. II, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 35

menurut istilah, para ulama memberikan pengertian cukup beragam berdasarkan dari sudut pandang mereka serta kaedah yang diguna pakai dalam mengkaji masalah tersebut. Perbezaan itu semakin nampak ketika pengertian iman dibawa kepada aliran-aliran Islam seperti Khawarij, Mu'tazilah, Jahmiyyah dan Murji'ah.<sup>53</sup>

Sebahagian ulama mendasarkan pendapatnya dengan kembali merujuk erti iman menurut bahasa, namun sebahagian yang lain menganalisis penggunaan kata iman dalam al-Quran dan al-Hadith. Oleh kerana itu perbezaan pendapat tersebut juga disebabkan oleh beragamnya ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith Rasulullah dalam menyampaikan penjelasan tentang iman.

Sebahagian aliran Islam menjadikan ucapan dua kalimah shahadah sebagai standard keimanan, sementara yang lain menjadikan keyakinan dalam hati sebagai ukuran dalam melihat keimanan. Begitu juga sebahagian aliran justeru menjadikan perbuatan sebagai kayu ukur (standard) dalam menilai keimanan seseorang.

Perbezaan aliran-aliran Islam dalam mendefinisikan iman memberikan kesan pada perbezaan mereka dalam melihat beberapa persoalan tentang iman, seperti masalah pelaku dosa besar, apakah ia Mu'min atau Kafir, atau ia Munafiq dan Fasiq. Perbezaan aliran-aliran Islam dalam melihat bertambah dan berkurangnya iman juga berawal dari perbezaan mereka dalam mendefinisikan hakikat iman.

---

<sup>53</sup>Khawarij dan Mu'tazilah mendefinisikan iman sebagai ketaatan dan perbuatan serta menghindari kemaksiatan, sementara Jahmiyyah menjadikan ma'rifah dalam hati sebagai hakikat iman. Ada pun Murji'ah ucapan dengan lisan serta dua kalimah shahadah dianggap sudah merangkumi keimanan.

Majoriti tokoh-tokoh Ahli Sunnah Waljama'ah mendefinisikan iman dengan tiga komponen iaitu:

الإيمان هو: تصديق بالقلب ، وإقرار باللسان ، وعمل بالجوارح

Ertinya:

Iman itu adalah membenaran dalam hati, di iqrarkan dengan lidah dan dibuktikan dengan perbuatan.

Definisi iman tersebut merangkumi tiga bahagian yang tidak terpisahkan iaitu kerja hati sebagai keyakinan, kerja lidah sebagai iqrar dan pernyataan, serta kerja anggota badan dalam merealisasikan keimanan. Seorang Mu'min dalam pandangan Ahli Sunnah Waljama'ah harus sejalan antara hati, ucapan dan perbuatannya. Memisahkan antara ketiga-tiganya menyebabkan keimanan seseorang tidak sempurna.

Ahli Sunnah Waljama'ah memiliki alasan tersendiri dalam mendefinisikan iman yang merangkumi ketiga aspek tersebut. Abu 'Ubaid al-Qāsim bin Sallām contohnya memberikan tiga alasan menjadikan iman sebagai membenaran dalam hati, *iqrar* dengan lisan serta dibuktikan dengan perbuatan.

### **1. Ayat-Ayat Al-Quran**

Penggunaan kata iman dalam al-Quran adakalanya bererti keyakinan dalam hati, juga adakalanya bererti perbuatan. Bahkan adakalanya digabung antara keyakinan dalam hati dan perbuatan zahiriah. Mendefinisikan iman hanya melihat salah satu aspek sahaja, tidaklah betul,<sup>54</sup>

---

<sup>54</sup>Definisi semacam ini dalam Ilmu Mantiq disebut definisi yang tidak *Jami'*, iaitu definisi yang tidak merangkumi seluruh aspek yang didefinisikan.

sebab penggunaan kata iman berlaku untuk ketiga aspek tersebut (hati, lisan dan perbuatan) sehingga definisi iman yang paling sempurna adalah menggabung ketiga aspek keimanan tersebut dalam definisi.<sup>55</sup>

Berikut ini beberapa ayat al-Quran yang menyatakan bahawa perbuatan masuk dalam kategori iman:

- 1) Sembahyang dianggap sebagai iman padahal diketahui bahawa sembahyang adalah merupakan perbuatan, hal tersebut diungkap oleh Allah *Subhānahū Wata‘ālā* dalam (Q.S. al-Baqarah (2): 143)

﴿وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضَيِّعَ إِيمَانَكُمْ إِنَّ اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرُؤُوفٌ رَحِيمٌ﴾

Tafsirnya:

Dan Allah tidak akan menghilangkan (bukti) iman kamu. Sesungguhnya Allah amat melimpah belas kasihan dan rahmatNya kepada orang-orang (yang beriman).

Iman yang dimaksud dalam ayat tersebut menurut Abu ‘Ubaid al-Qāsim bin Sallām adalah sembahyang,<sup>56</sup> sebab sebelum turun ayat tentang perubahan arah kiblat dari masjid al-Aqsha ke Ka‘bah, umat Islam melakukan sembahyang menghadap ke arah masjid al-Aqsha yang ada di Baitul Maqdis. Oleh karena itu, umat Islam mempertanyakan kepada Rasulullah *Ṣallallahu*

---

<sup>55</sup>Definisi yang benar dalam Ilmu Mantiq adalah definisi yang *Jami‘* dan *Mani‘*. *Jami‘* bererti merangkumi seluruh aspek yang didefinisikan, sementara *mani‘* adalah mencegah unsur-unsur yang tidak di definisikan masuk dalam definisi yang dibuat.

<sup>56</sup>Lihat Abu ‘Ubaid al-Qāsim bin Sallām, (1983), *al-Īmān*, Beirut: al-Maktab *al-Islāmiy* hlm. 11.

*'Alaihi Wasallam* bagaimana status sembahyang mereka yang telah dikerjakan sebelum perubahan arah kiblat tersebut. Apakah sembahyang menghadap ke Masjid Aqsha tersebut sia-sia sahaja dan tidak memiliki erti apa-apa, ataukah sembahyang tersebut tetap mendapatkan pahala di sisi Allah *Subāhanahu Wata'ala* meskipun terjadi perubahan arah kiblat.

Untuk menghilangkan keraguan-keraguan tentang ibadah sembahyang yang telah dilakukan sebelumnya, iaitu sembahyang menghadap ke Masjid Aqsha, turunlah ayat (Q.S. al-Baqarah (2): 143) menjelaskan tentang kedudukan sembahyang mereka sebelum peralihan arah kiblat.

Ayat tersebut memberi penegasan bahawa: “Allah tidak akan mensia-siakan iman (sembahyang) yang telah dilakukan”. Dalam konteks ini maka iman bererti perbuatan.

Pemahaman ini diperkuat oleh pendapat Imam al-Qurtubi dalam tafsirnya *al-Jāmi' Li Ahkām al-Qur'ān*, bahawa lafaz iman dalam ayat tersebut bererti sembahyang yang menghadap ke Baitul Maqdis. Dalam ayat tersebut sembahyang disebut iman sebab sembahyang merangkumi tiga aspek penting iaitu: Niat, ucapan dan perbuatan.<sup>57</sup>

- 2) Iman bukan hanya sekadar keyakinan dalam hati, juga bukan sekadar Perbuatan zahiriah (amal-amal soleh), tetapi iman yang dijanjikan oleh Allah

---

<sup>57</sup>Muhammad bin Ahmad al-Qurtubi, (1373 H) *al-Jami' Li Ahkām al-Qur'ān*, jilid 2, Kaherah: Dār al-Sha'ab, h. 157.

*Subhānahū Wata‘ālā* akan mendapatkan balasan kebaikan adalah iman yang merangkumi keyakinan dalam hati dan diaplikasikan dalam perbuatan. Hal ini dapat dilihat dalam beberapa firman Allah *Subhānahū Wata‘ālā* di antaranya:

- (Q.S. Yunus (10): 9)

﴿إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ يَهْدِيهِمْ رَبُّهُمْ بِإِيمَانِهِمْ﴾

Tafsirnya:

Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, Tuhan mereka akan memimpin mereka dengan sebab iman mereka yang sempurna itu.

- Q.S. al-Kahfi (18): 88

﴿وَأَمَّا مَنْ آمَنَ وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَهُ جَزَاءٌ الْحَسَنَىٰ﴾

Tafsirnya:

Adapun orang yang beriman serta beramal soleh, maka baginya balasan yang sebaik-baiknya; dan Kami akan perintahkan kepadanya perintah-perintah Kami yang tidak memberati".

Kedua ayat tersebut menjelaskan bahawa syarat mendapatkan hidayah dan balasan yang baik adalah melakukan amal-amal soleh yang di dasari keyakinan dalam hati. Ini bererti bahawa keyakinan dalam hati saja belum mencukupi definisi tentang iman tetapi keimanan mestilah merangkumi keyakinan dalam hati dan perbuatan zahiriah.

## 2. Al-Hadith

Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* ketika menjelaskan tentang iman, Baginda adakalanya menyebutkannya tiga macam, adakalanya empat macam, adakalanya lima macam, bahkan membuang duri dari jalan juga dianggap sebahagian dari iman.<sup>58</sup> Ini menunjukkan bahawa Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* menyebutkan masalah iman berkali-kali dalam tempat yang berbeza-beza, bahkan dalam satu kesempatan Rasulullah menyebutkan bahawa cabang iman lebih dari tujuh puluh.<sup>59</sup>

Ulama-ulama Islam yang datang kemudian seperti al-Baihaqi dan Ibnu Shahin berusaha merangkum jumlah bahagian-bahagian iman tersebut sehingga menulis buku dengan judul “*Shu‘ab al-Īmān*” (cabang-cabang Iman). Bahagian-bahagian iman yang disebutkan oleh Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* kemudian dikumpulkan oleh para ulama. Majoriti dari cabang-cabang iman tersebut adalah perbuatan zahiriah.<sup>60</sup>

## 3. Realiti Sejarah

Menganalisis perkembangan shari‘at Islam menunjukkan bahawa ketika period Makkah, umat Islam hanya diwajibkan mengucapkan dua kalimah Shahadah. Barang siapa yang mengucapkan dua kalimah shahadah maka sempurnalah imannya. Ini juga sekaligus sebagai

---

<sup>58</sup>Lihat *al-Īmān*, h. 13.

<sup>59</sup>*Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitab: al-Īmān, bab: Bayān Adad Shu‘ab al-Īmān.

<sup>60</sup>Untuk lebih jelasnya yang termasuk cabang-cabang iman, lihat al-Baihaqi, (1410), *Shu‘ab al-Īmān*, jld. 1, h. 103.

alasan bahawa keimanan bukan hanya sekadar dalam hati tetapi ucapan lisan masuk dalam bahagian iman.

Ketika shahadah umat Islam sudah tertanam dengan kukuh dalam hati, mereka kemudian diperintahkan untuk berhijrah ke Madinah. Di kota Madinah shari‘at Islam mulai diturunkan satu persatu. Perubahan arah kiblat merupakan perintah kedua yang berkaitan dengan iman, diikuti dengan perintah-perintah yang lain seperti perintah sembahyang, zakat, puasa dan haji. Begitu juga perintah-perintah untuk berbuat baik. Semua perintah tersebut dikategorikan sebagai iman.

Itulah sebabnya ayat-ayat al-Quran yang menyeru umat Islam untuk menjalankan satu perintah baru, biasanya dimulai dengan seruan “*wahai orang-orang yang beriman*” (يا أيها الذين آمنوا). Seruan tersebut bererti pernyataan wujudnya iman dalam hati umat Islam kemudian ditambah dengan keimanan baru sehingga seruan tersebut seolah-olah berbunyi seperti berikut: “*Wahai orang-orang yang beriman yang telah mengerjakan keimanan yang diperintahkan sebelumnya sesungguhnya masih ada keimanan lain yang perlu disempurnakan iaitu perintah untuk berjihad, mendirikan Sembahyang, mengeluarkan Zakat, berpuasa pada bulan suci Ramadan, bersedekah,... dan seterusnya.*”. Maka kewajiban Puasa dimulai dengan seruan (يا أيها الذين آمنوا), Begitu juga seruan untuk melaksanakan ibadah sembahyang, zakat dan haji.<sup>61</sup>

Inilah tiga alasan Ahli Sunnah Waljama‘ah menjadikan ucapan lisan, keyakinan dalam hati dan perbuatan termasuk dalam maksud iman, berbeza dengan

---

<sup>61</sup>*Al-Īmān*, h. 11.

aliran-aliran lain yang memahami ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith Rasulullah secara terputus-putus sehingga pemahaman mereka terhadap satu permasalahan keagamaan juga tidak sempurna.

### C. Rukun Iman

Perbahasan tentang Iman merupakan hal yang sangat penting sebagaimana perbahasan tentang Islam. Oleh kerana itu, penjelasan tentang Iman juga diajarkan langsung oleh malaikat Jibril *'Alaihissalām* melalui dialog dengan Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam*. Hal itu dapat dilihat dalam hadith yang diriwayatkan oleh sahabat Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* Abu Hurairah *Raḍiyallahu 'Anhu*:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم: « سَأَلُونِي، فَهَابُوهُ أَنْ يَسْأَلُوهُ، فَجَاءَ رَجُلٌ فَجَلَسَ عِنْدَ رُكْبَتَيْهِ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ ... مَا الْإِيمَانُ؟ قَالَ: أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكِتَابِهِ وَلِقَائِهِ وَرُسُلِهِ وَتُؤْمِنَ بِالْبَعْثِ وَتُؤْمِنَ بِالْقَدَرِ كُلِّهِ. قَالَ: صَدَقْتَ. (رواه مسلم).<sup>62</sup>

Ertinya:

Dari Abi Hurairah, berkata Ia, Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* bersabda: Tanyalah saya, namun sahabat-sahabat Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* segan untuk bertanya, kemudian datang satu orang laki-laki duduk berhadapan dengan Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* kemudian ia bertanya: Wahai Rasulullah ... apa itu iman? Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* menjawab:

---

<sup>62</sup>Muslim, (t.th), *al-Jami' al-Ṣaḥīḥ*, Juz 1 Bab al-Islām mā Huwa Wa Bayān Khishālih, Beirut: Dār al-Jail h. 30.

Iman itu adalah kamu beriman kepada Allah, malaikat-malaikatNya, kitab-kitabNya, pertemuan denganNya (hari kiamat), rasul-rasulNya, hari kebangkitan dan beriman kepada *qada* dan qadar secara menyeluruh. Laki-laki itupun mengatakan kamu benar. (H.R. Muslim).

Hadith tersebut menunjukkan bahawa rukun iman ada enam yang wajib diyakini oleh setiap Muslim iaitu keimanan kepada Allah *Subhānahū Wata'ālā*, malaikat-malaikatNya, kitab-kitabNya, rasul-rasulNya, hari akhirat serta keimanan kepada *qada*' dan qadar Allah *Subhānahū Wata'ālā*.

Keenam rukun iman tersebut merupakan satu kesatuan yang tidak boleh dipisah-pisahkan, meninggalkan salah satu di antara rukun iman tersebut menyebabkan rosaknya keimanan seseorang. Di sinilah letak perbezaan Ahli Sunnah Waljama'ah dengan aliran-aliran yang lain, sebab di antara aliran-aliran Islam, selain Ahli Sunnah Waljama'ah ada yang tidak meyakini *qada*' dan qadar Allah *Subhānahū Wata'ālā* seperti Qadariyyah.<sup>63</sup>

Begitu juga Mu'tazilah berbeza dengan Ahli Sunnah Waljama'ah kerana menjadikan *al-Uṣūl al-Khamsah*<sup>64</sup> sebagai inti keimanan dan bukan rukun iman

---

<sup>63</sup>Mu'tazilah dan Qadariyyah tidak mempercayai *qada*' dan qadar Allah *Subhānahū Wata'ālā* kerana konsep keadilan Tuhan dalam teologi mereka memberikan kebebasan kepada manusia untuk menentukan takdirnya. Begitu pula konsep kebebasan manusia dalam berikhtiar yang sering didengar dengan istilah manusia menciptakan sendiri perbuatannya. Membatasi kebebasan manusia bererti sama sahaja Allah tidak adil dalam pandangan Qadariyyah.

<sup>64</sup>*Al-Uṣūl al-Khamsah* dalam pandangan Mu'tazilah merupakan rukun kepercayaan yang mesti diyakni dan dijalankan. *Al-Uṣūl al-Khamsah* inilah yang menjadi ciri khas Mu'tazilah.

yang enam sebagaimana keyakinan Ahli Sunnah Waljama'ah.

Perbezaan pendapat tersebut disebabkan dari pelbagai hadith Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* tentang iman. Namun jika dianalisis hadith-hadith tersebut maka akan didapati bahawa iman yang disebutkan oleh Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* termaktub dalam enam rukun iman yang telah disebutkan. Adapun bentuk-bentuk keimanan dalam beberapa hadith selain dari enam tersebut hanyalah merupakan cabang-cabang keimanan.

Enam rukun iman yang dimaksud merupakan pilar (teras) keyakinan umat Islam yang sangat mendasar dan tidak dapat ditawar-tawar. Keenam rukun iman ini memberikan kesan dan inspirasi terhadap semua bentuk tingkah laku, perbuatan dan tujuan hidup seorang Muslim. Sakhshiah seorang Muslim tergambar dari rukun iman tersebut. Kuat dan lemahnya mentaliti seorang Muslim juga sangat tergantung dengan tingkat kepercayaan mereka pada enam rukun iman yang telah disampaikan oleh Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam*.

#### **D. Bertambah dan Berkurang Iman**

Perbahasan tentang bertambah dan berkurangnya iman merupakan salah satu objek kajian yang sentiasa menjadi perhatian di kalangan ulama, kerana perbahasan ini

---

Meninggalkan salah satu dari *al-Uṣūl al-Khamsah* bererti keluar dari kategori sebagai seorang Mu'tazilah. Yang termasuk *al-Uṣūl al-Khamsah* adalah: *Attauhīd* (ketauhidan), *al-Adl* (keadilan), *al-Wa'du wa al-Wa'īd* (janji dan ancaman), *al-Manzilah Baina al-Manzilatain* (tempat di antara dua tempat atau orang Fasiq), *al-Amru bil-Ma'rūf Wa al-Nahyu 'An al-Mungkar* (Perintah kepada kebajikan dan mencegah dari kemungkaran).

juga berkesan pada persoalan kufur yang merupakan hal yang sangat sensitif dalam agama Islam. Secara garis besarnya ada tiga pendapat di kalangan ulama dan aliran-aliran Islam tentang bertambah dan berkurangnya iman:

*Pendapat pertama*, mengatakan bahawa iman tidak bertambah dan tidak berkurang, sebab iman itu hanya satu, berada dalam hati atau ucapan pada lisan, berkurangnya iman bererti menarik kembali ucapan dua kalimah shahadah yang telah diucapkan. Itu sama sahaja menarik kesaksian tentang wujud dan keesaan Allah *Subhānahū Wata'ālā* serta kesaksian bahawa Nabi Muhammad adalah Rasul Allah. Begitu juga iman yang ada dalam hati tidak dapat dibayangkan dapat berkurang, sebab berkurangnya kepercayaan dalam hati bererti akan terganti dengan keraguan (shak) dan itu dapat merosak akidah dan keimanan. Iman dan kufur adalah dua hal yang bertentangan dan saling mempengaruhi. Kurangnya iman dalam hati akan diisi oleh kekufuran dan kurangnya kekufuran akan diisi oleh iman.<sup>65</sup>

*Pendapat kedua*, iman bertambah dan tidak berkurang, sebab dasar dari iman adalah keyakinan dalam hati dan ini tidak mungkin berkurang, sebab berkurangnya iman dalam hati menunjukkan runtuhnya iman tersebut dan masuknya kekufuran. Adapun bertambahnya iman dapat terjadi dengan membangun amal-amal soleh di atas teras keimanan dalam hati.

---

<sup>65</sup>Di antara yang berpendapat seperti ini adalah Jahmiyyah dan Karramiyyah, sebab Jahmiyyah mengatakan iman itu adalah *ma'rifah al-Qalbu* (pengetahuan dalam hati). Sementara Karramiyyah mengatakan bahawa iman itu adalah mengucapkan dua kalimah shahadah. Keduanya tidak dapat membayangkan iman bertambah atau berkurang.

Alasan mereka yang mengatakan iman tidak berkurang tetapi bertambah adalah analisis terhadap ayat-ayat al-Quran, sebab majoriti ayat-ayat al-Quran ketika menyeru umat Islam untuk berbuat baik dimulai dengan panggilan “*wahai orang-orang yang beriman*”, kemudian dilanjutkan dengan “*amiluṣolihāt*” (perbuatan baik). Untaian kalimat al-Quran seperti ini merupakan ungkapan yang menunjukkan hubungan antara dasar dan pengembangannya. Kepercayaan dalam hati adalah dasar yang tidak berkurang dan amal-amal soleh adalah pengembangannya.

*Pendapat ketiga*, iman dapat bertambah dan juga dapat berkurang, sebab iman merupakan penggabungan antara kesaksian, keyakinan dalam hati dan perbuatan. Berkurangnya keyakinan dalam hati akan mempengaruhi perbuatan, sebaliknya bertambahnya amal-amal soleh menunjukkan bertambahnya keyakinan dalam hati.

Ahli Sunnah Waljama‘ah secara umum berpendapat bahawa iman dapat bertambah dan dapat berkurang, sebab dimensi iman terdiri dari tiga iaitu; perkataan (mengucapkan dua kalimah shahadah), keyakinan dalam hati (*i’tiqad*) dan perbuatan yang mengaplikasikan keimanan yang telah diucapkan dan diyakini. Ketiga dimensi tersebut tidak dapat dipisahkan satu sama lain, sebab ia merupakan tiga serangkai.

Mengucapkan dua kalimah shahadah kemudian diikuti dengan amal-amal soleh, tetapi tidak memiliki keyakinan dalam hati disebut dengan Munafiq, sebab terjadi ketidakselarasan antara ucapan, perbuatan dan tingkah laku dengan keyakinan dalam hati. Ucapan dan

perbuatan sejalan tetapi bertentangan dengan hati kerana ingkar terhadap apa yang diucapkan dan dilakukan.

Sebaliknya, beriman dalam hati kemudian mengucapkan dua kalimah shahadah tetapi ia juga melakukan kemaksiatan dan kemungkaran di sebut dengan fasiq, sebab tidak selari antara ucapan dan keyakinan di satu pihak dengan perbuatan di pihak yang lain.

Peningkatan kualiti Islam dengan memperbanyak zikir terutama kalimah tauhid (لا إله إلا الله) menunjukkan bertambahnya iman secara lisan. Keyakinan yang semakin teguh kerana adanya ilmu pengetahuan dan ma'rifah kepada Allah dan RasulNya menunjukkan bertambahnya iman dalam hati. Begitu juga semakin tingginya kualiti dan kuantiti amal-amal soleh yang merupakan perwujudan dari iman yang diucapkan dan diyakini menunjukkan bertambahnya iman dalam perbuatan. Sebaliknya menurunnya tiga dimensi iman tersebut menunjukkan berkurangnya iman.

Ada beberapa dalil yang mendukung pendapat Ahli Sunnah Waljama'ah yang mengatakan iman dapat bertambah dan berkurang di antaranya:

### **1. Dalil dari Al-Quran**

Dalam al-Quran ditemukan beberapa ayat yang menunjukkan bahawa iman bertambah dan berkurang sesuai dengan pertambahan keyakinan, ucapan dan perbuatan. Di antara ayat-ayat tersebut adalah seperti berikut

- 1) (Q.S. Ali Imran (3): 173)

﴿الَّذِينَ قَالَ لَهُمُ النَّاسُ إِنَّ النَّاسَ قَدْ جَمَعُوا لَكُمْ فَاخْشَوْهُمْ  
فَزَادَهُمْ إِيمَانًا وَقَالُوا حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ﴾

Tafsirnya:

Mereka juga ialah yang diberitahu oleh orang-orang (pembawa berita) kepada mereka: "Bahawa kaum (kafir musyrik) telah mengumpulkan tentera untuk memerangi kamu, oleh itu hendaklah kamu gerun kepadanya". Maka berita itu makin menambahkan iman mereka lalu berkata: "Cukuplah Allah untuk (menolong) kami, dan ia sebaik-baik pengurus (yang terserah kepadanya segala urusan kami)".

Dalam ayat tersebut dengan jelas disebutkan bahawa iman bertambah meski mendapatkan berbagai macam cabaran, bahkan bertambahnya iman menurut ayat tersebut dibuktikan dengan ucapan lisan yang sentiasa mengatakan "*hasbunallah wa ni'ma al-wakil*".

2) Q.S. al-Anfal (8): 2

﴿إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَّتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ  
عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ﴾

Tafsirnya:

Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifatNya) gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, menjadikan mereka bertambah

iman, dan kepada Tuhan mereka jumlah mereka berserah.

Ayat yang pertama menunjukkan bahawa iman itu bertambah dalam diri orang-orang Mu'min meskipun orang-orang yang tidak senang dengan agama Islam sentiasa menakut-nakuti umat Islam.

Ayat kedua menunjukkan bahawa di antara ciri-ciri Mu'min adalah apabila ayat-ayat al-Quran dibacakan kepada mereka imannya bertambah kerana semakin yakin dengan informasi yang disampaikan al-Quran. Kedua ayat tersebut dengan jelas menyebutkan bahawa iman bertambah.

## 2. Dalil dari al-Hadith

Ada beberapa hadith yang menunjukkan bahawa iman dapat bertambah dan dapat berkurang sesuai dengan kerja hati, lisan dan perbuatan. Di antara hadith Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* yang memberikan isyarat bertambah dan berkurangnya iman adalah hadith yang diriwayatkan oleh Ahmad bin Hanbal dari sahabat Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* Anas bin Malik *Raḍiyallahu 'Anhu*, iaitu hadith tentang shafa'at Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* di hari akhirat.

« فيخرج من النار من كان في قلبه مثقال شعيرة من إيمان ، وبرة من

إيمان ، ومثقال ذرة<sup>66</sup> »

Maksudnya:

---

<sup>66</sup>Ahmad bin Muhammad bin Ahmad bin Hanbal (t.th), *Musnad Ahmad*, Bab: Musnad Abdullah bin Abbas Juz 1 hadis nomor 2693, Mesir: Muassasah Qurtuba, h. 296

Rasulullah ﷺ bersabda: Akan keluar dari neraka orang yang terdapat dalam hatinya iman sebesar *Sha'irah* (biji gandum), kemudian sebesar *burrah* (biji gandum yang lebih kecil), dan yang memiliki keimanan sebesar *zarrah* (atom).

Dalam ungkapan pertama setelah Rasulullah ﷺ memintakan shafa'at umatnya menyebutkan bahawa akan dikeluarkan dari neraka Mu'min yang memiliki keimanan sebesar *Sya'irah* (biji gandum). Kemudian Rasulullah minta syafa'at yang kedua kalinya, maka dikeluarkanlah orang-orang yang memiliki keimanan sebesar *burrah* (biji gandum lebih kecil dari *Sya'irah*). Pada kali ketiga Rasulullah ﷺ minta shafa'at, dikeluarkanlah orang-orang yang memiliki keimanan sebesar *zarrah* (atom).<sup>67</sup>

Dalam riwayat ini, jelas menunjukkan bahawa umat Islam yang mendapatkan shafa'at dari Rasulullah ﷺ akan dikeluarkan dari neraka berdasarkan besar kecilnya iman mereka, ini menunjukkan bahawa iman itu bertambah dan berkurang. Seandainya iman tidak bertambah dan tidak berkurang berarti semua umat Islam yang masuk neraka akan dikeluarkan bersamaan.

### **3. Dalil *al-Athar* (riwayat para sahabat)**

Ahlu Sunnah Waljama'ah juga memberikan alasan bertambah dan berkurangnya iman berdasarkan ungkapan-ungkapan para sahabat Rasulullah ﷺ *Alaihi*

---

<sup>67</sup>*Ibid.*

*Wasallam* di antaranya adalah ungkapan ‘Ali Bin Abi Ṭalib *Raḍiyallahu ‘Anhu*:

«قال علي رضي الله عنه إن الإيمان يبدأ لمظة يضاء في القلب فكلما ازداد الإيمان عظما ازداد ذلك البياض فإذا استكمل الإيمان ابيض القلب كله وإن النفاق يبدو لمظة وداء في القلب فكلما ازداد النفاق عظما ازداد ذلك السواد فإذا استكمل النفاق اسود القلب كله»<sup>٦٨</sup>

Maksudnya:

Iman itu dalam hati, bermula sebesar titik yang bersinar, setiap kali iman itu bertambah, maka bertambah besar pula putih dalam hati tersebut. Apabila iman telah sempurna, maka hati semuanya akan berwarna putih bersinar. Sebaliknya *nifaa* itu dimulai juga dari titik hitam, dan ia merupakan penyakit, setiap kali *nifaa* bertambah besar, maka bertambah besar pula titik hitam tersebut, apabila *nifaa* telah sempurna, maka hati seluruhnya akan berwarna hitam.

Dari ungkapan ‘Ali Bin Abi Ṭalib *Raḍiyallahu ‘Anhu* tersebut menunjukkan bahawa iman dan *nifaa* duanya memberikan kesan pada hati, iman memberikan kesan positif sementara *nifaa* memberikan kesan negatif. Setiap kali iman bertambah dengan zikir, keyakinan dan amal-amal soleh maka ia akan memberikan kesan semakin besarnya cahaya dalam hati. Ungkapan ‘Ali Bin Abi Ṭalib *Raḍiyallahu ‘Anhu* tersebut menunjukkan bertambah dan berkurangnya iman.

---

<sup>68</sup>*Shu‘ab al-Īmān*, h. 70

#### **4. Dalil 'Aqli**

Bertambah dan berkurangnya iman, mirip dengan penglihatan pada mata, manusia memiliki tingkat kekuatan penglihatan yang berbeza-beza. Ada orang yang mampu melihat dengan baik dari kedua matanya, namun ada juga yang hanya mampu melihat dengan sebelah mata. Begitu juga ada orang yang mampu melihat dari jarak yang jauh tetapi ada juga orang yang hanya dapat melihat jika ia memakai kaca mata.

Jika penglihatan manusia bertingkat-tingkat maka iman pun juga mengalami hal yang sama, bertambah dan berkurangnya iman seseorang serta bertingkat-tingkat darajat keimanan seorang Muslim sesuai dengan kerja lisan, hati dan perbuatan mereka. Orang yang banyak berzikir secara lisan tentu berbeza dengan orang yang jarang berzikir. Orang yang memiliki ma'rifah (pengetahuan) jauh lebih tinggi keimanannya daripada orang yang tidak memahami objek keimanan. Begitu juga orang yang merealisasikan keimanannya dalam bentuk perbuatan berbeza dengan mereka yang tidak membuktikan keimanan mereka dengan amal-amal soleh.

#### **E. Hal-Hal Yang Membatalkan Keimanan**

Keimanan seseorang secara umum dapat rosak dan batal kerana melakukan bentuk-bentuk kekufuran atau menghina sesuatu yang dimuliakan dalam agama Islam. Penghinaan tersebut berupa perkataan, perbuatan mahupun *i'tiqad* dan keyakinan. Di antara contoh-contoh perkataan yang dapat merosakkan keimanan adalah menghina Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam*, seperti mengatakan bahawa Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi*

*Wasallam* sebagai tukang sihir, pembohong dan gila perempuan, *na'uzu billahi min dzālik*.

Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* adalah manusia yang paling mulia akhlaknya, bahkan Beliau diutus untuk menyempurnakan akhlak. Penghinaan terhadap Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* merupakan bukti tidak berimannya seseorang kepada Beliau. Hal itu dapat memberikan kesan pengingkaran terhadap seluruh ajaran yang dibawa Rasulullah.

Penghinaan terhadap Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* dapat pula berbentuk perbuatan, seperti membuat karikatur Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* yang menggambarkan sifat-sifat yang tercela. Kebelakangan ini, secara terang-terangan ada di antara media-media Barat memprovokasi umat Islam dengan menerbitkan karikatur yang menjadi bahan tawa bagi mereka.

Yang tidak kurang pentingnya adalah munculnya beberapa filem Barat yang menggambarkan Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* sebagai pemimpin yang tidak bermoral. Tersebutlah filem *Innocent of Muslims* dan beberapa filem lainnya yang mengandung unsur-unsur penghinaan terhadap Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam*.

Iman dapat pula rosak dengan penghinaan sesuatu yang diagungkan dalam Islam. Misalnya sengaja melemparkan al-Quran atau menginjak-injaknya serta membakarnya tanpa ada alasan shar'ie. Penghinaan terhadap al-Quran menjadi fenomena semasa yang dilakukan oleh beberapa pendeta Kristian seperti pendeta Torres dari Ireland serta beberapa tentera Amerika Syarikat

di Afganistan dengan sengaja membakar al-Quran di tempat-tempat pembuangan sampah.

Iman juga akan hilang dengan keyakinan yang bertentangan dengan sesuatu yang sudah digariskan oleh agama Islam seperti mengharamkan sesuatu yang diharamkan dalam Islam atau menghalalkan apa yang diharamkan dalam agama Islam.

Salah satu contoh yang boleh dijadikan sebagai perumpamaan adalah; orang yang tidak sembahyang kerana malas dan lalai tidaklah sampai merosak keimanannya kerana kemalasan dan kelalaian tersebut. Tetapi seseorang yang tidak sembahyang dan beranggapan bahawa sembahyang lima waktu tidak wajib bagi umat Islam adalah salah satu bentuk kekufuran yang dapat merosakkan keimanan dan mengeluarkan orang tersebut dari penamaan sebagai seorang Muslim.

Begitu juga orang yang minum khamar kerana merupakan kebiasaan hidupnya dan sangat sulit untuk meninggalkannya untuk sementara waktu, maka perbuatannya tersebut tidaklah menyebabkan ia keluar dari agama Islam atau menghilangkan peredikat keimanannya, meskipun ia tetap berdosa. Sebaliknya orang yang minum khamar, berzina, membunuh tanpa alasan yang jelas dan meyakini bahawa perbuatan tersebut adalah halal dan tidak haram maka keyakinannya tersebut menyebabkan ia keluar dari agama Islam.

## **BAB IV**

### **HAKIKAT *IḤSAN***

*Iḥsan* merupakan salah satu perbahasan yang sangat penting dalam agama Islam kerana agama Islam terdiri dari tiga pilar utama iaitu Islam, Iman dan *Iḥsan*. Ketiga masalah tersebut ditanyakan langsung oleh Malaikat Jibril kepada Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* sebagai pembelajaran kepada para sahabat Baginda yang hadir pada waktu itu, mahupun sebagai pembelajaran bagi seluruh umat Islam sampai akhir zaman.

Mengingat pentingnya perbahasan *Iḥsan* dalam agama Islam sehingga perlu mengkaji dan menelusuri erti kata *Iḥsan*. Mulai dari erti menurut bahasa sampai kepada erti menurut istilah.

Satu kata mesti dikaji dari segi bahasa agar dapat difahami erti dari kata tersebut. Begitu juga perlu penelusuran lebih jauh terhadap erti menurut istilah agar supaya pembaca tidak terbatas pemahamannya pada erti bahasa tanpa memahami erti istilahnya ketika kata tersebut diungkapkan.

Di samping itu, perlu juga penelusuran lebih jauh tentang *Ihsan* baik dalam al-Quran mahupun dalam hadith Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam*. Begitu juga kewujudan *Ihsan* dalam berakidah, beribadah mahupun bermuamalah perlu menjadi perhatian oleh umat Islam kerana *Ihsan* merupakan puncak dari tiga pilar yang telah disebutkan.

#### **A. *Ihsan* Menurut Bahasa**

Kata *Ihsan* berasal dari asal kata bahasa ‘Arab (*aḥsana- yuḥsinu- Iḥsānan*) yang bererti berbuat baik, ia merupakan lawan dari kata *al-isā’ah* (berbuat keji). Jika seseorang sentiasa berbuat baik dan menjadi tabiatnya perbuatan tersebut maka ia digelar *muḥsin* atau *miḥsan*.<sup>69</sup>

Menurut Ibnu Manzur kata *Ihsan* juga dapat diertikan dengan ikhlas sebagaimana dalam firman Allah *Subḥānahū Wata‘ālā* (QS. An-Nahl (16): 90):

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ

Tafsirnya:

Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan

*Ihsan* dalam ayat tersebut menurut Ibnu Manzur bererti keikhlasan. *Ihsan* merupakan syarat dari keislaman dan keimanan seseorang. Seorang Muslim tidak mungkin berbuat adil dan kebajikan kecuali ia telah ikhlas dalam beragama Islam serta ikhlas dalam keimanannya. Seorang Muslim yang telah mengucapkan dua kalimah shahadah kemudian ia aplikasikan keimanannya tersebut dalam

---

<sup>69</sup>*Lisān al-‘Arab*, juz 10, hal. 878.

bentuk perbuatan namun ia belum ikhlas melakukannya maka ia belum dapat dikatakan sebagai seorang yang *berih̄san*.<sup>70</sup>

Untuk lebih mendekatkan pemahaman kepada erti *Ih̄san* yang lebih tepat maka rujukan yang paling sempurna dalam memahami satu kata dalam agama Islam adalah kembali mengkaji penggunaan kata tersebut dalam al-Quran, al-Hadith mahupun dalam sha'ir-sha'ir 'Arab terutama sebelum abad ketiga Hijrah.<sup>71</sup>

Mengamati serta menelusuri kata *Ih̄san* dalam al-Quran didapati bahawa menurut bahasa kata tersebut juga bererti berbuat baik. Penggunaan kata baik dan berbuat baik dalam al-Quran adakalanya menggunakan kata *Ih̄san*, *aḥsana*, *ḥasanah*, mahupun *al-ḥusnā*.

Kata *Ih̄san* yang bererti berbuat baik mirip dengan kata *al-in'ām* (الإِنْعَام) yang juga bererti berbuat baik. Perbezaannya terletak pada penggunaan khusus masing-masing. *Al-In'ām* digunakan hanya untuk berbuat baik pada orang lain sahaja, sementara kata *al-Ih̄san* dapat digunakan untuk berbuat baik pada diri sendiri mahupun pada orang lain. Menurut pemahaman ini kata *al-Ih̄san* lebih luas pemakaiannya berbanding dengan kata *al-In'ām*.<sup>72</sup>

---

<sup>70</sup>Lihat *Ibid*.

<sup>71</sup>Sampai abad ketiga Hijrah disebut dengan *aṣrul iḥtijāj bi al-lughah al-'Arabiyyah*, yang bererti masa bolehnya mengambil syair-syair 'Arab sebagai rujukan dalam mengertikan sebuah kata, kerana sampai masa itu bahasa 'Arab belum tercemari dengan bahasa-bahasa asing yang masuk ke dalam bahasa 'Arab.

<sup>72</sup>*Op.Cit* h. 879.

## B. *Ihsan* Menurut Istilah

Menurut istilah, *Ihsan* tidak lepas dari erti menurut bahasa yang bermaksud berbuat baik. Dalam hadith Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasalam* kata *Ihsan* disandingkan dengan kata Islam dan kata Iman. Oleh kerana itu, perlu ada pendefinisian khusus tentang kata *Ihsan* yang dapat membezakannya dengan erti Islam dan Iman sehingga ketika kata tersebut diungkapkan maka dapat difahami maksud yang sebenarnya.

Dari sekian banyak ayat al-Quran dan hadith Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam*, hadith yang diriwayatkan oleh Abi Hurairah menjadi hadith yang sangat terkenal ketika membincangkan tentang *Ihsan*. Dalam hadith tersebut Islam, Iman dan *Ihsan* disebutkan bersama sehingga pemahaman antara satu dengan yang lain dapat dibezakan. Hadith tersebut tersebar luas dalam buku-buku hadith *mu‘tabar* mahupun dalam buku-buku akidah dan karangan-karangan ulama dalam berbagai bidang. Salah satu di antara tokoh Muhaddithin yang meriwayatkannya adalah Imam al-Bukhari *Radīyallahu ‘Anhu*. Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ كَانَ النَّبِيُّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - بَارِزًا يَوْمًا لِلنَّاسِ ، فَأَتَاهُ جِبْرِيلُ فَقَالَ ... مَا الْإِحْسَانُ قَالَ « أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ »<sup>73</sup>

Ertinya:

Dari Abi Hurairah suatu ketika Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* muncul bersama-sama

---

<sup>73</sup>*Ṣaḥīḥ al-Bukhari*, Juz 1 Bab: Sual Jibril ‘Ala an-Nabiy ‘an Īmān

para sahabat, Baginda didatangi oleh Malaikat Jibril, kemudian ia bertanya Wahai Rasulullah ... apa itu *Ihsan*? Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* menjawab: Kamu menyembah kepada Allah seolah-olah kamu melihatnya, jika kamu belum sampai ketaraf itu maka sesungguhnya ketahuilah Allah melihatmu. (H.R. Bukhari).

Hadith tersebut difahami bahawa *Ihsan* menurut istilah adalah; “Menyembah kepada Allah *Subhānahū Wata‘ālā* seolah-olah melihatNya, atau paling tidak meyakini bahawa Allah melihat kita”.

Definisi ini jika disimpulkan dapat dikatakan bahawa *Ihsan* adalah *murāqabah* (menjaga) hubungan antara hamba dengan Allah serta beribadah dengan khusyu‘. Siapa sahaja yang sentiasa menjaga kebersamaannya dengan Allah *Subhānahū Wata‘ālā* pasti ia akan memperbaiki amal ibadahnya serta khusyu‘ dalam menjalankan amal ibadah tersebut. Kebersamaan dengan Allah *Subhānahū Wata‘ālā* diistilahkan dengan *Ma‘iyyatullah*.

*Ihsan* dalam ibadah bererti menjaga kesempurnaan ibadah yang dijalankan. *Ihsan* dalam ibadah juga bermakna melakukan sesuatu yang lebih dari kewajipan yang diperintahkan kerana mencari keredhaan Allah *Subhānahū Wata‘ālā* semata. Misalnya jika syarat sahnya wudhu’ ketika mencuci kepala adalah sampainya air kepada tiga helai rambut, maka *Ihsan* dalam mencuci kepala adalah membasuh seluruh kepala. Sama seperti mencuci tangan sampai ke siku adalah syarat sahnya mencuci tangan dalam berwudhu. Namun *Ihsan* dalam mencuci tangan adalah melebihi di atas siku yang dikenal dalam istilah fiqhnya *al-Isbag*.

Begitu juga ketika sembahyang, yang diwajibkan oleh Allah *Subhānahū Wata‘ālā* kepada umat Islam adalah sembahyang lima waktu, maka *Ihsan* dalam mengerjakan sembahyang adalah menjaga kesempurnaan sembahyang lima waktu tersebut kemudian diikuti dengan mengerjakan sembahyang *sunat rawatib*.

Konsep *Ihsan* yang berarti berbuat lebih baik dan lebih bermutu dijelaskan dalam al-Quran. Salah satu di antaranya adalah firman Allah *Subhānahū Wata‘ālā* (QS. An-Nisa (4): 86)

وَإِذَا حُيِّئْتُمْ بِتَحِيَّةٍ فَحَيُّوا بِأَحْسَنَ مِنْهَا أَوْ رُدُّوهَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ حَسِيبًا (٨٦)

Tafsirnya:

Dan apabila kamu diberikan penghormatan dengan sesuatu ucapan hormat (seperti memberi salam), maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya, atau balaslah dia (dengan cara yang sama). Sesungguhnya Allah sentiasa menghitung tiap-tiap sesuatu.

Konsep *Ihsan* dalam ayat tersebut nampak dengan jelas iaitu apabila seseorang memberikan penghargaan, penghormatan atau pemberian maka menurut konsep *Ihsan* semestinya memberikan balasan yang jauh lebih baik dan lebih banyak dari apa yang telah diterima. Atau paling tidak memberikan jawapan dan balasan setimpal dengan apa yang telah diterima.

Al-Ṭabariy dalam tafsirnya “*Jāmi‘ al-Bayān fi Ta’wīl al-Qur’ān*”, memberikan contoh perbuatan *Ihsan* melalui ungkapan salam. Menurut beliau *Ihsan* adalah apabila ada orang mengucapkan “*Assalamu ‘Alaikum*”,

yang bererti doa untuk keselamatan maka konsep *Ihsan* jika diterapkan semestinya ucapan selamat tersebut dijawab dengan ungkapan “*Wa ‘Alaikum al-Salām Wa Rahmatullah*”. Iaitu doa untuk keselamatan dan sekaligus mendapat Rahmat Allah *Subhānahū Wata ‘ālā*.<sup>74</sup>

Hal yang serupa juga diungkapkan oleh Ibnu Kathir dalam tafsirnya “*Tafsir al-Qur’ān al-‘Azīm*”, namun Ibnu Kathir menyebutkan *Ihsan* dalam erti menjawab salam lebih baik dari mengucapkan salam. Mengucapkan salam adalah amalan sunnat sementara memberikan jawapan yang sama dengan ucapan orang adalah kewajipan.

Bertolak dari pemahaman para *mufassir* tersebut, maka dapat difahami bahawa *Ihsan* sama dengan *sunnat* yang bererti mencari nilai tambah pahala selain dari sesuatu yang telah diwajibkan Allah *Subhānahū Wata ‘ālā*.<sup>75</sup>

### **C. *Ihsan* Sebagaimana Dalam al-Quran**

Terdapat cukup banyak ayat dalam al-Quran yang mendorong umat Islam untuk *berih̄san*, bahkan perintah untuk *berih̄san* disejajarkan dengan beberapa perintah yang lain. Salah satu di antaranya adalah perintah untuk berbuat adil. Keadilan dan *Ihsan* merupakan dua hal yang sentiasa beriringan. Wujudnya keadilan akan memberikan kesan pada *Ihsan* dan adanya *Ihsan* akan menjadikan seseorang untuk berbuat adil kepada siapapun.

Begitu juga *Ihsan* disejajarkan dengan sikap pemurah kepada kaum kerabat dan handai taulan. Bahkan

---

<sup>74</sup>Muhammad Bin Jarīr al-Ṭabari, (2000), *Jāmi‘ al-Bayān fī Ta’wīl al-Qur’ān*, Juz 8 hlm. 586, Beirut: Mu’assasah al-Risālah.

<sup>75</sup>Lihat, Abu al-Fada Ibn Kathir, (1999), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, Juz 2, ‘Arab Sa‘udi: Dār al-Ṭayyibah, hlm 368.

lebih dari itu perbuatan *Ihsan* dirakam sebagai sikap dan perbuatan yang sangat mulia kerana berbeza dengan perbuatan keji dan mungkar serta perbuatan yang keluar dari hukum-hakam Allah *Subhānahū Wata‘ālā*. Kedudukan *Ihsan* tersebut dapat dilihat dalam firman Allah (Q.S. An-Nahl (16): 90):

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Tafsirnya:

Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya.

Begitu tingginya kedudukan *Ihsan* dalam agama Islam sehingga Allah *Subhānahū Wata‘ālā* menjamin setiap perbuatan *Ihsan* akan memberikan hasil kebaikan pula dan ini telah menjadi aturan dalam *Sunnatullah* yang tidak akan pernah berubah kerana merupakan janji dari Allah *Subhānahū Wata‘ālā*. Perbuatan *Ihsan* akan dibalas dengan kebaikan. Begitu juga perbuatan keji dan mungkar akan dibalas dengan keburukan pula. Hal itu jelas dirakam dalam firman Allah *Subhānahū Wata‘ālā* (Q.S. Ar-Rahman (55): 60):

هَلْ جَزَاءُ الْإِحْسَانِ إِلَّا الْإِحْسَانُ

Tafsirnya:

Bukankah tidak ada balasan bagi amal yang baik, melainkan balasan yang baik juga?

Pertanyaan Allah *Subhānahū Wata‘ālā* dalam ayat tersebut bukanlah untuk dijawab, tetapi lebih tertumpu pada usaha-usaha umat Islam untuk mengkaji serta melihat sepanjang sejarah balasan bagi orang-orang yang *berih̄san*. Begitu juga sebaliknya balasan bagi orang-orang yang mengabaikan perbuatan *Ih̄san*.

Sejarah telah membuktikan bagaimana kehancuran Fir‘aun, Qarun, Haman, Namruz dan sederet nama-nama lainnya. Apalagi jika erti balasan tersebut di bawa kepada balasan di akhirat, bagi seorang Muslim dan Mu‘min pasti meyakini kebenaran janji-janji Allah *Subhānahū Wata‘ālā* sehingga terdorong untuk *berih̄san* dan menghindari perbuatan keji dan mungkar.

Dalam al-Quran ada beberapa kelompok manusia yang paling pantas untuk mendapatkan *Ih̄san* kerana memiliki hubungan serta pertalian keturunan, keluarga kaum kerabat serta hubungan-hubungan *silaturrahim* yang lain.

### **1. *Ih̄san* Kepada Kedua Orang Tua**

*Ih̄san* kepada kedua orang tua merupakan perbuatan yang sangat mulia dalam pandangan Islam. Al-Quran misalnya ketika menjelaskan tentang *Ih̄san* kepada kedua orang tua biasanya diawali dengan larangan menyekutukan Allah *Subhānahū Wata‘ālā* kemudian diikuti dengan perintah *Ih̄san* kepada ibu dan bapa.

Menempatkan *Ih̄san* kepada kedua orang tua setelah larangan menyekutukan Allah bererti pahalanya sangat besar sebagaimana menyekutukan Allah dosanya sangat besar pula. Salah satu di antara ayat yang menjelaskan masalah tersebut adalah firman Allah *Subhānahū Wata‘ālā* (QS. Al-An‘ām (6): 151):

قُلْ تَعَالَوْا أَتْلُ مَا حَرَّمَ رَبِّيَ عَلَيْكُمْ عَالِيًا تَشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا  
وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا

Tafsirnya:

Katakanlah: "Marilah, supaya aku bacakan apa yang telah diharamkan oleh Tuhan kamu kepada kamu, iaitu janganlah kamu sekutukan Allah sesuatupun; dan hendaklah (kamu) membuat baik kepada ibu bapa.

*Ihsan* kepada kedua orang tua sangat ditegaskan dalam agama Islam kerana kedua orang tua, telah mencurahkan seluruh perhatian dan kasih sayangnya demi anak-anaknya. Bahkan kedua orang tua lebih mementingkan anaknya dibanding diri mereka sendiri. *Ihsan* kepada kedua orang tua lebih dipertegas lagi ketika kedua orang tua sudah berada pada umur yang uzur, kerana pada saat itu orang tua sangat mengharapkan kasih sayang dari anak-anaknya.

Cara *berihisan* yang paling rendah kepada kedua orang tua adalah menjaga ucapan jangan sampai di antara keduanya ada yang tersinggung atau sakit hati akibat dari kata-kata yang diucapkan oleh anaknya. Hal itu dirakam dalam firman Allah *Subhānahū Wata'ālā* (Q.S. Al-Isra' (17): 23):

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا إِمَّا يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ  
أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا

Tafsirnya:

Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadanya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada

ibu bapa. jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).

Berbuat baik kepada siapa sahaja merupakan perbuatan yang sangat mulia, namun ada beberapa kelompok manusia yang menjadi prioriti al-Quran agar supaya manusia berbuat baik kepadanya. *Berih̄san* kepada kedua orang tua menempati urutan paling tinggi sebagaimana dalam firman Allah (Q.S. al-Baqarah (2): 83):

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَائِيلَ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَذِي  
الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينِ وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ  
ثُمَّ تَوَلَّيْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْكُمْ وَأَنتُمْ مُّعْرِضُونَ

Tafsirnya:

Dan (ingatlah wahai Muhammad), ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan Bani Israil (dengan berfirman): "Janganlah kamu menyembah melainkan Allah, dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, serta orang-orang miskin; dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik; dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat". Kemudian kamu berpaling membelakangkan (perjanjian setia kamu itu) kecuali sebahagian kecil dari kamu; dan sememangnya kamu orang-orang yang tidak menghiraukan perjanjian setianya.

Ayat tersebut merangkumi tiga bentuk perintah iaitu; *Pertama*; perintah untuk bertuhid dan hanya

menyembah kepada Allah *Subhānahū Wata‘ālā* semata. *Kedua*; perintah untuk *berih̄san* kepada beberapa golongan manusia, dalam hal ini *ihsan* kepada kedua orang tua menempati urutan yang paling atas. *Ketiga*; perintah untuk mengerjakan shari‘at dan kewajiban sebagai hamba Allah *Subhānahū Wata‘ālā*. Ini menunjukkan betapa mulia dan tingginya kedudukan *berih̄san* kepada kedua orang tua.

## 2. *Ihsan* kepada *dzal Qurbā* (kaum kerabat)

Begitu juga *Ihsan* kepada beberapa golongan manusia terakam dalam firman Allah *Subhānahū Wata‘ālā*(Q.S. An-Nisa (4): 36):

وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ  
وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ  
السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا

Tafsirnya:

Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri.

Ayat tersebut merangkumi perintah agar menyembah hanya kepada Allah *Subhānahū Wata‘ālā* serta tidak menyekutukannya. Dalam ayat tersebut perintah untuk *berih̄san* diurut berdasarkan prioritinya. Setelah perintah *berih̄san* kepada kedua orang tua maka prioritas

berikutnya menurut ayat tersebut adalah kepada kaum kerabat atau saudara mara. Saudara mara menempati urutan kedua kerana mereka adalah kelompok manusia yang paling dekat dengan kita jika dibanding dengan kelompok-kelompok manusia yang lain.

Dalam beberapa hadith Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* menyebutkan bahawa *berih̄san* kepada kaum kerabat atau saudara mara pahalanya dua kali lipat jika dibanding dengan *berih̄san* kepada kelompok manusia yang lain kerana *berih̄san* kepada kaum kerabat memiliki dua sisi kebaikan. *Pertama*; kerana perintah *Ih̄san* meliputi seluruh manusia dan saudara mara termasuk di dalamnya. *Kedua*; kerana kaum kerabat atau saudara mara adalah orang yang dekat dan sering berinteraksi dengan kita. Kaum kerabat turut bergembira dengan kegembiraan kita serta merasakan sedih ketika kita bersedih.

Yang termasuk kaum kerabat di sini ialah saudara kandung dan anak-anaknya, saudara kandung ibu dan bapa (paman) dan anak-anaknya serta yang memiliki pertalian darah atau nasab dengan kita.

Jika ayat-ayat al-Quran di analisis maka akan ditemukan bahawa *dzal Qurbā* atau kaum kerabat sentiasa menempati urutan yang paling pertama dalam urutan manusia yang semestinya diberi nafkah, infaq dan *ṣadaqah*. Tidak ada satupun ayat yang menempatkan *dzal Qurbā* pada urutan di bawah, itu menunjukkan betapa pentingnya berbuat baik kepada kaum kerabat.

### **3. *Ih̄san* kepada anak yatim piatu dan fakir miskin**

Anak yatim piatu dan fakir miskin adalah dua golongan yang menjadi perhatian utama dalam agama Islam. Beberapa ayat dalam al-Quran menjelaskan

keutamaan untuk *berih̄san* pada kedua kelompok manusia tersebut.

Anak yatim piatu adalah golongan manusia yang telah kehilangan kasih sayang yang semestinya dirasakan oleh mereka sebagaimana manusia-manusia lain merasakannya. Namun kerana takdir, mereka telah kehilangan bapa atau ibu, atau kedua-duanya, sehingga mereka menanggung beban psikologi yang luar biasa. *Ih̄san* dari umat Islam terhadap anak yatim piatu akan membantu meringankan beban fizikal mahupun beban psikologi. Itu sebabnya Rasulullah menjanjikan kedudukan yang terhormat di akhirat kelak bagi orang-orang yang *mengkafil* (memelihara) dengan ikhlas dan senang hati anak-anak yatim.

Fakir miskin juga demikian, mereka adalah kelompok manusia yang kurang beruntung dari segi harta benda sehingga uluran *Ih̄san* dari Muslim yang lain sangat bererti dalam hidup mereka. Sebahagian Muslim merasakan betapa indahnya makanan enak, rumah mewah, kereta mahal serta fasiliti hidup yang serba berkecukupan. Akan tetapi kelompok fakir miskin hidup sentiasa serba kekurangan. Bahkan adakalanya mereka menghabiskan waktu hanya berfikir untuk mencari sesuap nasi. Oleh kerana itu *Ih̄san* kepada fakir miskin sangat di alu-alukan oleh agama Islam.

Dalam beberapa ayat al-Quran umat Islam di anjurkan untuk berperilaku sopan dan lembut terhadap anak yatim dan fakir miskin. Misalnya dalam (Q.S. adh-Dhuhā (93): 9-10) Allah *Subh̄ānahū Wata'ālā* berfirman yang tafsirnya:

“Oleh itu, adapun anak yatim maka janganlah engkau berlaku kasar terhadapnya. Adapun orang

yang meminta (bantuan pimpinan) maka janganlah engkau herdik”.

#### **4. *Ihsan kepada jiran tetangga dan teman sejawat***

Jiran tetangga dan teman sejawat adalah orang yang paling sering berinteraksi dengan kita sehingga pergaulan dan *Ihsan* terhadapnya sentiasa perlu dijaga. Jiran tetangga sering berinteraksi dengan kita kerana mereka hidup bersebelahan rumah dengan kita. Adapun teman sejawat juga sering berinteraksi dengan kita kerana mereka memiliki pekerjaan yang sama dengan kita.

Jika terjadi musibah atau malapetaka, maka orang yang paling pertama mengetahui dan memberikan pertolongan terhadap kita adalah jiran tetangga. Begitu juga teman sejawat yang satu pekerjaan dengan kita. Oleh kerana itu sangat wajar jika al-Quran menjadikan kelompok jiran tetangga dan teman sejawat menempati urutan yang cukup penting untuk diberikan perhatian serta berbuat baik kepadanya.

#### **5. *Ihsan kepada Ibnu Sabil***

Agama Islam memberikan dorongan untuk berbuat baik kepada *Ibnu Sabil* kerana mereka adalah orang yang asing di rantau orang. *Ibnu Sabil* adakalanya kehabisan bekal dalam perjalanan sementara mereka tidak memiliki kaum kerabat, handai taulan mahupun jiran tetangga yang dapat menolongnya.

Oleh kerana itu, Allah *Subhānahū Wata‘ālā* dan RasulNya sangat mendorong umat Islam untuk berbuat baik kepada *Ibnu Sabil* kerana boleh jadi mereka sudah tidak memiliki apa-apa untuk dimakan mahupun sebagai bekal untuk melanjutkan perjalanan, tetapi ia bersabar

kerana malu untuk berterus terang. *Ibnu Sabil* semestinya dijadikan sebagai tamu bagi setiap orang Islam agar mereka dapat berleluasa *berih̄san* kepadanya.

#### **7. *Ih̄san* kepada pegawai**

Golongan yang terakhir dalam urutan *Ih̄san* adalah *Ih̄san* kepada orang-orang suruhan termasuk orang suruhan dalam rumah mahupun pegawai dalam perusahaan. Mereka adalah kelompok yang sepantasnya menerima *Ih̄san* dari umat Islam. Kelompok ini menghabiskan seluruh jiwa raga bahkan hidupnya hanya untuk mengabdikan kepada tuannya.

Orang-orang suruhanlah yang mempermudah urusan tuannya. Pegawailah yang bekerja membanting tulang sehingga tuan dari perusahaan atau syarikat dapat berjaya dalam usahanya.

Namun sangat menyedihkan, masih didapati setakat ini tuan yang memiliki syarikat-syarikat mahupun tuan yang memiliki pembantu rumah tangga belum mampu memberikan *Ih̄san* yang terbaik kepada orang-orang suruhan dan pegawai dan kaki tangan di bawahnya.

Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* dalam kehidupan sehari-harinya telah memberikan contoh *berih̄san* kepada semua golongan yang telah disebutkan terdahulu sehingga beliau terkenal sebagai orang yang paling *berih̄san* bahkan juga terhadap musuh-musuhnya. Banyak dari kalangan Yahudi, Kristian mahupun para penyembah berhala masuk Islam kerana menemukan *Ih̄san* yang dilakukan Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* terhadap seluruh umat manusia.

## **BAB V**

### **HUBUNGAN ISLAM, IMAN DAN *IḤSĀN***

#### **A. Hubungan Antara Iman dan Islam**

Iman dan Islam merupakan dua kata yang sering dipakai untuk menyifatkan orang Islam. Ulama Islam berbeza pendapat tentang penggunaan kata Iman dan Islam, apakah ia merupakan dua kata yang *sinonim* (sama ertinya) atautkah ia merupakan dua kata yang *antonim* (masing-masing memiliki maksud yang berbeza).

Sebahagian ulama memahami bahawa kedua kata tersebut memiliki erti yang sama, Iman ialah Islam dan Islam itu juga Iman. Sebahagian ulama justeru berpendapat sebaliknya, mereka mengatakan bahawa kedua kata tersebut memiliki pemahaman masing-masing.

Perbezaan pendapat ulama dalam melihat penggunaan kata Iman dan Islam timbul akibat dari penggunaan kedua kata tersebut dalam al-Quran dan al-Hadith. Al-Quran dan al-Hadith adakalanya memberikan erti yang sama pada kedua kata tersebut, akan tetapi pada saat yang lain membezakan antara keduanya.

Ulama yang hanya melihat ungkapan persamaan antara Islam dan iman menyatakan bahawa Islam dan Iman adalah dua kata yang sinonim, sementara ulama yang hanya melihat *naṣ-naṣ* yang membezakan antara Islam dan Iman mengatakan bahawa masing-masing dari kedua kata tersebut memiliki maksud yang berbeza.

Ulama yang membezakan Islam dan Iman berdalil dengan firman Allah *Subḥānahū Wata‘ālā* (Q.S. Al-Hujurāt (49): 14)

﴿قَالَتِ الْأَعْرَابُ آمَنَّا قُلْ لَمْ نُؤْمِنُوا وَلَكِنْ قُولُوا أَسْلَمْنَا وَلَمَّا يَدْخُلِ

الْإِيمَانُ فِي قُلُوبِكُمْ﴾

Tafsirnya:

Orang-orang " A‘rāb" berkata: " Kami telah beriman". Katakanlah (wahai Muhammad): "Kamu belum beriman, (janganlah berkata demikian), tetapi sementara iman belum lagi meresap masuk ke dalam hati kamu berkatalah sahaja: Kami telah Islam.

Dalam ayat tersebut, orang-orang ‘Arab Badwi memperkenalkan dirinya kepada Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* sebagai orang Mu‘min kerana mereka merasa telah beriman dengan ucapan dua kalimah shahadah. Namun Rasulullah diperintahkan oleh Allah *Subḥānahū Wata‘ālā* untuk menyampaikan kepada mereka bahawa mereka sebenarnya belum sampai kepada darjat Mu‘min. Keimanan mereka baru sekadar pada lisan dan belum merasuk sampai ke dalam lubuk hati. Oleh kerana itu, untuk sementara waktu mereka hanya disuruh mengakui diri mereka sebagai orang-orang Islam dengan

ucapan dua kalimah shahadah dan belum sampai pada darjat orang-orang yang beriman dengan sepenuh hati.

Penjelasan al-Quran tersebut memberikan pengertian bahawa Iman dan Islam dibezakan. Islam dalam pemahaman ini merupakan tangga awal untuk sampai kepada darjat Iman yang lebih tinggi kedudukannya.

Ulama yang berpendapat bahawa Islam dan Iman memiliki erti yang sama berdalil dengan firman Allah *Subhānahū Wata'ālā* (Q.S. az Zariyat (51): 35-36

﴿فَأَخْرَجْنَا مَنْ كَانَ فِيهَا مِنَ الْمُؤْمِنِينَ . فَمَا وَجَدْنَا فِيهَا غَيْرَ بَيْتٍ مِنَ

الْمُسْلِمِينَ﴾

Tafsirnya:

(Setelah sampai utusan Kami ke tempat itu), Kami (perintahkan mereka) mengeluarkan orang-orang yang beriman yang tinggal di situ. (Sesudah dipereksa) maka (utusan) Kami tidak mendapati di situ melainkan satu rumah sahaja yang ada penduduknya dari orang-orang Islam (yang beriman kepada Nabi Luṭ).

Di awal ayat tersebut menyebutkan bahawa Allah *Subhānahū Wata'ālā* mengeluarkan orang-orang Mu'min dari negeri Nabi Luṭ '*Alaihissalām*<sup>76</sup> kerana negeri itu mahu dihancurkan oleh Allah *Subhānahū Wata'ālā* dengan malapetaka bencana yang dahsyat akibat perbuatan homoseks yang dilakukan oleh penduduknya. Kemudian

---

<sup>76</sup>Iaitu kota Sodom yang berada di Lembah Siddim. Iaitu sebuah lembah 300 meter di bawah permukaan laut yang berada di perbatasan Jordan dan Israel pada saat sekarang ini. Tempat tersebut lebih dikenal dengan nama Laut Mati kerana kadar garamnya yang terlalu tinggi sehingga ikan tidak dapat hidup di laut tersebut.

setelah malapetaka itu berlalu maka negeri itu mengalami kehancuran, sehingga semua rumah yang ada di wilayah itu ikut hancur pula, kecuali hanya satu rumah Muslim yang tinggal.

Ini bererti Mu'min dan Muslim dalam ayat tersebut memiliki erti yang sama. Orang yang keluar dari negeri itu digelar Mu'min sementara rumahnya yang selamat dari malapetaka dinamakan rumah Muslim. Yang dimaksud keluar dari negeri itu adalah Nabi Luṭ *'Alaihissalām*. Rumah yang dimaksudkan dalam ayat tersebut juga rumah Nabi Luṭ *'Alaihissalām*. Maka Iman dan Islam dalam konteks ini adalah sama.

Di antara ulama yang berpendapat bahawa Islam dan Iman tidak dapat dibezakan adalah Sayyid Husain Affandi Al-Jisri, beliau menyebutkan bahawa Mu'min dan Muslim tidak dapat dibezakan. Setiap orang Mu'min pasti ia adalah Muslim. Begitu juga sebaliknya, setiap orang Muslim pasti ia juga Mu'min. Orang yang beriman kepada Allah *Subḥānahū Wata'ālā* dan Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam*, pastilah ia tunduk patuh pada ajarannya serta berserah diri dan bertawakkal kepada Allah *Subḥānahū Wata'ālā*. Sebaliknya setiap orang yang tunduk, patuh pada perintah Allah dan rasulNya, pastilah ia seorang Mu'min yang memiliki keimanan kepada Allah dan RasulNya.<sup>77</sup>

Ibnu Rajab yang melihat perbezaan ulama dalam memahi Islam dan Iman berusaha menghurai perbezaan pendapat tersebut. Beliau memberikan jalan keluar dengan mengatakan:

---

<sup>77</sup>*al-Husūn al-Hamīdiyyah*, h. 9.

"إذا أفرد كل من الإسلام والإيمان بالذكر فلا فرق بينهما حينئذ، وإن  
قرن بين الاسمين كان بينهما فرق"<sup>78</sup>.

Ertinya:

Jika kata Islam dan Iman disebutkan secara terpisah maka ia memiliki erti yang sama dan tidak ada perbedaannya, tetapi jika keduanya disebutkan berdampingan, maka perlu dibezakan antara Islam dan Iman.

Maksud daripada Ibnu Rajab adalah jika persoalan Iman dikaji secara terpisah maka sebenarnya itu juga Islam, namun jika keduanya dibincangkan secara bersama-sama, menurut beliau kedua kata tersebut mesti dibezakan pengertiannya.

Abdul Hamid Madkur salah seorang professor bidang pemikiran Islam di Fakulti Dār al-‘Ulūm, Universiti Cairo, memberikan huraian yang cukup menarik tentang erti Islam dan Iman. Beliau membahagi pengertian tersebut kepada dua bahagian iaitu erti umum dan erti khusus.

Erti umum Islam dan Iman menurut beliau memiliki erti yang sama. Islam adalah Iman dan Iman adalah Islam, iaitu semua ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* baik berupa perkataan, *i’tiqad* mahupun perbuatan<sup>79</sup>. Beliau berdalil dengan firman Allah *Subḥānahū Wata‘ālā* (Q.S. al-Anfal (8): 2-4

---

<sup>78</sup>Andi Aderus, (2011), al-Imām Abu ‘Ubaid al-Qāsīm bin Sallām (*Ḥayātuhu Wa Ārāhu al-I’tiqādiyyah*), Bandar Seri Begawan: Pusat Penerbitan KUPU SB, hlm. 83.

<sup>79</sup>Abdul Hamid Madkur, (2000), *Dirāsāt fī al-‘Aqīdah al-Islāmiyyah*, Kaherah: Dār al-Thaqāfah al-‘Arabiyyah, hlm. 4-47

﴿إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ. الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ. أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا لَهُمْ دَرَجَاتٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَمَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ﴾

Tafsirnya:

Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifatnya) gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah. Iaitu orang-orang yang mendirikan sembahyang dan yang mendermakan sebahagian dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka. Merekalah orang-orang yang beriman dengan sebenar-benarnya. Mereka akan mendapat pangkat-pangkat yang tinggi di sisi Tuhan mereka dan keampunan serta limpah kurnia yang mulia (di Syurga).

Dalam ayat tersebut dijelaskan sifat-sifat orang Mu'min iaitu apabila disebutkan ayat-ayat Allah *Subhānahū Wata'ālā* hatinya kemudian bergetar. Pada penjelasan berikutnya Allah menyebutkan pelaksanaan rukun Islam sebagai ciri-ciri orang Mu'min. Oleh kerana itu secara umum Islam dan Iman memiliki erti yang sama dan tidak dapat dibezakan.

Islam dan Iman menurut Abdul Hamid Madkur dalam pengertian yang khusus memiliki maksud yang bebeza sesuai dengan kekhususan masing-masing. Iman lebih tinggi kedudukannya dibanding dengan Islam sebab Islam baru dalam tingkat kesaksian dan ucapan dua

kalimah shahadah, sementara Iman, sebagaimana yang disebutkan dalam firman Allah *Subhānahū Wata'ālā* (Q.S. Al-Hujurat (49): 14) merupakan tingkatan berikutnya dalam beragama. Seorang Muslim yang ingin sampai pada darjat Iman memerlukan proses terlebih dahulu.<sup>80</sup>

Pendapat Ibnu Rajab dan pendapat Abdul Hamid Madkur merupakan dua pendapat yang mampu memberikan penyelesaian perbezaan pendapat mengenai erti iman. Kedua pendapat tersebut menghuraikan dengan jelas erti masing-masing Iman dan Islam serta kedudukannya dalam agama Islam baik secara umum mahupun secara khusus.

### **B. Kedudukan Islam, Iman dan *Ihsan***

*Ihsan* merupakan salah satu di antara pilar Islam, ia merupakan bahagian terpenting dalam agama Islam sama seperti Islam dan Iman. Salah satu di antara tiga pilar Islam tersebut tidak sempurna maka keislaman seseorang juga tidak sempurna. Iman merupakan teras dan pijakan dalam beragama Islam. *Ihsan*lah melahirkan kekuatan yang maha dahsyat untuk mengamalkan seluruh ajaran Islam. Tanpa iman maka keislaman seseorang akan mudah goyah dengan pengaruh-pengaruh dari luar. Begitu juga tanpa iman niscaya keislaman seseorang akan mudah luntur kerana pondasi agamanya tidak kuat.

Islam juga merupakan bahagian yang sangat penting kerana Islam merupakan pembuktian dari keimanan seseorang. Kerana ia merupakan kepatuhan, tunduk serta penyerahan diri dalam melakukan segala bentuk shari'at

---

<sup>80</sup>*Ibid.*

Islam. Tanpa Islam, iman juga tidak bermakna kerana tidak ada pembuktian dari hakikat keimanan yang dimiliki. Oleh kerana itu, Islam sekaligus sebagai aplikasi dari keberimanan dalam kehidupan sehari-hari.

*Ihsan* merupakan pelengkap dari Iman dan Islam. Islam dan Iman tidak terlihat indah tanpa ada *Ihsan*. Andai agama Islam ini diibaratkan dengan satu bangunan, maka Iman adalah teras dari bangunan itu sementara Islam adalah isi dari bangunan tersebut sedangkan *Ihsan* merupakan *interior* dan *eksterior* (hiasan dalaman dan luaran) satu rumah sehingga kelihatan cantik dari luar dan dalam. Apabila Iman seseorang lemah, maka secara otomatis Islam yang merupakan aplikasi juga ikut lemah.

Jika Iman lemah maka realitinya adalah pelaksanaan sembahyang tidak lagi teratur tetapi malah akan tertunda-tunda sehingga tidak dilakukan tepat pada waktunya, atau malah mungkin tidak dikerjakan. Jika keimanan lemah maka Islam yang berupa zakat juga tidak dapat ditunaikan sehingga tidak tersalurkan kepada fakir miskin. Begitu juga puasa dan haji.

Sebaliknya, jika iman kokoh maka Islam seseorang dapat ditegakkan dengan baik. Iman adakalanya bertambah dan berkurang dan itu dapat terlihat dari aplikasi pelaksanaan rukun Islam serta ibadah-ibadah yang lain. Begitu juga sebaliknya jika pelaksanaan keislaman dapat ditegakkan maka keimanan yang berada dalam dada dapat semakin kuat.

Sebaliknya bila seseorang berlarutan dalam kemaksiatan dan dosa, maka akan berkesan juga pada tipisnya iman yang berada dalam dada sebagaimana ungkapan sayyidina ‘Ali *Radīyallahu ‘Anhu*:

قال علي كرم الله وجهه إن الإيمان ليبدو لمعة بيضاء فإذا عمل العبد الصالحات نمت فزادت حتى يبيض القلب كله وإن النفاق ليبدو نكتة سوداء فإذا انتهك الحرمات نمت وزادت حتى يسود القلب كله

Maksudnya :

Sayyidina Ali *Karramallahu Wajhahu* Berkata : sesungguhnya iman itu terlihat seperti sinar yang putih, apabila seorang hamba melakukan kebaikan, maka sinar tersebut akan tumbuh dan bertambah sehingga hati (berwarna) putih. Sedangkan kemunafikan terlihat seperti titik hitam, maka bila seorang melakukan perkara yang diharamkan, maka titik hitam itu akan tumbuh dan bertambah hingga hitamlah (warna) hati.

*Ihsan* merupakan penyempurna dari keduanya. *Ihsan* diumpamakan sebagai hiasan rumah sehingga rumah tersebut dapat menarik perhatian dari banyak pihak. Menjalankan Islam yang dilandasi dari keimanan semestinya dikerjakan dengan indah dan bernilai tambah sehingga hamba Allah yang mengerjakannya mendapat redha Allah *Subhānahū Wata'ālā*.

### C. Aspek-Aspek Ajaran Islam

Setelah membincangkan antara Islam, Iman dan *Ihsan* maka dapat difahami bahawa agama Islam adalah agama yang *shumūl* (universal dan holistik) merangkumi seluruh dimensi kehidupan manusia. Oleh kerana itu, agama Islam dapat disimpulkan dalam beberapa aspek penting. Ulama-ulama Islam berbeza pendapat dalam pembahagian ajaran Islam tersebut. Mantan Grend Shekh al-Azhar, Mahmud Shaltut hanya membahagi Islam

menjadi dua bahagian utama iaitu Akidah dan Shari'ah.<sup>81</sup> Ulama-ulama yang lain menjadikan Islam kepada tiga pokok ajaran utama iaitu Akidah, 'Ibadah dan Mu'amalah. Istilah-istilah yang dipakai para ilmuan Islam dalam pengelompokan ajaran tersebut juga berbeza-beza.

Dari pendapat-pendapat ulama tentang pokok-pokok ajaran Islam, penulis lebih cenderung membahaginya kepada tiga bahagian utama iaitu akidah, 'ibadah dan interaksi sosial. Pembahagian ini dibuat berdasarkan atas analisis terhadap ayat-ayat al-Quran dan al-Hadith yang berhubung kait dengan Islam, Iman dan *Ihsan*.

### **1. Aspek Akidah**

Akidah terpancar dalam rukun iman yang wajib diyakini oleh setiap Muslim, meninggalkan salah satu dari enam rukun iman tersebut menjadikan rosaknya akidah seseorang. Keenam rukun iman tersebut disimpulkan dalam dua kalimah shahadah yang menjadi rukun Islam yang pertama. Kepercayaan kepada Allah *Subhānahū Wata'ālā* dan Nabi Muhammad *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* merangkumi seluruh keimanan yang ada pada Rukun Iman. Keimanan pada MalaikatNya, Kitab-KitabNya, Rasul-RasulNya, Hari Kiamat dan Qaḍa' dan Qadar Allah, semuanya berpunca pada dua kalimah shahadah. Ini juga bererti Iman dan Islam tidak dapat dipisahkan.

Akidah, adalah bahagian yang terpenting dari aspek-aspek ajaran Islam. Akidah berfungsi sebagai kunci dalam agama Islam. Akidah juga mampu membahagiakan

---

<sup>81</sup>Beliau menulis buku yang bertajuk "*Islām 'Aqīdah Wa Shari'ah*".

manusia serta menjadikannya memiliki tujuan hidup yang berpijak pada realiti, sebab manusia memiliki pertanyaan-pertanyaan yang tidak mungkin dijawab kecuali melalui pemahaman tentang akidah yang benar.

Akidah juga berfungsi untuk membebaskan manusia dari ikatan-ikatan kepercayaan yang berupa tahyul, khurafat dan syirik yang membelenggu hidup manusia. Manusia yang tidak bertauhid adalah manusia yang tidak merdeka dalam bertindak kerana sentiasa dibayang-bayangi oleh kekuatan tuhan-tuhan yang sangat banyak. Bagi seseorang yang mengabdikan dirinya hanya pada satu Tuhan iaitu Allah *Subhānahū Wata'ālā* serta menyandarkan sepenuh hidupnya kepadaNya akan merasakan kemerdekaan dalam bertindak dan berbuat serta terbebas dari segala bentuk ikatan yang tidak berdasar.

Al-Quran sangat memberikan penekanan pada umat Islam agar memperbaiki akidah. Ibadah yang dilakukan oleh umat Islam tidak boleh lepas dari aspek akidah. Oleh kerana itu majoriti ayat-ayat al-Quran ketika menyuruh manusia untuk beribadah sentiasa diawali dengan seruan memperhatikan aspek akidah. Ayat-ayat tentang hukum-hukum dan ibadah biasanya bermula dengan seruan "*wahai orang-orang yang beriman*". Ini bererti keimanan atau akidah berhubung kait dengan masalah-masalah ibadah.

Penekanan pada konsep akidah dan keimanan ini sangat penting kerana akidah berbeza dengan aspek ibadah dan interaksi sosial. Akidah dan keimanan jika ia rosak maka seluruh bahagian-bahagian keislaman yang lain turut pula rosak. Akidah rosak, ibadah juga terbawa-bawa rosak, bahkan interaksi sosial tidak bermakna di sisi Allah *Subhānahū Wata'ālā* tanpa akidah.

Akidah jika rosak, maka seluruh dimensi keislaman perlu diperbaharui kembali. Oleh kerana itu, Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* sentiasa mengingatkan kepada umatnya untuk memperbaharui akidah dan keimanan. Di antara sabada Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* yang memberikan penekanan tersebut adalah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *Raḍiyallahu ‘Anhu*:

« جَدِّدُوا إِيمَانَكُمْ ». قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَكَيْفَ جُدِّدُ إِيمَانَنَا قَالَ « أَكْثَرُوا مِنْ قَوْلٍ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ »<sup>82</sup>

Maksudnya:

Perbaharuilah keimanan kamu. Para sahabat bertanya bagaimana cara kami memperbaharui keimanan wahai Rasulullah? Rasulullah bersabda: Perbanyaklah menyebut kalimat *Lā Ilāha Illallah*. (H.R. Ahmad).

Sabda Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* tersebut memberikan motivasi agar seorang Muslim sentiasa mengucapkan kalimah tauhid sebagai usaha menjaga dan memelihara akidah Islam dari segala bentuk kerosakan yang tidak disengaja.

## 2. Aspek Ibadah

Aspek terpenting agama Islam selain akidah adalah ibadah *maḥḍah* (langsung) kepada Allah *Subḥānahū Wata‘ālā*. Ibadah tersebut mengatur hubungan antara hamba dengan Tuhannya atau antara manusia dengan Allah

---

<sup>82</sup>Abu Abdillah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal, (t.th), *Musnad Ahmad*, juz XVIII, Bab Musnad Abi Hurairah, Misr: Mauqi’ Wuzārah al-Auqāf al-Miṣriyyah, h. 475.

*Subhānahū Wata'ālā* sebagai pencipta, pemelihara, dan pemberi rahmat bagi hamba-hambaNya.

Manusia tidak akan menemukan ketenteraman dan kebahagiaan hidup tanpa menjalankan fungsi ibadah sebagaimana mestinya. Ibadah inilah yang memberikan kesejukan pada rohani manusia. apabila manusia meninggalkan ibadah maka ada suatu titik kekosongan dalam rohani manusia yang tidak dapat diisi dengan bentuk aktiviti apapun juga. Ibadah juga berfungsi untuk membawa manusia agar tetap berada pada hakikat kemanusiaannya yang dihormati dan disegani oleh seluruh makhluk yang diciptakan oleh Allah *Subhānahū Wata'ālā* baik di darat mahupun di laut.

Rosaknya Islam ibadah pada seorang hamba tidak separah dengan rosaknya akidah. Telah dijelaskan terdahulu bahawa rosaknya akidah pada seseorang akan mengakibatkan rosaknya seluruh bahagian keislaman, sementara jika ibadah yang rosak maka kerosakan tersebut hanya sebatas pada jenis ibadah itu sahaja. Ibadah yang rosak tersebut tidak berpengaruh pada jenis ibadah-ibadah yang lain. Juga tidak memberikan kesan kerosakan pada akidah.

Jika seorang Muslim sembahyang kemudian ia melakukan gerak berlebihan yang tidak ada hubung kaitannya dengan gerakan sembahyang, atau ia sembahyang sambil makan, minum, tertawa, maka ibadah sembahyang orang tersebut menjadi rosak. Kerosakan tersebut tidak berpengaruh pada ibadah sembahyang yang telah dikerjakan sebelumnya, bahkan jenis ibadah yang lain tidak ikut terjejas. Zakat yang dikeluarkan, puasa yang

dijalankan serta ibadah haji yang di tunaikan tidak mengalami kerosakan akibat dari kerosakan sembahyang.

Begitu juga jika seseorang bersedekah kepada fakir miskin kemudian mengherdik fakir miskin tersebut serta menyebut-nyebutkan zakat dan sedekahnya pada orang lain maka ibadah zakat dan sedekahnya akan rosak. Kerosakan pada ibadah zakat tersebut tidak berpengaruh pada ibadah zakat dan sedekah yang lain. Begitu juga rosaknya ibadah zakat tersebut tidak memberikan kesan kerosakan pada ibadah sembahyang, puasa dan haji. Kerosakan pada ibadah puasa dan haji juga demikian tidak memberikan pengaruh apa-apa pada ibadah yang lain.

### **3. Aspek Interaksi Sosial**

Interaksi sosial juga biasa diistilahkan dengan *Islam 'amali*, iaitu praktik nilai-nilai Islam yang diterapkan dalam interaksi sosial. Keberhasilan Islam akidah dan Islam Ibadah dapat dilihat dari Islam *'amali* atau interaksi sosial. Islam *'amali* juga merupakan bahagian Islam yang sangat penting, kerana ianya menjadi kayu ukur dalam melihat satu masyarakat yang islami atau tidak.

Keberhasilan Islam *'amali* satu masyarakat Islam akan memberikan kesan yang sangat baik dalam membentuk pencitraan terhadap Islam. Islam *'amali* adalah bahagian Islam yang mampu membezakan masyarakat Islam dengan masyarakat yang tidak beragama Islam. Ketika seseorang misalnya melakukan perjalanan ke suatu kota pada bulan suci *Ramadan* kemudian ia mendapatkan di kota tersebut banyak restoran yang buka pada siang hari, serta banyak pengunjungnya, maka secara spontan ia akan mengatakan bahawa masyarakat di tempat tersebut bukan majoriti Muslim. Mungkin juga ia berkesimpulan bahawa

penduduk kota tersebut tidak memiliki kualiti Islam yang baik.

Kerosakan Islam '*amali* inilah yang banyak melanda masyarakat Islam semasa, sehingga banyak orang yang beranggapan negatif terhadap Islam. Jika mahu jujur maka sebenarnya kesalahan tersebut bukan terletak pada Islam sebagai agama dan ajaran, tetapi kesalahan yang ada terletak pada kekeliruan umat Islam dalam menjalankan Islam sebagai interaksi sosial.

Kerosakan Islam '*amali* umat Islam pada saat sekarang ini dapat dilihat dari masih banyaknya nilai-nilai Islam yang belum diterapkan secara sempurna dalam kehidupan sehari-hari umat Islam. Juga masih ditemukan pedagang Muslim yang tidak jujur, pedagang Muslim yang mengurangi timbangan, pedagang Muslim yang mengurangi sukatan kainnya, serta pemandu teksi yang memperbodoh penumpangnya.

Kerosakan Islam '*amali* nampak jelas juga dalam masyarakat Islam seperti masih banyaknya umat Islam yang lalu-lalang di jalan di saat umat Islam yang lain sedang melaksanakan ibadah sembahyang Jum'at di masjid. Masih banyaknya kedai makan yang dibuka pada siang hari di bulan suci Ramadhan, masih banyaknya anak yatim piatu yang terlantar tanpa *kāfil*, serta masih banyaknya fakir miskin yang menjadi peminta-minta di jalan-jalan.<sup>83</sup>

---

<sup>83</sup>Kenyataan ini hampir tidak berlaku di negara Brunei Darussalam kerana Kerajaan Brunei dapat mengawal dengan baik isu-isu tersebut. Bahkan undang-undang penutupan kedai dan pejabat bermula pada pukul 12.00 tengah hari hingga pukul 14.00 petang pada hari Jum'at merupakan salah satu usaha negara Brunei Darussalam

Islam ‘*amali* atau interaksi sosial jika ia rosak tidak mempengaruhi rosaknya Islam ibadah mahupun Islam akidah. Tetapi kerosakan pada interaksi sosial akan memberi kesan yang lain terhadap citra agama Islam.

Kerosakan Islam ‘*amali* memiliki impak yang luar biasa pada alam akhirat. Kerosakan Islam ‘*amali* tidak kurang bahayanya dari kerosakan Islam akidah dan Islam ibadah. Dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh Abi Hurairah *Raḍiyallahu ‘Anhu*, Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* menggambarkan bahaya di akhirat akibat dari rosaknya Islam ‘*amali* seseorang.

«عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَتَدْرُونَ مَا الْمُفْلِسُ قَالُوا الْمُفْلِسُ فِينَا مَنْ لَا دِرْهَمَ لَهُ وَلَا مَتَاعَ فَقَالَ إِنَّ الْمُفْلِسَ مِنْ أُمَّتِي يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِصَلَاةٍ وَصِيَامٍ وَزَكَاةٍ وَيَأْتِي قَدْ شَتَمَ هَذَا وَقَذَفَ هَذَا وَأَكَلَ مَالَ هَذَا وَسَفَكَ دَمَ هَذَا وَضَرَبَ هَذَا فَيُعْطَى هَذَا مِنْ حَسَنَاتِهِ وَهَذَا مِنْ حَسَنَاتِهِ فَإِنْ فَنِيَتْ حَسَنَاتُهُ قَبْلَ أَنْ يُمَضَى مَا عَلَيْهِ أُخِذَ مِنْ خَطَايَاهُمْ فَطُرِحَتْ عَلَيْهِ ثُمَّ طُرِحَ فِي النَّارِ» (رواه مسلم).<sup>84</sup>

Maksudnya:

Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* bersabda: Apakah kalian tahu siapakah orang-orang *muflis*. Para sahabat menjawab bahawa orang *muflis* adalah mereka yang tidak punya wang dan tidak punya harta benda. Kemudian Rasulullah bersabda: Sesungguhnya orang yang *muflis* dari umatku

---

mengaplikasikan ajaran Islam dalam bentuk Islam ‘*amali* (interaksi sosial).

<sup>84</sup>*Ṣaḥīḥ Muslim*, Juz 4, Bab Taḥrīm al-Zulm, Beirut: Dār Iḥyā Turath al-‘Arabi.

adalah mereka pada hari akhirat kelak datang membawa pahala sembahyang, puasa dan zakatnya, tetapi pada saat yang sama ia juga membawa dosa-dosa sosial, kerana telah mencaci maki si fulan, memfitnah si fulan, memakan harta benda si fulan tanpa halal, telah mencederai si fulan, telah memukul si fulan, maka pahala amal ibadahnya diberikan kepada si A, dan pahala yang lain diberikan kepada si B dan seterusnya. Jika pahalanya telah habis diagih-agihkan sementara masih banyak yang belum mendapat bahagian pahalanya maka dosa orang-orang yang mendapat bahagian pahala akan diberikan kepadanya baru kemudian dicampakkan ke dalam neraka. (H.R. Muslim).

Hadith tersebut menunjukkan bahawa Islam akidah dan Islam ibadah tidak bererti sama sekali tatkala Islam *'amali* rosak dan hancur, sebab di akhirat kelak Islam akidah dan Islam ibadah akan habis diagihkan untuk menutupi hutang piutang yang berhubung kait dengan Islam *'amali* seseorang.

Begitu juga sebaliknya, Islam *'amali* dan Islam ibadah tidak memberikan manfaat bagi pengamalannya apabila Islam akidah yang rosak, juga Islam akidah dan Islam *'amali* tidak memberikan banyak pengaruh di akhirat apabila Islam ibadah yang hancur. Oleh kerana itu, ketiga aspek Islam tersebut semestinya dipelihara dan dijaga sehingga dapat memberikan manfaat dalam kehidupan dunia dan akhirat.

Setelah menganalisis bahaya yang ditimbulkan dari rosaknya ketiga dimensi Islam tersebut, sewajarnya umat Islam mengambil perhatian untuk memperbaiki Islam akidah, Islam ibadah, dan Islam *'amali* agar wibawa agama

Islam dapat kembali bertapak seperti pada masa sahabat dan *tabi'in*.

Umat Islam yang menjalankan dengan baik ketiga aspek Islam tersebut dijanji serta dijamin oleh Allah *Subhānahū Wata'ālā* akan diberikan kewibawaan, kedamaian serta keberuntungan. Hal itu dinyatakan dalam firmanNya (Q.S. al-Baqarah (2): 277).

﴿إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَءَاتُوا الزَّكَاةَ هُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ﴾.

Tafsirnya:

Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mengerjakan sembahyang serta memberikan zakat, mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.

Iman dalam ayat tersebut mewakili aspek akidah, sementara *'amilu ṣolihāt* mewakili Islam *'amali*. Adapun aspek ibadah terwakili oleh lafaz sembahyang dan zakat. Menurut ayat tersebut, jika ketiga aspek Islam itu terpelihara dengan baik maka orang tersebut akan mendapatkan dua keutamaan, iaitu keutamaan dunia dan keutamaan akhirat.

Keutamaan dunia adalah terpeliharanya orang tersebut dari *al-khauf* (perasaan takut) akan hilangnya nikmat Allah *Subhānahū Wata'ālā* dan *al-Huzn* (perasaan sedih yang berkekalan) kerana telah hilangnya nikmat Allah *Subhānahū Wata'ālā*.

Muslim yang menjaga ketiga dimensi Islam yang telah disebutkan memiliki keyakinan bahawa segala bentuk

nikmat yang diberikan oleh Allah *Subhānahū Wata'ālā* adalah milikNya sehingga tidak perlu risau akan hilangnya nikmat tersebut. Begitu juga apabila nikmat Allah *Subhānahū Wata'ālā* diambil kembali, Muslim tersebut juga menyadari bahawa segala sesuatu yang telah diberikan oleh Allah *Subhānahū Wata'ālā* hanyalah pesanan belaka.

Keutamaan akhirat bagi mereka yang menjaga dimensi-dimensi Islam adalah janji Allah *Subhānahū Wata'ālā* tentang pahala yang akan disimpan oleh Allah *Subhānahū Wata'ālā* dan akan diberikan langsung tanpa melalui perantaraan siapa-siapa.

## **BAB VI**

### **KUFUR, SYIRIK DAN *NIFAQ***

Setiap cabang ilmu pengetahuan memiliki istilah dan terminologi tersendiri yang diguna pakai oleh orang-orang yang berinteraksi dengan keilmuan tersebut. Ilmu perubatan memiliki istilah tersendiri, ilmu falsafah juga demikian. Sebagaimana cabang-cabang keilmuan yang lain maka dalam perbahasan akidah Islam juga banyak istilah-istilah yang semestinya difahami maknanya oleh setiap pengkaji dalam bidang tersebut. Tanpa mengenal pasti istilah-istilah yang diguna pakai dalam kajian akidah, akan berimbas pada susahnya memahami perbahasan akidah Islam. Bahkan jika tidak mengenal pasti istilah-istilah yang diguna pakai dalam perbahasan akidah dapat menyebabkan timbulnya kesalahfahaman terhadap tajuk-tajuk perbahasan.

Al-Quran ketika membincangkan tentang manusia-manusia yang tidak beriman kepada risalah Nabi Muhammad *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* ia kemudian memberikan penamaan dari jenis dan tingkat ketidakberimanan mereka. Di antara istilah-istilah yang diguna

pakai oleh al-Quran adalah kufur, syirik dan *nifaq*. Ketiga istilah tersebut sangat penting untuk dijelaskan agar dapat difahami maksud dan bahagian-bahagiannya. Tanpa memahami maksud dari ketiga istilah tersebut akan menyebabkan munculnya pengkafiran, pelabelan munafiq dan musyrik kepada orang-orang yang tidak semestinya mendapatkan gelaran tersebut.

### A. Kufur

Perkataan kufur berasal dari akar kata bahasa ‘Arab; *kafara – yakfuru - kufran* ( كفر - يكفر - كفر ) yang bererti menutupi. Iaitu menutupi kebenaran yang ada dalam hati tentang wujudnya Tuhan sebagai pencipta dan pemelihara alam semesta sekaligus Tuhan yang layak untuk disembah.

Kufur juga bererti pengingkaran dalam bentuk perkataan, perbuatan dan keyakinan. Setiap manusia di dunia ini secara fitrah memiliki kecenderungan untuk mengakui kebenaran wujudnya Allah *Subhānahū Wata‘ālā* serta kebenaran yang dibawa oleh rasul-rasulNya, tetapi kebenaran tersebut ditutupi oleh beberapa faktor seperti *takabbur*, kebodohan dan pengaruh Iblis dan syaitan yang menyesatkan.<sup>85</sup>

Orang ‘Arab dalam konteks ini sering menggunakan perkataan kufur terhadap para petani di ladang yang

---

<sup>85</sup>Secara fitrah semua manusia yang lahir di dunia memiliki potensi tauhid. Manusia yang lahir di dunia adalah manusia yang pernah menerima kesaksian tentang wujud dan disembahnya Allah *Subhānahū Wata‘ālā*. Kesaksian tersebut melalui pertanyaan yang disampaikan oleh Allah *Subhānahū Wata‘ālā* pada alam arwah: ”*Alastu Birabbikum*” (bukankah saya adalah Tuhan kamu), serempak roh menjawab ”*qālū balā*” (benar wahai Tuhan kami). Lihat Abu Daud, *Sunan Abu Daud*, Bab fī Zirari al-Musyrikīn, juz 13, Kaherah: Mauqī‘ Wuzārah al-Auqaf al-Miṣriyyah, h. 448.

menanam biji tanaman, salah satu ungkapan yang sering digunakan oleh orang ‘Arab Badwi adalah (كفر الفلاح حبه), petani itu menyembunyikan (menanam) biji-bijiannya.<sup>86</sup> Iaitu ketika para petani di ladang menanam biji-bijian di tanah sehingga biji-bijiannya ditutupi oleh tanah.

Menurut istilah, kufur bererti; “*Tidak beriman kepada Allah dan RasulNya, baik dengan terang-terangan menolak dan mendustakannya mahupun tidak memberikan reaksi terhadap da’wah yang disampaikanya*”. Kufur adalah lawan dari Islam, sementara Islam bererti pernyataan kesaksian kepada Allah dan RasulNya melalui ucapan dua kalimah Shahadah. Kesaksian kepada Allah saja dalam pandangan akidah Islam tidak cukup sebagai jaminan keislaman seseorang. Kesaksian kepada Allah *Subhānahū Wata’ālā* semestinya disempurnakan dengan kesaksian dan keimanan pada Nabi Muhammad *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* sebagai Nabi dan rasul terakhir yang membawa risalah agama Islam sebagai agama yang direndhai oleh Allah.

Sebahagian penganut agama *samawi* memiliki kesaksian terhadap Allah, tetapi mereka tidak melengkapinya dengan kesaksian terhadap kerasulan Nabi Muhammad *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* dan itu tidak dapat dianggap sebagai seorang Muslim.

Di antara golongan yang dianggap oleh Ibnu Hazm (456H)<sup>87</sup> keluar dari agama Islam adalah kelompok yang

---

<sup>86</sup>Lisān al-‘Arab kata (كفر).

<sup>87</sup>Nama lengkap Ibn Hazm adalah Abu Muhammad Ali Ibn Ahmad Ibn Sa’īd Ibn Hazm. Panggilan akrab beliau (*kun yah*) adalah Abu Muhammad, kemudian ia terkenal dengan panggilan nisbah, Ibn Hazm al-Zahiri. Ibn Hazm dilahirkan pada akhir Ramaḍan tahun

percaya pada sebahagian nabi dan rasul namun ia juga ingkar pada sebahagian nabi dan rasul. seperti kepercayaan Yahudi dan Nasrani.

Termasuk dalam kelompok ingkar terhadap Nabi Muhammad adalah para nabi-nabi palsu yang muncul di setiap zaman, sejak zaman Nabi Muhammad *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* sampai hari kiamat. Begitu juga pengikut kefahaman yang meyakini adanya nabi setelah Nabi Muhammad dianggap sebagai kelompok yang tidak beriman kepada kerasulan Nabi Muhammad *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam*.

Mereka semua dianggap mendustakan risalah Nabi Muhammad *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* kerana pernyataan tentang nabi terakhirnya Nabi Muhammad dengan jelas disebutkan dalam al-Quran bahawa Nabi Muhammad sebagai nabi dan rasul terakhir.

Kufur pada garis besarnya terbahagi kepada dua bahagian, masing-masing bahagian memiliki sub bahagian yang lebih terinci.

### **1. *Kufur Akbar* (besar)**

*Kufur Akbar* (besar) biasa juga disitilahkan dengan *kufur i‘tiqādi* (keyakinan) iaitu kufur yang menyebabkan seseorang keluar daripada agama Islam kerana telah meninggalkan prinsip-prinsip keimanan serta dasar-dasar

---

384H bertepatan 7 November 994 M di Cordova. Beliau banyak mengalami cubaan kerana mendapat tekanan dari para ulama-ulama, terutama ulama-ulama Malikiyyah yang dekat dengan para penguasa pada saat itu, sehingga Ibn Hazm diusir dari negerinya yang menyebabkan beliau melakukan perjalanan ke Badi‘ah (salah satu daerah di Andalusia). Di sanalah beliau menghembuskan nafas yang terakhir pada tahun 456H.

akidah yang bersifat teras dalam agama Islam. Kufur *akbar* juga dapat terjadi kerana *i'tiqad* (keyakinan) yang keliru. Kufur jenis ini sangat berbahaya kerana memberikan kesan pada beberapa hukum fiqh termasuk hukum perkahwinan, hukum warisan (*mawaris*) dan beberapa hukum lainnya yang sama sekali tidak dapat ditolak ansur oleh ajaran Islam.

Kufur dalam bentuk ini memiliki beberapa bahagian:

**a. Kufur Takzib (mendustakan)**

Kufur takzib, iaitu kufur dengan cara mendustakan ayat-ayat Allah *Subhānahū Wata'ālā* atau hadith-hadith Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasalam*. Kufur takzib ini berlaku kerana beberapa faktor di antaranya tidak meyakini wujud Allah *Subhānahū Wata'ālā*, mendustakan ayat-ayat al-Quran,<sup>88</sup> tidak menerima hadith Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasalam*<sup>89</sup> serta menghina agama Islam dengan memberikan penamaan yang bermacam-macam.<sup>90</sup>

Kufur dalam bentuk ini cukup terkenal pada masa kini kerana munculnya berbagai media Barat yang menghina agama Islam mahupun Nabi Muhammad *Ṣallallahu 'Alaihi Wasalam*. Kemunculan filem *Innocence of Muslims* yang kemudian disusul dengan *innocence of*

---

<sup>88</sup>Misalnya penamaan Salman Rusydi terhadap ayat-ayat al-Quran dengan nama ayat-ayat Syaitan. Akibat dari penamaan tersebut Salman Rusydi sentiasa merasa terancam hidupnya sehingga sepanjang hayatnya hidup dalam ketakutan.

<sup>89</sup>Iaitu kelompok *inkar al-Sunnah* yang hanya menerima al-Quran sahaja sebagai sumber hukum hakam agama Islam namun ia menolak al-Hadith.

<sup>90</sup>Misalnya menyatakan Islam agama teroris dan berbagai nama lainnya yang dapat menjejaskan nama baik agama Islam.

*Prophet* serta karikatur tentang Rasulullah sebagai bukti bahawa dari zaman Rasulullah sampai saat ini masih sahaja berkembang *kufur takzib* di kalangan orang-orang yang benci terhadap Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasalam* dan agama Islam sebagai risalah terakhir.

*Kufur takzib* dapat pula terjadi dengan penghalalan apa yang diharamkan oleh Allah dan RasulNya atau sebaliknya pengharaman apa yang dihalalkan oleh Allah dan RasulNya. Sikap seperti ini adalah salah satu bentuk pendustaan terhadap ajaran Islam dan pendustaan terhadap Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam*. Ajaran Islam adalah bersifat *Rabbāniyyah* yang bererti seluruh hukum dan hakamnya telah ditetapkan oleh Allah. Bagi mereka yang mencuba untuk merubah aturan tersebut sama halnya mereka telah mendustakan ajaran Allah dan RasulNya.

*Kufur takzib* juga dapat terjadi dengan penyembahan selain Allah *Subḥānahū Wata‘ālā* seperti penyembahan terhadap berhala, pokok, syaitan dan lain-lain. Penyembahan seperti ini bererti mendustakan wujudnya Allah atau mendustakan Maha Kuasanya Allah serta pendustaan terhadap firman-firman Allah *Subḥānahū Wata‘ālā*.

**b. *Kufur Istikbar (takabbur)***

*Kufur istikbar*, iaitu kufur kerana enggan dan *takabbur* terhadap kebenaran yang dibawa oleh Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam*, walaupun ia mengakui kebenaran tersebut seperti yang terjadi pada sebahagian pendeta Yahudi dan Nasrani. Sebenarnya mereka faham bahawa Nabi Muhammad *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* adalah nabi yang terakhir kerana ciri-ciri nabi yang terakhir serta namanya termaktub dalam kitab suci mereka. Mereka

enggan untuk beriman kepada kerasulan Nabi Muhammad kerana *takabbur*.

Kufur dalam kategori ini termasuk kufur yang dilakukan oleh Iblis. Iblis pada hakikatnya beriman kepada Allah tetapi ia *takabbur* dan enggan menjalankan perintah Allah *Subhānahū Wata'ālā*. Ketika Iblis diperintahkan sujud pada Nabi Adam *'Alaihissalām*, Iblis enggan untuk sujud kerana merasa asal kejadiannya lebih mulia dari asal kejadian Nabi Adam *'Alaihissalām*. Iblis asal kejadiannya dari api sementara Nabi Adam *'Alaihissalām* asal kejadiannya dari tanah.<sup>91</sup>

Akibat dari *kufur istikbar* yang dilakukan oleh Iblis sehingga Iblis mendapat laknat dari Allah *Subhānahū Wata'ālā* dan dikeluarkan dari golongan hamba Allah yang mendapatkan rahmatNya. Akibatnya Iblis memilih jalan bermusuhan dengan anak cucu Nabi Adam *'Alaihissalām* serta berusaha untuk menyatakannya sebagai suatu usaha balas dendam kepada Nabi Adam *'Alaihissalām*.

Termasuk dalam kategori *kufur istikbar (takabbur)* adalah kufur yang diungkapkan oleh Qārūn yang menganggap harta benda mereka bukan nikmat Allah yang diberikan kepadanya, bukan pula rezeki dari Allah. Harta tersebut menurut Qārūn tidak ada hubung kaitnya dengan keagungan Allah *Subhānahū Wata'ālā*. Harta yang diperoleh Qārūn menurut pengakuannya adalah hasil dari usaha keras dan ilmu perdagangan yang dimilikinya.<sup>92</sup> Akibat dari *kufur istikbar* yang dilakukan oleh Qārūn,

---

<sup>91</sup>Lihat Q.S. al-A'raf (7): 12 dan Q.S. Shad (38): 76.

<sup>92</sup>Lihat Q.S. al-Qaşas (28): 78

seluruh harta benda miliknya terkubur bersama-sama dengannya.

Haman yang merupakan ahli bina bangunan di zaman Fir'aun melakukan hal yang sama sehingga mengalami nasib yang serupa dengan Iblis dan Qārūn yang dikeluarkan dari rahmat Allah.

**c. Kufur Syak (ragu-ragu)**

*Kufur syak*, adalah kufur kerana ragu-ragu dalam berakidah, seperti ucapan orang kafir yang Allah *Subḥānahū Wata'ālā* kisahkan dalam (Q.S. al-Kahfī (18): 35-36

﴿وَدَخَلَ جَنَّتَهُ وَهُوَ ظَالِمٌ لِّنَفْسِهِ قَالَ مَا أَظُنُّ أَن تَبِيدَ هَذِهِ أَبَدًا . وَمَا

أَظُنُّ السَّاعَةَ قَائِمَةً وَلَئِن رُّدِدْتُ إِلَىٰ رَبِّي لَأَجِدَنَّ خَيْرًا مِنْهَا مُنْقَلَبًا﴾

Tafsirnya:

Dan dia memasuki kebunnya sedang dia zalim terhadap dirinya sendiri, ia berkata: "Aku kira kebun ini tidak akan binasa selama-lamanya. Dan aku tidak mengira hari kiamat itu akan datang, dan jika sekiranya aku kembalikan kepada Tuhanku, pasti aku akan mendapat tempat kembali yang lebih baik daripada kebun-kebun itu".

Akibat dari kufur syak yang dilakukan oleh pemilik kebun tersebut seluruh isi kebunnya berubah. Kebun yang tadinya subur menjadi sebuah kebun yang kering-kontang tanpa air. Pohon-pohon menjadi layu dan kering. Akibatnya ia kemudian diliputi penyesalan terhadap kekufuran yang dilakukannya.

Dalam berakidah mesti yakin dan tidak boleh ada keraguan sedikitpun kerana dapat menjejaskan akidah. Itu pula sebabnya dalam mengungkapkan dalil-dalil akidah

semestinya menggunakan dalil-dalil yang *ṣahih* dan bukan dalil yang *ḍaif*.

**d. Kufur I'rad (berpaling)**

*Kufur i'rad* adalah bentuk kufur yang diakibatkan kerana berpaling daripada peringatan Allah. Termasuk dalam kufur ini adalah kufurnya anak Nabi Nuh 'Alaihissalām. Ketika diperingatkan oleh Nabi Nuh mengenai azab Allah bagi mereka yang tidak mengikuti arahnya, malah anak beliau berdalih akan pergi ke gunung yang tinggi dan berpaling dari peringatan Nabi Nuh 'Alaihissalām. Akibatnya anak Nabi Nuh terseret oleh besarnya ombak tsunami yang datang membinasakan kaum Nabi Nuh.

Salah satu di antara bukti kekufuran tersebut Allah menyatakan bahawa anak beliau bukan ahli keluarga beliau kerana hubungan ikatan ketauhidan lebih utama dari sekedar ikatan ayah dan anak.

Di antara dalil yang menyebutkan kufur jenis ini adalah firman Allah *Subḥānahū Wata'ālā* (Q.S. al-Ahqaf (46): 3)

﴿مَا خَلَقْنَا السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَجَلٍ مُّسَمًّى  
وَالَّذِينَ كَفَرُوا عَمَّا أُنذِرُوا مُعْرِضُونَ﴾

Tafsirnya:

Kami tiada menciptakan langit dan bumi dan apa yang ada antara keduanya melainkan dengan (tujuan) yang benar dan dalam waktu yang ditentukan. Dan orang-orang yang kafir berpaling dari apa yang diperingatkan kepada mereka.

### e. *Kufur Nifaq*

*Kufur nifaq*, iaitu jenis kufur kerana menzahirkan keislaman dengan lisan dan perbuatan tetapi tidak disertai dengan keyakinan dalam hati. Masalah ini akan dijelaskan dengan lebih terperinci dalam perbahasan *nifaq*.

## 2. *Kufur Asghar* (kecil)

Kufur *asghar* atau kufur kecil biasa juga disebut *kufur ‘amali* (perbuatan), iaitu kufur yang tidak menjadikan pelakunya keluar dari agama Islam. Kufur *‘amali* ialah kufur yang diakibatkan dari perbuatan dosa-dosa yang telah disebutkan dalam al-Quran dan al-Sunnah sebagai dosa-dosa kufur, tetapi tidak mencapai darjat kufur besar.

Di antara contoh-contoh kufur *asghar* adalah kufur nikmat. Iaitu kufur yang terjadi kerana tidak mensyukuri nikmat Allah *Subhānahū Wata‘ālā*. Salah satu hadith Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* yang menyebutkan bentuk kufur nikmat adalah hadith yang diriwayatkan oleh sahabat Abi Sa‘id al-Khudariy *Radīyallahu ‘Anhu*:

عن أبي سعيد الخدري قال : خرج رسول الله صلى الله عليه و سلم في أضحى أو فطر إلى المصلى فمر على النساء فقال ( يا معشر النساء تصدقن فإني أريتكن أكثر أهل النار ) . فقلن وبم يا رسول الله ؟ قال ( تكثرن اللعن وتكفرن العشير .....)<sup>93</sup>.

Maksudnya:

Dari Abi Sa‘id al-Khudari berkata Ia: Suatu masa Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* pergi sembahyang *Ḍuha* atau *‘Idul Fitri*, kemudian beliau memelalui sekelompok wanita, lalu Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* bersabda: “Wahai

---

<sup>93</sup>*Ṣahīḥ al-Bukhari*, Bab *Tarku al-Haidi al-Ṣauma*.

sekalian wanita, bersedekahlah kerana saya melihat kamu sebagai majoriti penghuni neraka”. Mereka kemudian bertanya wahai Rasulullah apa penyebabnya? Rasulullah menjawab: Kamu suka mengumpat dan kafir terhadap suami.

Para pensyarah hadith kemudian menjelaskan bahawa yang dimaksud kafir terhadap suami adalah tidak mensyukuri rezeki yang diperoleh suami.

Kafir dalam konteks ini bukanlah kafir yang mengeluarkan seseorang dari penamaan dia sebagai seorang Muslim. Penamaan kafir dipakai dalam rangka memberikan gambaran bahawa perbuatan dan tingkah laku tersebut bukanlah perbuatan Mu'min tetapi lebih mirip dengan sifat dan perbuatan orang kafir.

## **B. Syirik, Tahyul dan Khurafat**

Perbincangan tentang syirik tidak dapat dipisahkan dengan perbincangan tentang tahyul dan khurafat. Syirik, tahyul dan khurafat adalah tiga istilah yang saling berhubung kait. Adanya Syirik kerana lahir dari keyakinan, amalan serta perbuatan khurafat. Begitu juga munculnya perbuatan khurafat disebabkan kerana adanya pengetahuan yang keliru tentang benda-benda dan makhluk di alam persekitaran kita yang sering diistilahkan dengan tahyul. Tahyul dan khurafat biasanya menjadi asas dari perbuatan syirik.

### **1. Tahyul**

Tahyul berasal dari bahasa ‘Arab yang asal katanya *khayal* iaitu sesuatu yang hanya ada pada alam *idea* dan tidak bertapak pada alam realiti. Tahyul adalah kepercayaan tentang makhluk-makhluk yang memerlukan

perhatian dan penyembahan, bahkan makhluk-makhluk tersebut memerlukan makanan.

Tahyul merupakan asas dari khurafat, adanya khurafat kerana adanya khayalan tentang wujudnya kekuatan *super natural* (kekuatan ghaib) pada benda-benda yang dikeramatkan. Tahyul dapat memberikan impak dan kesan yang sangat berbahaya dalam akidah. Orang yang percaya pada tahyul hidupnya akan diliputi oleh perasaan takut adanya kekuatan ghaib yang menguasai mereka. Tahyul dapat memesongkan akidah serta dapat menjerumuskan seseorang kepada perbuatan syirik atau perbuatan mempersekutukan Allah *Subhānahū Wata'ālā*.

Tahyul atau keyakinan karut pada saat sekarang ini semakin bermaharajalela, bahkan telah merasuk dalam kehidupan kanak-kanak yang belum mengerti apa-apa tentang akidah. Penyebaran pemikiran tahyul pada masa sekarang ini sangat dahsyat kerana diperkuat oleh jaringan media, terutama televisyen dan *youtube*. Dewasa ini semakin banyak filem yang diperindah dengan kisah-kisah tahyul.<sup>94</sup> Misalnya filem tentang pocong yang bangkit dari alam kuburnya, ia datang mengganggu manusia sehingga meresahkan penduduk kampung.<sup>95</sup> Kuntilanak yang mengganggu orang ramai. Roh-roh yang mengganggu, menjadikan masyarakat awam menderita. *Vampire* yang mengganggu ketenangan manusia dan menghisap darah.

---

<sup>94</sup>Filem-filem horor turut ambil bahagian dalam penyebaran tahyul kerana cukup digemari oleh banyak orang terutama kanak-kanak.

<sup>95</sup>Hal itu tidak mungkin terjadi sebab manusia jika ia meninggal maka rohnya dijaga ketat oleh para malaikat serta ditempatkan di tempat berkumpulnya para arwah. Jasad manusia yang berasal dari tanah juga dikembalikan kepada asal kejadiannya.

Masih banyak kisah-kisah lain yang sering ditayangkan oleh pihak media.

Akibat dari tahyul tersebut, anak-anak tumbuh dan berkembang dalam bayang-bayang tahyul di kepala mereka. Tidak jarang kanak-kanak merasa ketakutan untuk tidur sendiri di biliknya. Bahkan merasa tertekan dalam kegelapan malam sehingga pergi ke tandas sekalipun terpaksa harus dihantar oleh orang tuanya.

Peranan para guru agama dan orang tua sangat penting dalam membetulkan akidah umat Islam terutama bagi generasi muda. Peranan tersebut sangat penting di abad ini kerana kelompok-kelompok yang tidak senang dengan kukuhnya akidah Islam melakukan segala upaya untuk menghancurkan akidah umat Islam agar terjerumus kedalam perbuatan *bid'ah*, *khurafat* dan syirik.

Tahyul memiliki hubung kait dengan kepercayaan *dinamisme* dan *animisme*. Iaitu kepercayaan manusia-manusia primitif yang beranggapan bahawa benda-benda di persekitaran kita terutama benda-benda pusaka memiliki *mana* atau kekuatan, bahkan benda-benda tersebut memiliki roh yang mesti di jaga. Kekuatan ghaib dan roh yang terdapat pada benda-benda keramat dapat memberikan manfaat seperti melindungi pemilikinya, memberi kesembuhan dan rezeki yang banyak.

Sebaliknya kekuatan ghaib serta roh-roh tersebut jika marah kerana tidak mendapatkan perhatian sebagaimana mestinya dari manusia, juga dapat memberikan kesan negatif seperti mendatangkan malapetaka, menyebabkan penyakit yang mematikan bahkan dapat mengganggu manusia secara

berkesinambungan atau berterusan. Oleh kerana itu, perlu menjaga dan memperhatikan makhluk-makhluk tersebut.

Kepercayaan-kepercayaan karut tersebut jelas bertentangan dengan akidah Islam yang berteraskan dengan keyakinan yang logik.

## **2. Khurafat**

Khurafat adalah amalan yang tidak memiliki landasan dalil dari al-Quran dan al-Sunnah, tetapi amalan tersebut merupakan warisan turun temurun dari nenek moyang serta bercanggah dengan nilai-nilai dan prinsip akidah Islam. Khurafat juga boleh jadi muncul akibat dari kejahilan tentang Allah *Subhānahū Wata'ālā* dan sifat-sifatnya. Khurafat juga lahir akibat dari tahyul yang begitu mendalam sehingga terdorong untuk melakukan perbuatan-perbuatan tanpa dasar dari shari'at. Khurafat pada masa kini telah merangkumi berbagai sisi kehidupan umat Islam kerana ia dipromosikan melalui media massa mahupun laman sesawang. Akibatnya amalan-amalan khurafat mampu memesongkan akidah Islam dan menjejaskan keimanan.

Akidah Islam dan keimanan dibangun dari satu keyakinan yang logik dan memiliki landasan syar'ie. Sebaliknya khurafat dibangun di atas landasan tahyul yang direka-reka oleh manusia. Khurafat memiliki macam-macam bentuk, ada khurafat dalam bidang akidah namun ada juga khurafat yang hanya berlaku sebagai budaya yang lahir dari taqlid buta tanpa alasan yang jelas.

Khurafat dalam bidang akidah adalah satu kepercayaan adanya kekuatan *super natural* selain Allah *Subhānahū Wata'ālā* sehingga mengagungkan serta mengkeramatkan benda-benda, terutama benda-benda

pusaka seperti tombak dan keris, mahupun benda-benda peninggalan masa lalu. Munculnya syirik di tengah-tengah masyarakat Islam banyak bermula dari khurafat, sehingga terjadi penyembahan terhadap pohon, gunung dan sungai yang menurut anggapan para penyembahnya, tempat-tempat dan benda-benda tersebut mampu memberikan manfaat mahupun mendatangkan *muḍarat* kepada manusia.

Penyembahan pada tempat dan benda-benda tersebut biasanya diikuti dengan tradisi penyediaan *sesajen* (makanan) dan ritual (ibadat) tertentu kepada penguasa tempat yang dikeramatkan, padahal apa yang mereka fikirkan sama sekali tidak berdasar pada keilmuan mahupun landasan agama.

Bentuk-bentuk khurafat seperti ini memiliki hubungan yang sangat erat dengan *anisme* dan *dinamisme* iaitu satu kepercayaan yang menganggap setiap benda memiliki roh dan memiliki kekuatan ghaib.

Masuk dalam kategori khurafat *i'tiqadi* (akidah) adalah *al-tafa'ul* dan *al-tasya'um*,<sup>96</sup> iaitu suatu keyakinan jika seseorang yang mahu keluar rumah dan melihat ada burung gagak terbang ke arah utara diyakini sebagai pertanda keburukan. Akibatnya rencana untuk keluar rumah mesti ditangguhkan untuk sementara waktu. Bentuk *al-tasya'um* yang lain adalah jika seseorang ingin keluar rumah kemudian ada yang bertanya mengenai tujuan kepergiannya maka dianggap sebagai sumber malapetaka dan kurangnya rezeki.

---

<sup>96</sup>*Al-Tafā'ul* adalah suatu prasangka yang dilandasi dari gejala-gejala yang mereka yakini akan mendapatkan kebaikan. Adapun *al-Tasyā'um* adalah sebaliknya iaitu suatu prasangka yang dilandasi dari dugaan akan mendapatkan keburukan atau musibah.

Bentuk-bentuk khurafat dalam masyarakat Melayu masih nampak jelas dalam kehidupan sehari-hari, bahkan pantang larang dan sebahagian kepercayaan di alam Melayu memiliki hubung kait yang erat dengan amalan-amalan khurafat yang berasal dari kepercayaan *dinamisme* dan *animisme*.

*Khurafat budaya*, adalah khurafat yang sudah membudaya di kalangan masyarakat tetapi tidak memiliki landasan yang jelas dari al-Quran dan al-Sunnah, seperti kemampuan kunyit dan garam untuk menangkal segala bentuk sihir.<sup>97</sup> Cucuk sate mampu menangkal hipnotis,<sup>98</sup> lada merah mampu menolak dengki dan lain sebagainya. Pemahaman-pemahaman seperti ini lambat laun dapat merosak akidah, kerana mempercayai sesuatu dapat memberikan manfaat dan *muḍarrat* selain Allah *Subḥānahū Wata'ālā*.

Di samping itu, kepercayaan kepada benda-benda yang dikeramatkan dapat menjauhkan manusia dari Allah *Subḥānahū Wata'ālā* sehingga memperhambakan diri pada benda-benda yang tidak memberikan manfaat ataupun mendatangkan malapetaka. Di samping khurafat akidah dan khurafat budaya, penulis juga membahagi khurafat kepada

---

<sup>97</sup>Kepercayaan tersebut dapat disaksikan masih adanya sebahagian orang tua menggantungkan kunyit di badan kanak-kanak dengan anggapan kunyit tersebut mampu menangkal hantu dan jin.

<sup>98</sup>Semakin banyaknya orang mempelajari ilmu hipnotis serta banyaknya kejahatan yang timbul akibat pengamal hipnotis yang mempergunakan ilmu hipnotisnya untuk kejahatan sehingga sebahagian orang meletakkan cucuk sate dalam bag mereka dengan keyakinan bahawa barang siapa yang membawa cucuk sate maka ia akan terhindar dari segala bentuk kejahatan hipnotis.

dua jenis khurafat iaitu khurafat primitif dan khurafat moden.

Khurafat primitif adalah khurafat dengan cara-cara tradisional seperti yang banyak dilakukan oleh umat Islam berdasarkan atas tahyul, budaya dan keyakinan yang diterima secara turun temurun dari nenek moyang. Khurafat jenis ini banyak diamalkan oleh orang yang tingkat pendidikannya masih rendah mahupun tingkat pemahaman keagamaannya yang masih kurang.

Khurafat moden adalah bentuk baru khurafat yang mengikuti perkembangan zaman. Iaitu amalan-amalan karut yang turut dilakukan oleh umat Islam tanpa mengetahui hukum-hakam mahupun filosofi di baliknya. Budaya merayakan hari jadi dengan menyiapkan kue dan menghidupkan lilin yang diikuti dengan meniup lilin oleh orang yang meraikan hari jadi tersebut merupakan salah satu bentuk khurafat moden. Umat Islam yang merayakan hari jadi dan melakukan tradisi tersebut tidak memahami apa di balik penyediaan kue, meniup lilin dan sebagainya.<sup>99</sup>

Khurafat merupakan salah satu amalan perbuatan yang dapat merosak dan membatalkan keimanan. Maka selayaknya setiap amalan-amalan yang dilakukan oleh umat Islam terutama yang menyangkut masalah akidah dan

---

<sup>99</sup>Asal muasal dari ritual meniup lilin ulang tahun tidak diketahui, sejarah mencatat tradisi ini dimulai dari sebuah perayaan ulang tahun bagi kanak-kanak pada abad 18. Disebutkan pula, tradisi saat itu menempatkan lilin-lilin yang melambangkan usia. Di masa sekarang, lilin dimaksudkan untuk mengucapkan permohonan sebelum meniup lilin. Sebuah amalan yang sangat susah untuk dirasionalkan kerana lilin yang menjadi penerang justeru dipadamkan. Hal yang logik adalah orang yang berulang tahun semestinya menyalakan lilin dan bukan meniupnya.

ibadah serta tradisi keagamaan hendaklah didasari dengan dalil yang jelas.

### 3. Syirik

Syirik, iaitu perbuatan menyekutukan Allah dengan salah satu di antara makhlukNya. Pemahaman syirik sebagaimana yang termaktub dalam al-Quran dan al-Sunnah tidak terbatas pada perbuatan sujud kepada berhala sahaja, tetapi syirik memiliki bentuk yang bermacam-macam. Orang yang melakukan perbuatan syirik disebut dengan Musyrik.

Syirik terbahagi kepada dua bahagian iaitu *syirik Jaliy* (terang-terangan) dan *syirik khafi* (terselubung). *Syirik jali*, iaitu bentuk kesyirikan yang jelas dan terang-terangan seperti menyembah patung, berhala, bintang, matahari dan bulan serta makhluk-makhluk yang lain. *Syirik khafi*, adalah bentuk kesyirikan yang terselubung seperti beribadah kepada Allah *Subhānahū Wata 'ālā* hanya kerana mau dipuji, dan lain-lain bentuk tujuan yang terselubung di balik ibadah kepada Allah.

Syirik dapat terjadi melalui beberapa jenis perbuatan dan *i'tiqad* yang keliru seperti:

- 1) Meyakini bahawa ada yang dapat memberi manfaat dan memberi serta mendatangkan malapetaka selain Allah *Subhānahū Wata 'ālā*.<sup>100</sup>
- 2) Memuja kepada sesuatu yang dianggap memiliki kekuatan ghaib dengan keyakinan bahawa kekuatan

---

<sup>100</sup>Lihat (Q.S. Al-Baqarah (2): 102).

tersebut dapat mendekatkan diri kepada Allah *Subhānahū Wata'ālā*.<sup>101</sup>

- 3) Memohon pertolongan kepada orang mati, roh, atau jin untuk memudahkan urusan.<sup>102</sup>
- 4) Beranggapan bahawa aturan, hukum-hakam buatan manusia, lebih baik dari hukum-hakam Allah *Subhānahū Wata'ālā*, atau menghalalkan sesuatu yang diharamkan dan sebaliknya mengharamkan sesuatu yang dihalalkan.<sup>103</sup>
- 5) Melakukan perbuatan sihir.<sup>104</sup>

Perbuatan syirik dalam agama Islam merupakan perbuatan dosa besar dan sangat dibenci oleh Allah *Subhānahū Wata'ālā*, kerana orang yang melakukan perbuatan syirik dianggap sebagai perbuatan kezaliman yang tiada tandingannya.<sup>105</sup> Menyekutukan Allah *Subhānahū Wata'ālā* bererti melakukan dua kesalahan sekaligus.

*Pertama*; menurunkan darjat Allah *Subhānahū Wata'ālā* dari darjat ketuhanan yang Maha Agung, Maha pencipta, Pemilik segala kerajaan, menjadi sejajar dengan makhlukNya yang terikat dan terbatas sesuai dngan *sunnatullahnya*.

---

<sup>101</sup>Lihat (Q.S. Azzumar (39): 3)

<sup>102</sup>Lihat (Q.S. Yūnūs (10): 18 dan Q.S. al-Jīn (72): 6)

<sup>103</sup>Lihat (Q.S. At-Taubah (9): 31), (Q.S. An-Nahl (16): 35), (Q.S. An-Nisa' (4): 65) dan (Q.S. Ass-Syura (42): 21).

<sup>104</sup>Lihat (Q.S. Yūnūs (10): 81).

<sup>105</sup>(Q.S. Luqman (31): 13)

*Kedua*; menaikkan derajat yang disekutukan dari derajat makhluk yang diciptakan dan punya ketergantungan dengan Allah *Subhānahū Wata'ālā* kepada derajat ketuhanan. Bahkan benda matipun yang tidak memberikan manfaat dan *muḍarat* serta tidak dapat meninggalkan tempatnya tanpa bantuan makhluk yang lain seperti batu, pohon, patung turut disejajarkan dengan keagungan Allah *Subhānahū Wata'ālā*.

Perbuatan syirik merupakan dosa yang paling besar di sisi Allah *Subhānahū Wata'ālā* sebab dosa-dosa yang lain masih berpeluang untuk diampunkan oleh Allah, sementara dosa syirik tidak terampunkan jika pelakunya meninggal sebelum ia bertaubat.<sup>106</sup>

Oleh kerana itu, al-Quran dan al-Hadith sangat menekankan pentingnya meninggalkan perbuatan syirik mahupun segala bentuk keyakinan dan perbuatan yang dapat membawa kepada pemujaan selain Allah. Bahkan di beberapa firman Allah *Subhānahū Wata'ālā* disebutkan bahawa orang-orang Musyrik akan dimasukkan ke dalam neraka bersama-sama sembahannya.<sup>107</sup>

### **C. Nifaq**

*Nifaq* adalah salah satu perbuatan yang dapat merosak iman dan membatalkannya. *Nifaq* adalah perbuatan menzahirkan keislaman dengan lisan tetapi tidak melaksanakan ajaran Islam dengan hati dan amalan. Orang yang melakukan perbuatan *nifaq* disebut dengan orang Munafiq. Dalam diri orang Munafiq terjadi *dualisme* antara

---

<sup>106</sup>(Q.S. An-Nisa' (4): 48)

<sup>107</sup>(Q.S. al-Baqarah (2) : 24)

perbuatan zahir dan keyakinan dalam hati. Antara kebaikan zahiriah dan kejahatan batiniyah.

Orang Munafiq memiliki kehidupan yang tidak tenteram kerana *dualisme* yang ada dalam dirinya. Ia sentiasa terumbang-ambing dan tidak tentu arah kerana pergolakan jiwa raga yang tidak memiliki kata pasti dan ketetapan hati. Oleh al-Quran orang Munafiq diistilahkan dengan *Mudzabzabin*.<sup>108</sup> Sifat-sifat orang Munafiq yang suka mencari muka dan keuntungan sesaat telah dirakam oleh Allah *Subhānahū Wata'ālā* dengan jelas dalam (Q.S.al-Baqarah (2): 14).

﴿وَإِذَا لَعُوقُوا الَّذِينَ آمَنُوا قَالُوا آمَنَّا وَإِذَا خَلَوْا إِلَىٰ شَيَاطِينِهِمْ قَالُوا إِنَّا مَعَكُمْ

إِنَّمَا نَحْنُ مُسْتَهْزِئُونَ﴾

Tafsirnya:

Dan apabila mereka bertemu dengan orang-orang yang beriman, mereka berkata: "Kami telah beriman", dan apabila mereka kembali kepada syaitan-syaitan mereka, mereka berkata pula: "Sesungguhnya kami tetap bersama kamu, sebenarnya kami hanya memperolok-olok (akan orang-orang yang beriman)".

Dalam surah al-Baqarah Allah menyebutkan bahawa perangai *nifaq* merupakan satu penyakit yang sangat merugikan meskipun pada hakikatnya orang Munafiq adalah orang yang sentiasa mencari keuntungan di sebalik kepura-puraannya.<sup>109</sup>

---

<sup>108</sup>(Q.S. An-Nisa' (4): 143)

<sup>109</sup>(Q.S. al-Baqarah (2): 10)

*Nifaq* terbahagi kepada dua jenis iaitu *nifaq i`tiqadi* (keyakinan), dan *nifaq `amali* (perbuatan).

### 1. *Nifaq i`tiqadi*

Iaitu orang kafir yang menampakkan keislamannya dengan berpura-pura sebagai orang yang taat menjalankan rukun Islam, namun sebenarnya ia menyembunyikan kekufurannya. *Nifaq* jenis ini sangat berbahaya pada agama Islam dan umat Islam kerana merupakan musuh dalam selimut yang berpura-pura baik dan simpati kepada umat Islam dan agamanya namun dalam hatinya dipenuhi perasaan benci dan dengki.

Jenis *nifaq* ini diberi ancaman oleh Allah *Subhānahū Wata`ālā* yang cukup serius. Menurut al-Quran orang kafir yang Munafiq jauh lebih berbahaya daripada orang fasiq. Bahkan jauh lebih berbahaya lagi dari orang kafir biasa. Orang kafir biasa, nampak dengan jelas kekufurannya dan dapat diketahui bahawa ia adalah musuh Allah. Oleh kerana itu, umat Islam dapat berwaspada dari kejahatan mereka. Adapun orang Kafir dan ia Munafiq sangat susah dikenali sebagai musuh Allah, kerana ia sangat pandai berpura-pura di balik tingkah lakunya yang terkesan santun dan baik. Itulah sebabnya *nifaq* jenis ini akan diganjar dengan neraka yang paling bawah.<sup>110</sup> Iaitu

---

<sup>110</sup>Lihat (Q.S. An-Nisa' (4): 145). Yang tafsirnya: "Sesungguhnya orang-orang Munafik itu ditempatkan pada tingkatan yang terke bawah sekali dari (lapisan-lapisan dalam) neraka. Dan engkau tidak sekali-kali akan mendapat sesiapa pun yang boleh menolong mereka".

suatu balasan yang jauh lebih berat daripada seksa orang-orang fasiq mahupun orang-orang kafir biasa.

Di antara perbuatan yang masuk dalam kategori *nifaq i'tiqadi* adalah seperti berikut:

- 1) Orang yang menampakkan keislamannya namun ia mendustakan apa yang datang daripada Allah *Subhānahū Wata'ālā* atau mendustakan sebahagian daripada yang datang dari Allah *Subhānahū Wata'ālā* seperti mendustakan al-Quran atau mendustakan sebahagian isi kandungan al-Quran.
- 2) Orang yang menampakkan keislamannya, namun ia mendustakan Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* atau apa yang datang daripadanya atau sebahagian daripada apa yang datang dari Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam*. Seperti tidak percaya dengan kerasulan Nabi Muhammad *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* atau mendustakan ucapan-ucapan dan perintah beliau. Termasuk dalam golongan ini adalah *inkarussunnah* (ingkar terhadap hadith-hadith Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam*).
- 3) Orang yang menampakkan keislamannya, namun ia benci terhadap kejayaan dan kemenangan umat Islam serta bergembira dengan kekalahan umat Islam dan kemundurannya.

*Nifaq i'tiqadi* inilah yang paling banyak berlaku di kota Madinah semasa Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam*. Banyak orang kafir yang berpura-pura masuk Islam, padahal hakikatnya hatinya masih benci pada Rasulullah dan ajaran Islam.

## 2. *Nifaq 'Amali*

Iaitu *nifaq* kerana perbuatan dan amalan bukan kerana *i'tiqad* atau keyakinan. *Nifaq* jenis ini lebih rendah darjatnya dari *nifaq i'tiqdi* kerana jenis *nifaq* ini tidak mengeluarkan orang yang berkenaan daripada agama Islam sehingga segala bentuk hukum-hakam Islam masih berlaku baginya, bahkan umat Islam selayaknya memperlakukannya sebagai seorang Mu'min. Di antara ciri-ciri *nifaq 'amali* adalah:

- a. Jika bercakap ia bohong.
- b. Jika berjanji ia mungkir.
- c. Jika diberi amanah ia khianat.
- d. Jika bersumpah ia menipu.<sup>111</sup>

Orang Munafiq sangat susah untuk dikenali, kerana mereka sangat pandai menyembunyikan kekufuran dan *nifaqnya*. Itulah sebabnya Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* memberi tahu kepada sahabat-sahabatnya secara khusus dan umatnya secara umum ciri-ciri orang Munafiq agar mudah dikenali. Selain ciri-ciri yang telah disebutkan, orang Munafiq memiliki perbezaan sikap yang nyata dengan orang Mu'min. Secara umum di antara sifat-sifat orang Munafiq yang berbeza dengan orang Mu'min adalah:

- 1) Orang beriman sentiasa mengajak dan memerintahkan orang lain untuk melakukan kebajikan, sebaliknya orang Munafiq gemar memerintahkan orang lain untuk melakukan kemungkaran. Orang Munafiq juga menjadi

---

<sup>111</sup>Sifat-sifat tersebut bersesuaian dengan hadith Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah. Lihat al-Baihaqi, *Ma'rifah al-Sunan Wa al-Athār*, Bab al-Wadi'ah 10/489

penghalang dalam melaksanakan kebaikan. Untuk menjelaskan sifat orang Munafiq tersebut Allah *Subhānahū Wata'ālā* berfirman (Q.S. Attaubah (9): 67.

﴿الْمُنَافِقُونَ وَالْمُنَافِقَاتُ بَعْضُهُمْ مِنْ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمُنْكَرِ  
وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمَعْرُوفِ وَيَقْبِضُونَ أَيْدِيَهُمْ نَسُوا اللَّهَ فَنَسِيَهُمْ إِنَّ  
الْمُنَافِقِينَ هُمُ الْفَاسِقُونَ﴾

Tafsirnya:

Orang-orang munafik lelaki dan perempuan, setengahnya adalah sama dengan setengahnya yang lain; mereka masing-masing menyuruh dengan perbuatan yang jahat, dan melarang dari perbuatan yang baik, dan mereka pula menggenggam tangannya (bakhil kedekut). Mereka telah melupakan (tidak menghiraukan perintah) Allah dan Allah juga melupakan (tidak menghiraukan) mereka. Sesungguhnya orang-orang munafik itu, merekalah orang-orang yang fasik.

- 2) Orang Mu'min tidak menggantungkan harapannya kepada siapa-siapa kecuali hanya kepada Allah *Subhānahū Wata'ālā*, tetapi orang munafik sentiasa menggantungkan harapannya kepada siapa sahaja, namun ia tidak menggantungkan harapannya kepada Allah *Subhānahū Wata'ālā*.
- 3) Orang Mu'min merasa aman dan tidak takut dari segala makhluk Allah *Subhānahū Wata'ālā* kecuali ia takut kepada Allah, tetapi orang Munafiq takut kepada semua makhluk Allah *Subhānahū Wata'ālā*

namun ia tidak takut kepada Allah *Subhānahū Wata'ālā*.

- 4) Orang Mu'min sejalan antara lidah dan hatinya tetapi orang Munafiq terjadi perbezaan antara lidah dan hati, antara perbuatan *sir* (rahsia) dengan perbuatan terang-terangan.

Pencegahan *nifāq* dapat dilakukan dengan membiasakan diri mencontohi perilaku dan sifat-sifat Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* seperti berkata jujur, menjaga amanah dan menepati janji.

## BAB VII

### AHLI SUNNAH WALJAMA'AH

#### A. Definisi Ahli Sunnah Waljama'ah

Penamaan Ahli Sunnah Waljama'ah oleh sebahagian orang masih sering menjadi tanda tanya, apakah hakikat Ahli Sunnah Waljama'ah itu? Siapa yang berhak memakai nama Ahli Sunnah Waljama'ah? Apakah Ahli Sunnah Waljama'ah adalah mazhab Syafi'i, ataukah Ahli Sunnah Waljama'ah sama dengan Wahabiyyah? Masih banyak pertanyaan-pertanyaan berikutnya yang mesti terjawab untuk mengetahui hakikat Ahli Sunnah Waljama'ah yang sebenarnya. Hal itu dirasa perlu agar umat Islam secara umum dan penganut faham Ahli Sunnah Waljama'ah dapat membezakan mana Ahli Sunnah Waljama'ah dan mana yang menjadikan nama Ahli Sunnah Waljama'ah untuk populariti golongan dan mazhab.

Ahli Sunnah Waljama'ah terdiri dari tiga kata iaitu *Ahl* (*ahlun*), *sunnah* dan *jamā'ah*. *Ahl* (*ahlun*) menurut bahasa bererti sanak famili, keluarga dan handai taulan, atau juga bererti pemilik, golongan dan pengikut.<sup>112</sup>

---

<sup>112</sup>*Mu'jam Maqāyis al-Lughah*, kata *Ahlun*, h.150,

Sementara sunnah adalah tabiat, perilaku, jalan hidup, perbuatan yang meliputi ucapan, tindakan dan ketetapan Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam*.<sup>113</sup> Adapun *Jamā’ah* adalah sekumpulan orang atau majoriti ummah,<sup>114</sup> tetapi yang dimaksudkan dalam definisi ini adalah *jamā’ah* para sahabat Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* dan *tabi’in* .

Ahli Sunnah Waljama‘ah semestinya difahami secara sempurna, kerana ia adalah satu kesatuan makna yang membentuk satu definisi. Memahami istilah tersebut dengan sepotong-sepotong akan memberikan pemahaman lain atau mengurangi maksud dari Ahli Sunnah Waljama‘ah.

Berdasarkan dari definisi Ahli Sunnah Waljama‘ah secara etimologi tersebut, maka secara terminologi, Ahli Sunnah Waljama‘ah adalah: “*Golongan majoriti umat Islam yang sentiasa berpegang teguh pada ajaran dan sunnah Rasulullah Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam dan jejak hidup para sahabatnya*”. Definisi tersebut mengandungi beberapa unsur penting dalam memberikan pemahaman tentang Ahli Sunnah Waljama‘ah.

*Pertama*; Ahli Sunnah Waljama‘ah adalah majoriti umat Islam, ia merupakan pegangan beragama umat Islam dari masa ke masa sejak Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* sampai akhir zaman. Ibarat satu sungai, maka Ahli Sunnah Waljama‘ah adalah induk sungai atau arus utama, sementara aliran-aliran lain merupakan cabang-cabang kecil yang menyimpang dari arus perdana tersebut.

---

<sup>113</sup>Muhammad ‘Ajjāj al-Khātib, (1988), *al-Sunnah Qabla al-Tadwīn*, Cet. II, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 17,

<sup>114</sup>*Kamus Besar Bahasa Indonesia*, Kata Jama‘ah.

*Kedua*; Definisi Ahli Sunnah Waljama‘ah bukan terhenti pada definisi mengikuti sunnah Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* sahaja, tetapi mesti dilanjutkan dengan mengikuti pemahaman para sahabat dan ulama-ulama mu‘tabar yang tidak diragukan keilmuannya. Penyempurnaan definisi tersebut amatlah penting kerana sunnah sahabat adalah cermin dari ajaran dan didikan Rasulullah serta tafsiran dari sunnahnya. Itulah sebabnya Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam*, bersabda sebagaimana dalam hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Mas‘ud *Raḍiyallahu ‘Anhu*:

عليكم بسنتي وسنة الخلفاء الراشدين المهديين (رواه الترمذي)<sup>115</sup>

Maksudnya:

Berpegang teguhlah pada sunnahku dan sunnah para khulafa’ al-Rashidin yang telah mendapat petunjuk.

Inilah yang sering dilupakan oleh sebahagian orang dalam melihat satu persoalan, kerana tidak lagi kembali kepada realiti kehidupan para sahabat Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam*, tetapi memberikan penafsiran dan pemahaman yang terputus dari apa yang dipraktikan oleh para sahabat Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam*.

## **B. Ciri-Ciri Ahli Sunnah Waljama‘ah**

Dewasa ini cukup banyak aliran-aliran Islam yang menamakan dirinya Ahli Sunnah Waljama‘ah. Bahkan banyak organisasi yang menjadikan Ahli Sunnah Waljama‘ah sebagai asas kefahaman mereka. Namun jika

---

<sup>115</sup>Muhammad bin ‘Īsa Al-Turmudziy, (t. th), *Sunan al-Turmudziy*, Kitab al-‘Ilmi, Beirut: Dār Ihyā Turath al-‘Arabi, No. Hadith 2676.

dilihat dari segi pengamalan keagamaan, justeru amalan-amalan mereka banyak yang bercanggah dengan pemahaman Ahli Sunnah Waljama'ah. Ada yang bercanggah kerana mengamalkan amalan-amalan khurafat dan bid'ah yang tanpa dasar dari agama Islam. Namun ada pula yang bercanggah kerana membid'ahkan hal-hal yang tidak semestinya dibid'ahkan.

Atas dasar kenyataan ini maka adalah penting perbahasan ini menampilkan ciri-ciri utama Ahli Sunnah Waljama'ah agar umat Islam tidak tertipu dengan penamaan tersebut. Di antara ciri-ciri Ahli Sunnah Waljama'ah adalah seperti berikut:

### **1. Percaya pada rukun Iman**

Ahli Sunnah Waljama'ah adalah golongan yang percaya pada enam rukun Iman.<sup>116</sup> Ciri-ciri ini menjadikan Ahli Sunnah berbeza dengan Mu'tazilah. Ia dianggap keluar dari Ahli Sunnah Waljama'ah kerana asas keimanan mereka adalah *al-Uşul al-khamsah*.

Begitu juga Qadariyyah terkeluar dari Ahli Sunnah Waljama'ah kerana tidak beriman kepada Qada' dan Qadar Allah *Subhānahū Wata'ālā*. Qadariyyah beranggapan bahawa segala bentuk takdir manusia ditentukan oleh manusia sendiri.

Syi'ah juga bukan golongan Ahli Sunnah Waljama'ah kerana Syi'ah menjadikan *imamah* sebagai bahagian dari rukun iman sehingga dalam pandangan Syi'ah siapa sahaja yang tidak beriman kepada masalah *imamah* dianggap tidak sempurna keimanannya.

---

<sup>116</sup>Rukun Iman adalah: Iman kepada Allah *Subhānahū Wata'ālā*, para malaikatNya, kitab-kitabNya, rasul-rasulNya, Hari Qiamat, Qada dan Qadar.

Aliran-aliran yang mempercayai adanya Nabi setelah di utusnya Nabi Muhammad *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* juga bukan bahagian dari Ahli Sunnah kerana akidah mereka sudah terpesong dalam perkara kenabian.

## **2. Mengikuti cara-istinbat imam empat mazhab**

Dalam berfiqh, Ahli Sunnah Waljama‘ah mengikut cara *istinbat* hukum imam empat mazhab. Dari ciri-ciri ini keluarlah kelompok yang tidak mengikut cara *istinbat* imam empat mazhab seperti Syi‘ah yang tidak mengakui empat mazhab fiqh Ahli Sunnah tersebut.

Begitu juga kelompok yang sentiasa menyeru umat Islam untuk kembali kepada al-Quran dan al-Sunnah serta meninggalkan mazhab kerana menganggap bermazhab itu bid‘ah. Pemikiran tidak bermazhab ini sebenarnya sangat susah untuk diterima oleh akal fikiran yang sihat. Bagaimana mungkin umat Islam pada saat sekarang ini kembali kepada al-Quran dan al-Sunnah sementara majoriti umat Islam tidak memahami bahasa ‘Arab dengan baik mahupun kaedah-kaedah *istinbat* hukum. Propaganda tidak bermazhab akhirnya memberi peluang kepada munculnya beribu-ribu mazhab. Hal itu disebabkan kerana setiap kelompok dengan bebas memahami al-Quran dan al-Hadith sesuai dengan kepentingan masing-masing.

## **3. Berperasangka baik kepada para sahabat**

Ahli Sunnah Waljama‘ah sentiasa berperasangka baik terhadap para sahabat Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* kerana mereka adalah *Raḍiyallahu ‘Anhu*, telah diredhai oleh Allah *Subḥānahū Wata‘ālā*. Dari ciri ini maka terkeluarlah Syi‘ah kerana mereka menghina sahabat-sahabat Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* terutama

Abu Bakar Aṣiddīq dan ‘Umar bin Khattab. Bahkan kelompok Syi‘ah tidak segan-segan mengkafirkan para Sahabat termasuk isteri Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* Ummul Mu‘minin ‘Aisyah *Radhiyallahu ‘Anhā*.

Pemikiran tidak hormat kepada sahabat-sahabat Rasulullah sangatlah berbahaya sebab majoriti ajaran Islam diterima melalui riwayat para sahabat. Jika sifat ‘*adālah* (keadilan), kejujuran, wara’ dan sifat-sifat terpuji lainnya tidak lagi diperakui pada sahabat-sahabat Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam*, itu sama saja umat Islam telah kehilangan begitu banyak shari‘at Islam.

#### **4. Tidak mengkafirkan sesama Muslim**

Salah satu di antara ciri-ciri Ahli Sunnah Waljama‘ah adalah tidak mengkafirkan umat Islam yang telah mengucapkan dua kalimah shahadah. Ahli Sunnah Waljama‘ah mengutamakan kesatupaduan ummah, mencari keselamatan ummah serta menghindarkan ummah dari segala bentuk perpecahan dan perbalahan yang dapat merugikan umat Islam.

Dari ciri ini terkeluarlah Khawarij yang tidak segan-segan mengkafirkan sesama Muslim yang dianggap sebagai pelaku dosa besar. Begitu juga aliran-aliran yang mewarisi cara berfikir Khawarij seperti Salafiyyah Wahabiyyah dan aliran-aliran yang membuat kelompok Islam eksklusif yang membid‘ahkan komuniti Muslim yang tidak selari dengan pemahaman keagamaan mereka. Bagi Salafiyyah Wahabiyyah, Muslim yang hanya sekadar bertauhid *Rububiyyah* dianggap sama sahaja dengan orang-orang musyrik dan orang-orang kafir.

## 5. Bertasawwuf tidak boleh bercanggah dengan akidah dan shari‘ah

Ciri khas tasawwuf Ahli Sunnah Waljama‘ah adalah menggali nilai-nilai murni dan akhlak mulia dari al-Quran dan al-Sunnah dengan tetap mengikut pendapat ulama-ulama mu‘tabar (berotoriti) dalam menafsirkan al-Quran dan al-Hadith. Oleh kerana itu tasawwuf yang diperakui oleh Ahli Sunnah Waljama‘ah adalah tasawwuf yang tidak bercanggah dengan akidah dan shari‘ah.

Dari ciri ini maka keluarlah *tasawwuf falsafi*, mahupun ajaran-ajaran *tasawwuf batini*. Iaitu tasawwuf yang mendasarkan ajaran tasawwufnya pada falsafah yang menyimpang dari akidah Islam. Termasuk di antaranya tassawuf yang bercorak *ittihad* mahupun bercorak *hulul* dan *panteisme*.<sup>117</sup>

Dalam hal ini tasawwuf yang diperakui dalam Ahli Sunnah Waljama‘ah adalah tasawwuf yang dikembangkan oleh al-Junaid dan Imam al-Ghazāli serta ulama-ulama yang sehaluan dengannya.

### C. Ahli Sunnah Waljama‘ah dan Salafiyah

Ahli Sunnah Waljama‘ah pada awalnya bukanlah merupakan satu aliran atau sekte dalam Islam tetapi ia adalah fahaman keagamaan yang turun-temurun dari

---

<sup>117</sup>Faham *hulūl* adalah ajaran tasawwuf yang meyakini bahawa Allah dapat menyatu dengan hambanya yang bersih dan suci. Ajaran tasawwuf ini dikembangkan oleh al-Hallāj. Adapun tasawwuf *ittihad* adalah keyakinan bahawa manusia-manusia yang bersih dan mencapai darjat fana’ dapat menyatu dengan Allah *Subhānahū Wata‘ālā*. Ajaran tasawwuf ini dikembangkan oleh Abu Yazid al-Bustami. Konsep tasawwuf *panteisme* adalah ajaran tasawwuf yang meyakini bahawa Allah menjelma pada setiap makhluknya. Tasawwuf ini dikembangkan oleh Ibnu ‘Arabiy.

Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam*, Kemudian dilanjutkan oleh para sahabatnya sampai kepada umat Islam dewasa ini. Faham keagamaan tersebut dipraktikkan secara berjama‘ah oleh majoriti umat Islam. Pemahaman keagamaan Ahli Sunnah Waljama‘ah mampu tumbuh dan berkembang sesuai dengan tuntutan zaman dan keadaan budaya serta tradisi setempat kerana ia adalah faham keagamaan yang moderat, *la tafrita walā ifrāta fī al-dīn* (tidak terlalu ekstrim dan tidak juga terlalu memudahkan persoalan keagamaan) tetapi ia adalah *Wasāṭiyyah* (seimbang).

Ahli Sunnah Waljama‘ah pada period-period pertama Islam yang dikenal dengan ulama salaf memberikan argumen keagamaan lebih banyak memakai *naṣ* kerana pemahaman mereka masih segar terhadap apa yang disampaikan oleh Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam*. Di samping itu umat Islam belum terlalu tersebar ke seluruh pelusuk dunia. Majoriti umat Islam adalah orang ‘Arab yang masih fasih berbahasa ‘Arab. Penyampaian keagamaan hanya berkisar pada lingkup orang-orang ‘Arab dan orang Islam yang memahami dengan baik erti daripada *naṣ* al-Quran dan al-Hadith sehingga tidak diperlukan cara berfikir mutakallim yang memakai pendekatan akal.

Hal ini berbeza pada akhir abad kedua dan awal abad ke tiga, apabila bangsa Parsi dan Romawi banyak yang memeluk Agama Islam, mereka tidak memahami bahasa ‘Arab sehingga umat islam semakin banyak yang susah berinteraksi dengan al-Quran dan al-Sunnah. Di samping itu pada abad tersebut aktiviti penerjemahan sangat digalakkan. Buku-buku falsafah Rom dan falsafah

ketuhanan India banyak diterjemahkan ke dalam bahasa ‘Arab sehingga menyebabkan agama Islam menghadapi cabaran yang begitu banyak dari segi pemikiran.<sup>118</sup>

Keadaan seperti ini menjadikan agama Islam tidak dapat bertahan dengan hanya sekadar menyampaikan *naṣ*, apalagi menyampaikan argumen kepada para ahli falsafah dan ahli-ahli agama Kristian dan Yahudi yang banyak berdebat dengan umat Islam. Oleh kerana itu, muncullah aliran-aliran pemikiran Islam tampil membela agama Islam dari kritikan yang dilontarkan kepada agama Islam baik dari segi ketuhanan mahupun kenabian dan *ghaibiyāt*. Salah satu Aliran yang paling aktif adalah Mu‘tazilah sebagai kelompok rasionalis Islam, namun disayangkan beberapa pendapat Mu‘tazilah menyimpang dari faham Ahli Sunnah Waljama‘ah, di antaranya adalah :

- 1) Pemahaman bahawa al-Quran itu baru. Padahal sebelumnya para sahabat tidak pernah memahami seperti itu sehingga dengan pemahaman yang dipaksakan ini kepada umat Islam, muncullah kemudian *Fitnah al-Kubra*. Banyak ulama yang mengalami penyeksaan dan tekanan agar menerima konsep al-Quran dan *Kalam Allah* yang lain adalah baru.
- 2) Pemahaman bahawa baik dan buruk itu tidak ada sangkut pautnya dengan wahyu tetapi mengetahui baik dan buruk kembali kepada akal manusia. Apa

---

<sup>118</sup>Syauqiy Ḍaif, (t. th), *Tarikh al-Adab al-‘Arabiyy* (al-‘Asru al-‘Abbās al-Awwal), Cet. IV, Kaherah: Dār al-Ma‘ārif, h. 17.

yang dikatakan akal manusia baik maka itu adalah kebaikan. Sebaliknya apa yang dicela oleh manusia maka hakikatnya itu adalah tidak baik.

- 3) Tidak mengimani Qada' dan Qadar kerana beranggapan bahawa manusia memiliki kebebasan mutlaq dalam mengurus segala perangkat atau panca indera yang dimilikinya. Turut campurnya Allah *Subhānahū Wata'ālā* dalam Qada' dan Qadar manusia bererti Allah tidak lagi dianggap adil terhadap hamba-hambanya.

Semakin berkembangnya aliran-aliran Islam yang menyebabkan timbulnya fitnah di kalangan umat Islam. Di puncak kejayaan Mu'tazilah tampillah Ahmad bin Hanbal (164-241H) menyerukan agar supaya umat Islam kembali kepada pemahaman beragama para sahabat Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasalam* dengan tidak menta'wil ayat-ayat al-Quran dan hadith Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasalam*. Pemikiran Ahmad bin Hanbal tersebut dapat difahami kerana beliau hidup pada masa fitnah *khalq al-Quran* yang disebarkan oleh Mu'tazilah. Bahkan Imam Ahmad bin Hanbal dimasukkan dalam penjara dalam kurun waktu yang cukup lama. Bukan itu saja, beliau turut mengalami penyiksaan oleh para penguasa Bani 'Abbasiyyah yang berhaluan Mu'tazilah.

Sebenarnya jika pemikiran Ahmad bin Hanbal dikaji dengan saksama maka sesungguhnya beliau juga menggunakan *ta'wil* terhadap ayat-ayat al-Quran. Misalnya ketika Ahmad bin Hanbal menafsirkan firman Allah *Subhānahū Wata'ālā* (Q.S. An Nisa (4): 56)

﴿إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِآيَاتِنَا سَوْفَ نُصْلِيهِمْ نَارًا كَلَّمًا تَضَحَّتْ جُلُودُهُمْ  
بَدَلْنَاَهُمْ جُلُودًا غَيْرَهَا لِيَذُوقُوا الْعَذَابَ﴾

Tafsirnya:

Sesungguhnya orang-orang yang kufur ingkar kepada ayat-ayat keterangan kami, Kami akan membakar mereka dalam api neraka. tiap-tiap kali kulit mereka masak hangus, Kami gantikan untuk mereka kulit yang lain supaya mereka dapat merasa azab sengsara itu.

بَدَّلْنَاَهُمْ (*Baddalnāhum*) ditafsirkan oleh Ahmad bin Hanbal *Gayarnāhum*. Ini adalah salah satu bentuk *ta'wil*. Barangkali *ta'wil* yang ditentang oleh Ahmad bin Hanbal adalah *ta'wil* yang bebas tanpa kaedah. Iaitu *ta'wil* yang tidak bersesuaian dengan prinsip-prinsip penafsiran al-Quran.

Pemikiran tidak menta'wil tersebut dikembangkan berikutnya oleh seorang ulama yang cukup terkenal iaitu Ibnu Hazm al-Zahiriy yang hidup pada tahun (384-456H). Ibnu Hazm meskipun terkenal dengan aliran zahirinya namun beliau dalam mendepani aliran-aliran Islam bahkan penganut agama Yahudi dan Nasrani banyak memakai cara-cara *Mutakallimin*.

Pada abad ketujuh Hijriyyah seorang tokoh Islam yang produktif menulis dan berdakwah iaitu Ibnu Taimiyyah (661-728H/1263-1328M) tampil untuk mengembalikan umat Islam kepada pemikiran salaf. Ibnu Taimiyyah sangat menentang filosof, dan metod *kalami*, namun pada saat yang sama Ibnu Taimiyyah justeru banyak menggunakan cara-cara ulama *kalam* dalam berdebat. Salaf yang dimaksudkan Ibnu Taimiyyah adalah Ahmad bin Hanbal.

Pemikiran-pemikiran Ibnu Taimiyyah dapat difahami apabila kita melihat latar belakang kehidupan Ibnu Taimiyyah yang hidup pada masa kejatuhan Dinasti ‘Abbasiyyah di Baghdad. Beliau menyaksikan pembantaian ulama-ulama yang dilakukan oleh tentera Tatar Mongol di bawah pimpinan Khulagu Khan. Beliau juga menyaksikan banyaknya umat Islam yang terjerumus dalam amalan-amalan khurafat pada masa itu, kerana kota Baghdad bukan saja di huni oleh majoriti berhaluan Ahli Sunnah Waljama‘ah namun kota Baghdad di huni pula oleh orang-orang Syi‘ah, Karramiyyah dan aliran-aliran lain yang sudah terpesong akidahnya.

Dengan melihat latar belakang kehidupan Ibnu Taimiyyah maka sangat keliru jika pemikiran Ibnu Taimiyyah pada saat ini ingin diterapkan kembali dalam masyarakat yang berbeza dengan keadaan sosial di masa Ibnu Taimiyyah. Pemikiran Ibnu Taimiyyah kemudian dikembangkan oleh muridnya Ibnu al-Qayyim al-Jauziyyah (691-751H). Beliaulah yang memperkenalkan kembali karya-karya Ibnu Taimiyyah serta pemikiran-pemikirannya.

Pada Abad ke XVIII Masehi muncul seorang tokoh Muhammad bin ‘Abdul Wahhab (1115-1201H/1703-1787M) yang mendengungkan kembali kepada pemahaman salaf, namun pemahaman keagamaan yang dibawa oleh Muhammad bin Abdul Wahhab sangat jauh dengan pemahaman Ahli Sunnah Waljama‘ah. Muhammad bin Abdul Wahhab gagal memisahkan Islam sebagai inti ajaran di satu sisi dan praktik keagamaan sebagai simbol-simbol keagamaan di sisi yang lain sehingga hanya mengenal antara sunnah dan bid‘ah. Bahkan pemahaman Muhammad bin Abdul Wahhab membolehkan memerangi kelompok

atau negara serta penguasa yang didakwa sebagai pelaku bid'ah.<sup>119</sup>

Muhammad bin 'Abdul Wahhab malah mengembangkan pemikiran Khawarij yang mengkafirkan sesama Muslim yang dianggap tidak sehaluan dengan pemikiran beliau. Lebih parah lagi dengan terbentuknya kemudian komuniti Wahabiyyah yang membentuk kelompok Muslim eksklusif dan gemar membid'ahkan kelompok lain yang dianggap tidak menjalankan sunnah Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam*.

#### **D. Ahli Sunnah Waljama'ah dan Ash'ariyyah**

Di tengah puncak kejayaan Mu'tazilah dan ketidak upayanya para ulama mematahkan argumen-argumen Mu'tazilah tampillah Abu Hasan al-Ash'ari (260-324H/873-935M) membela pemahaman Ahli Sunnah Waljama'ah dengan memberikan dalil-dalil yang logik sehingga beliau dikenali sebagai tokoh paling terkenal Ahli Sunnah Waljama'ah. Imam Abu Hasan al-Ash'ari mampu merumuskan kembali pemahaman-pemahaman Ahli Sunnah Waljama'ah yang mula dilupakan oleh umat Islam disertai dengan argumen yang bercorak *kalami*.

Metodologi berfikir Imam al-Ash'ari sangat relevan dengan masa itu, kerana Imam al-Ash'ari bukan hanya berhadapan dengan umat Islam yang dapat menerima apa

---

<sup>119</sup>Lihat dialog monumental antara Raja Muhammad bin Sa'ud dengan Muhammad bin 'Abdul Wahhāb dalam rangka memerangi apa yang mereka katakan bid'ah, peperangan demi peperangan dimenangkan oleh dua kubu tersebut yang kemudian melahirkan kerajaan baru yang bernama 'Arab Sa'udi. (Abdul Halim al-Jundi, (1986), *Muhammad ibn 'Abdul Wahhāb*, Cet. II, Kaherah: Dār al-Ma'ārif, h. 98).

adanya nash al-Quran dan al-Hadith sebagaimana pada masa sahabat dan *tabi'in*, tetapi yang dihadapi oleh Imam al-Ash'ari adalah kelompok rasionalis Mu'tazilah serta para filosof Muslim yang berusaha mencari persamaan antara agama dengan falsafah seperti al-Farabi (W. 950M), Ibnu Sina (W. 428 H/1037M), dan lain-lainnya.

Setiap aliran pasti mengalami pasang surut atau dinamika perkembangan, tanpa adanya dinamika pemikiran, inovasi baru dalam kaedah serta metodologi kajian maka dapat dipastikan aliran tersebut akan hilang bersamaan dengan semakin berkembangnya permasalahan manusia pada zamannya.

Ahli Sunnah Waljama'ah sebagai fahaman keagamaan umat Islam yang telah diterima turun temurun dari Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam* juga mengalami dinamika perkembangan. Di setiap zaman Ahli Sunnah Waljama'ah sentiasa memiliki tokoh-tokoh yang tampil mempertahankan cara beragama yang moderat tersebut.

Ahli Sunnah Waljama'ah jika dikaji dengan memakai pendekatan sejarah maka pada abad pertama sampai abad ketiga Hijrah belum berbentuk satu aliran kerana majoriti umat Islam masih memahami dengan baik al-Quran dan al-Sunnah.

Selepas abad ketiga Hijrah umat Islam banyak menghadapi cabaran kerana semakin banyaknya bangsa *ajam* (non 'Arab) yang memeluk agama Islam mahupun semakin banyaknya aliran-aliran Islam yang tampil memberikan penafsiran teologi terhadap al-Quran dan al-Sunnah berdasarkan kepentingan-kepentingan tertentu. Oleh kerana itu tampillah beberapa tokoh-tokoh Ahli

Sunnah Waljama'ah yang berhaluan khalaf mempertahankan kefahaman beragama Ahli Sunnah serta mendebat dan membantah metodologi yang digunakan aliran-aliran Islam seperti Mu'tazilah, Jabariah, Qadariyyah, Syi'ah Khawarij dan aliran-aliran lainnya.

Ulama-ulama sebelum abad ke tiga Hijrah majoriti adalah ulama Ahli Sunnah Waljama'ah baik dalam bidang Hadith, Tafsir, Fiqh dan cabang-cabang keilmuan yang lain. Namun dalam bidang akidah dan Ilmu Kalam tampil beberapa ulama Asha'irah membentengi pemahaman beragama Ahli Sunnah Waljama'ah.

### 1. Abu Hasan Al-Ash'ari (W. 324 H)

Beliau adalah Syekh Abu Hasan Ali bin Isma'il bin Abi Basyar, Ishak bin Salim bin Isma'il bin 'Abdullah bin Musa bin Bilal bin Abi Burdah bin Abi Musa al-Ash'ari, salah seorang sahabat Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam*. Imam Abu Hasan al-Ash'ari mempunyai garis keturunan dari sahabat yang mulia ini<sup>120</sup>. Tahun kelahirannya di perselisihkan, ada yang mengatakan tahun 260H namun ada juga yang mengatakan tahun 266 H, yang lain mengatakan 270 H.

Pendapat pertama merupakan pendapat majoriti penulis biografinya, sebagaimana pula sesuai dengan yang disebutkan dalam sejarah perpindahannya dari mazhab Mu'tazilah, iaitu ketika berumur empat puluh tahun. Pendapat inilah yang dianggap betul oleh al-Khatib al-Baghdadi.

---

<sup>120</sup>Al-Khātib al-Baghdādi, (1997), *Tārikh Baghdād*, Cet. I, jld 11, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 346.

Nama bapa beliau adalah Isma'il. Beliau adalah salah seorang Ahlisunnah Waljama'ah. Beliau meninggal ketika Imam al-Ash'ari masih kecil, oleh kerana itu Imam al-Ash'ari di bawah bimbingan suami ibunya (bapa tirinya) yang bernama al-Jubba'iy.

Imam Abu Hasan al-Ash'ari memiliki beberapa karangan yang menunjukkan kepakarannya dalam berbagai bidang terutama dalam bidang akidah. Di antara karangannya adalah seperti berikut:

**a. *Maqālāt al-Islāmiyyīn Wa Ikhtilāf al-Muṣallīn***

Buku ini diterbitkan dan ditahqiq oleh syekh Muhyiddin Abdul Hamid di Kaherah pada tahun 1340 H, atau tahun 1950 M. Pada tahun 1320 H-1321 H, atau tahun 1929-1930 M, Riter juga menerbitkannya di Istanbul kemudian diterbitkan yang kedua kalinya di Kasbawun Jerman tahun 1335 H/1963 M.

Dr. Jalal Musa mengatakan bahawa ada sebahagian orang yang meragukan kalau buku itu karangan Imam Abu Hasan al-Ash'ari, kerana buku-buku Imam al-Ash'ari memiliki ciri khusus *al-rudud* (bantahan). Metod yang dipakai dalam buku *Alluma'* dan *al-Ibānah* berbeza dengan metod yang dipakai dalam buku *Maqālāt*. Uslub yang dipakai dalam *Maqālāt* adalah uslub *jadal wad'iy* (*dialektika*).

**b. *Al-Luma' fī Al-Radd 'Alā Ahli Ziagh wa al-Bida'i***

Tidak ada yang meragukan kalau buku ini karangan Imam al-Ash'ari. Dalam buku tersebut Imam al-Ash'ari menjelaskan beberapa persoalan teologi yang merupakan bantahan terhadap Mu'tazilah. Buku tersebut menjelaskan mazhab Imam al-Ash'ari terutama yang menyangkut masalah pencipta alam semesta, al-Quran, *Iradah*, melihat Allah, Qadar, *al-Kisbi* (ikhtiar) dan kemampuan. Juga

membahas masalah keadilan, kecurangan, iman, janji dan ancaman serta masalah *Imāmah*.

**c. *Risalah ilā Ahli Thsagar bi Bāb al-Abwāb***

Buku ini ditahqiq dan diterbitkan oleh Dr. Galayand dengan judul "*Ahlu Sunnah Wa al-Jamā'ah*". Ibnu 'Asakir menamakan buku tersebut: "*Jawab masā'il kataba biha ilā Ahli Thsagar fī Tabyin mā sa'alūhu 'anhu min mazhabi Ahli al-hak'*". *al-Thagr* adalah satu tempat di *Bāb Abwāb*. Tempat tersebut dihuni oleh berbagai suku dengan bahasa yang berbeza-beza. Beberapa penulis menyebutkan bahawa bahasa yang ada di sana mencapai sekitar tujuh puluh bahasa. Begitu banyaknya bahasa sehingga adakalanya penghuni satu rumah tidak memahami bahasa jiran tetangganya.

Meskipun demikian *al-Thagr* merupakan kota yang sangat strategi kerana merupakan pintu masuk dan keluar bagi orang-orang Islam. Tempat tersebut berfungsi sebagai benteng pertahanan untuk orang Islam dan memberikan peringatan kepada umat Islam secepat mungkin jika ada serangan dari musuh-musuh Islam. Ada kemungkinan yang bertanya kepada Imam *al-Ash'ari* adalah ulama kota Thagar. Oleh kerana itu dalam muqaddimah risalahnya ia mengatakan: "*Amma Ba'du* wahai para ahli fiqhi serta sheikh-sheikh penduduk Thagar..."<sup>121</sup>.

Pembahasan buku tersebut mencakupi satu mukaddimah yang cukup panjang mengenai cara-cara memberikan alasan dan metodologi para rasul disertai penjelasan bahawa para rasul tidak mengajak umatnya menggunakan dalil *'arad* (sifat) sebagaimana yang dipakai oleh *Mu'tazilah*. Mukaddimah buku tersebut hampir seperdua dari isi buku tersebut. Imam *al-Ash'ari* dalam bukunya menjelaskan apa yang telah disepakati oleh oleh

---

<sup>121</sup> *Ash'ari, Risālah Ilā Ahli al-Thagar*, Tahqiq Dr. Jalayand. hal 31.

ulama-ulama Salaf dalam berbagai macam persoalan akidah berupa sifat, melihat Allah, Qadar, kenabian, iman, pelaku dosa besar, Azab kubur, jambatan Sirat, shafā‘at (permohonan ampun), sahabat dan sebagainya.

**d. *Al-Ibānah ‘An Uṣūl al-Diyānah***

Buku ini merupakan salah satu buku terpenting Imam al-Ash‘ari, dan buku ini jugalah yang paling mengundang polemik, kerana buku tersebut mencakup dimensi akidah yang berbeza dengan pengikut Imam al-Ash‘ari yang datang kemudian terutama sekali menyangkut *sifat khabariyyah*, keberadaan Allah di atas Arash serta bersinggahsana.

Buku al-Ibānah jelas karangan Imam Al-Ash‘ari, dan buku ini telah dicetak beberapa kali di India, Mesir, Lubnan mahupun di Universiti Imam Muhammad bin Sa‘ud al-Islāmiyyah. Cetakan yang terpenting –dan terkenal sampai sekarang— iaitu cetakan yang telah ditahqiq dan di analisis cukup lama oleh Dr. Fauqiyah Husain Mahmud dan diterbitkan *Dār al-Anṣār* pada tahun 1397 H.

**e. *Risalah Istiḥsān al-Khaud fī ‘Ilmi al-Kalām***

Buku ini dinamakan “*Risālah fī Arradd ‘alā man Dzonna Anna al-Istigāla bi ‘Ilmi al-Kalām Bid‘ah*”. Buku ini mengandungi bantahan terhadap orang yang menganggap mendalami Ilmu Kalam adalah bid‘ah.

**f. *Risālah fī al-Īmān***

Buku ini hanya dua lembar telah ditahqiq oleh Shubaita.

**g. *Al-Amad fī Al-Ru‘yah***

Buku ini hanya ditemukan potongan pendek sahaja. Ibnu Asakir menyebutkan bahawa Imam al-Ash‘ari dalam buku ini menjelaskan nama-nama karangannya.

#### ***h. Kitab Tafsir Al-Qur'an***

Dalam buku ini, Imam al-Ash'ari membantah Shekhnya al-Jubba'i. Ibnu Asakir membenarkan kalau buku ini adalah karangan Imam al-Ash'ari. Buku ini oleh Abu Bakar bin 'Arabi disebut *al-Mukhtazan*.<sup>122</sup>

Inilah karangan-karangan Imam al-Ash'ari yang telah sampai kepada kita. Jika dibandingkan dengan karangan-karangannya yang cukup banyak namun yang sampai pada kita hanya sedikit sahaja. Sebahagian pendapat Imam al-Ash'ari sampai kepada kita melalui buku rujukan yang lain yang mengatakan inilah pendapat Imam al-Ash'ari. Di antara murid-muridnya yang menyebutkan karangan beliau adalah al-Juwaini, al-Baghdādi, Shahrastāni, al-Rāzi. Ibnu Faurak berusaha memisahkan pendapat dan perkataan Imam al-Ash'ari dengan berdasar pada buku-buku Imam al-Ash'ari yang majoritinya tidak ditemukan lagi.

#### **2. Al-Bāqillāni (W. 403 H)**

Al-Bāqillāni adalah al-Qādi Abu Bakr Muhammad bin Tayyib. Beliau dilahirkan di kota Baṣrah serta menetap di kota Baghdad. Ia terkenal sebagai seorang pelajar yang cerdas. Di antara karangannya yang terkenal adalah *al-Tamhīd*. Buku ini membincangkan hal-hal yang semestinya dipelajari sebelum mendalami ilmu-ilmu Akidah atau Ilmu Kalam.<sup>123</sup>

Al-Bāqillāni terkenal sebagai seorang tokoh *Ash'ariyyah* yang sangat handal dalam berdebat. Beliau

---

<sup>122</sup>Abu Bakar Bin 'Arabi, *al-'Awāṣim fī al-Qawāṣim*, Tahqīq Ammar Talabi, hlm. 97-98.

<sup>123</sup>Lihat Syamsuddin Muhammad bin Ahmad al-Dhahabiy, (1405), *Siyar al-A'lām an-Nubala*, Tahqīq Syu'aib al-Arnaut, jld. XVII, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, hal. 379

juga memiliki intelektualiti yang sangat luas. Dalam berdebat beliau sentiasa merujuk kepada karangan-karangan lawan debatnya tanpa perlu merujuk kepada karangan-karangannya sendiri.

### **3. Al-Baghdādi (W. 429 H)**

Beliau adalah Abu Mansur Abdul Qahir bin Tahir bin Muhammad al-Tamimi. Beliau belajar di Naisaburi pada beberapa guru yang terkenal, di antaranya Abu Ishaq al-Isfirāyīni (w. 411 H). Beliau juga memiliki murid-murid yang cemerlang seperti Nasir al-Marwazi, Abi Qāsim al-Qusha‘iri. Di akhir hayatnya beliau meninggalkan kota Naisabur dan Bertolak ke kota Isfirāyīni. Di sanalah beliau wafat pada tahun 429 H dan dimakamkan di samping gurunya al-Isfirāyīni.

Al-Baghdādi memiliki peranan penting dalam mazhab Ash‘ariyyah kerana menjadikan mazhab Ash‘ariyyah bukan hanya sekadar fikrah (pemikiran) beragama tetapi malah dijadikan sebagai akidah majoriyi umat Islam. Dalam bukunya *al-Farq Bayn al-Firaq*, al-Baghdādi menjelaskan prinsip-prinsip akidah Ahli Sunnah Waljama‘ah. Al-Baghdādi terkenal sebagai seorang ulama yang berpegang teguh pada mazhab Ash‘ariyyah dan menentang keras aliran-aliran yang bercanggah dengannya.

### **4. Al-Juwainiy (W. 478 H)**

Beliau adalah ‘Abdul Malik bin ‘Abdillah bin Yusuf bin Muhammad al-Juwaini. Beliau dilahirkan di Naisabur pada tahun 419 H, kemudian melanjutkan pengajian di Kota Mu‘askar, kemudian menetap di Kota Baghdad. Sebagaimana pendahulunya Imam al-Ash‘ari dan

al-Bāqillāni, beliau juga sangat gemar dalam mendalami Ilmu Kalam.

Ulama-ulama Hadith di Baghdad banyak yang tidak sependapat dengan beliau, sehingga beliau terpaksa berpindah ke Mekah baru kemudian ke Madinah. Di sanalah beliau mengajar dan menyampaikan ilmu pengetahuannya. Itu pula sebabnya Imam al-Juwaini digelari dengan Imam al-Haramaini kerana menjadi guru pada dua kota suci umat Islam iaitu Mekah dan Madinah. Di usia tuanya beliau dipanggil oleh raja Nizām al-Mulk untuk mengajar di Universiti an-Nizāmiyyah.<sup>124</sup>

### 5. Al-Ghazāli (W. 505 H)

Nama sebenarnya ialah Abu Hāmid Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al-Ghazāli al-Tūsi al-Shafi'e. Beliau dikenali sebagai Abu Hamid kerana mempunyai anak lelaki bernama Hamid yang meninggal dunia ketika masih bayi.<sup>125</sup> Beliau digelar " al-Ghazāli " bersempena dengan gelaran bapanya yang bekerja sebagai pemintal bulu kambing (*al-Ghazzal*). Ada yang mengatakan mengambil sempena kampung kelahirannya, Ghazalah.

Imam al-Ghazāli adalah seorang ulama, ahli fikir dan ahli falsafah Islam yang terkemuka. Beliau mendapat gelaran sebagai *Hujjatul Islam* dari umat Islam seluruh dunia selepas wafat. Ini adalah hasil kejayaannya dalam pembelaan yang dibuat terhadap Islam dari anasir-anasir

---

<sup>124</sup>Lihat Tabyīn al-Kidzb al-Muftari h. 278

<sup>125</sup>Abu 'Abbas Shamsuddin Ahmad bin Muhammad bin Abi Bakr Ibn Khilkān, (1948), *Wafayāt al-A'yān Wa Anbā' Abnā' al-Zamān*, Kaherah: Maktabah an-Nahḍah al-Miṣriyyah, jld IV h. 216.

yang ditentang hebat oleh beliau seperti anasir-anasir pemikiran Filosof, Batiniyyah dan kumpulan Sufi.

#### **6. Al-Shahrastāni**

Nama lengkap al-Shahrastāni adalah Abu al-Fatah Muhammad ‘Abdul Karīm Ibnu Abi Bakr Ahmad al-Shahrastāni al-Syafi‘i. Nama al-Syarahsatan dinisbahkan kepada tempat kelahirannya Syahrastan provinsi Khurasan di Parsi, beliau lahir tahun 474H/1076M dan meninggal pada tahun 548H/1153M di usia kurang lebih 70 tahun.

Beliau merupakan ulama yang cukup terkenal, salah satu karangannya yang sentiasa menjadi rujukan dalam Ilmu Kalam mahupun Ilmu Perbandingan Agama adalah *al-Milal Wa an-Nihal*.

#### **7. Fakhruddin Al-Rāzi (W. 606 H)**

Beliau adalah Abu ‘Abdillah Muhammad bin ‘Umar Bin al-Husain bin ‘Ali al-Taimi. Beliau dilahirkan di Kota Hirah pada tahun 543 H. Beliau di gelar Fakhruddin al-Rāzi kerana sebagai tokoh Islam yang dapat dibanggakan. Beliau terkenal sebagai seorang *mufassir mutakallim*. Karangan beliau yang cukup terkenal adalah tafsir *Mafātih al-Ghaib* yang menjelaskan tentang ayat-ayat al-Quran melalui beberapa pendekatan, termasuk di antaranya pendekatan falsafah.

Fakhruddin al-Rāzi banyak melakukan dialog dan perdebatan dengan aliran-aliran yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Waljama‘ah. Itu pula sebabnya sebelum wafat, beliau berpesan untuk dirahsiakan kewafatannya kerana kkuatir kelompok Karramiyyah akan berleluasa menyebarkan kefahamannya.

### 8. al-Ījīy (W. 756 H)

Beliau adalah ‘Abdurrahman bin Ahmad bin ‘Abdul Ghaffar Bin Ahmad al-Ījīy. Beliau digelar dengan Aduddin. Beliau dilahirkan pada tahun 680 H, di kampung Ījīy, pinggiran Kota Shiraz. Buku beliau terkenal adalah al-*Mawāqīf*, buku tersebut merupakan salah satu buku terpenting dalam Ilmu Kalam. Ia telah di syarah oleh ulama-ulama selepasnya di antaranya adalah *Sharah al-Jurjāni*.

### E. Metod Ahli Sunnah Waljama‘ah Dalam Berakidah

Persoalan yang menjadi perdebatan paling seru dalam falsafah, aliran pemikiran, teologi serta agama manapun di dunia ini adalah persoalan ketuhanan, kerana ia bersifat ghaib dan tidak dapat dijangkau oleh panca indera manusia, tetapi ia menampakkan ketuhanannya dalam wujud-wujud yang ada di muka bumi ini.

Dalam teologi Islam, menjadi perdebatan tentang kewajipan pertama dalam beragama, apakah sekadar keyakinan tentang keberadaan Allah *Subhānahū Wata‘ālā* ataukah kewajipan pertama bagi manusia adalah *ma‘rifatullah* (memahami Allah) baik dari sifat-sifatNya mahupun dari nama dan perbuatanNya, ataukah kewajipan pertama bagi seorang hamba terhadap Tuhannya adalah kemampuan memberikan alasan-alasan tentang wujud Allah *Subhānahū Wata‘ālā*.

Jahmiyyah yang dipelopori oleh Jaham bin Shafwan menilai bahawa manusia ini memiliki kewajipan yang paling pertama dalam beragama adalah *ma‘rifatullah*, (pengetahuan tentang Allah). Bahkan dalam teologi Jahmiyyah *ma‘rifatullah* menjadi simbol keimanan

seseorang. Predikat Muslim dan Mu'min cukup dengan *ma'rifatullah*, sama sahaja ia mengucapkan dua kalimah shahadah dengan lisannya atau tidak. Begitu juga, sama sahaja ia menjalankan kewajipan-kewajipan beragama atau tidak. Sebaliknya mengucapkan dua kalimah shahadah dan melaksanakan segala kewajipan terhadap Allah, namun ia tidak memiliki *ma'rifah* (pengetahuan) tentang Allah, menurut kelompok Jahmiyyah dianggap bukan orang Mu'min.

Sebenarnya hampir semua aliran-aliran dalam Islam sepakat bahawa kewajipan pertama seorang Muslim adalah *ma'rifatullah*,<sup>126</sup> yang menjadi perbezaan pendapat apakah *ma'rifatullah* tersebut diperoleh dengan cara fitrah sebagai manusia atau dengan cara perenungan terhadap tanda-tanda kebesaran Allah *Subhānahū Wata'ālā*.

Kelompok Mu'tazilah dan yang sefahaman dengannya memandang bahawa untuk sampai kepada *ma'rifatullah* mesti melalui akal pemikiran dan perenungan. Iaitu dengan cara memperhatikan tanda-tanda kebesaran Allah pada makhlukNya kemudian menjadikannya sebagai dalil dalam memberikan keyakinan tentang *ma'rifatullah*.

Ahli Sunnah Waljama'ah memandang bahawa *ma'rifatullah* diperoleh dengan tiga cara. Iaitu wahyu, akal dan fitrah yang lurus. Ketiganya bersinergi membentuk satu pemahaman (*ma'rifah*) kepada Allah *Subhānahū Wata'ālā*. Fitrah merupakan kecenderungan semula jadi manusia

---

<sup>126</sup>Sebahagian ulama memahami bahawa yang dimaksud dengan *ma'rifatullah* adalah kalimat tauhid atau dua kalimah shahadah, maka jika terjadi perbezaan pendapat antara mana yang pertama? Shahadah atau *ma'rifatullah* maka sebenarnya itu hanya perbezaan lafaz sahaja atau perbezaan peristilahan.

untuk beragama dan bertuhan. Ini bersifat umum serta menyeluruh. Akal juga demikian, ia merupakan pemberian Allah *Subhānahū Wata‘ālā* pada manusia yang bersifat khusus, sementara wahyu atau *naṣ* al-Quran dan al-Hadith datang membimbing akal manusia untuk sampai kepada pengetahuan dan keyakinan tentang Allah *Subhānahū Wata‘ālā*.

Perbezaan antara Mu‘tazilah dengan Ahli Sunnah Waljama‘ah dalam mencapai *ma‘rifatullah* terletak pada perbezaan metodologi yang dipakai. Mu‘tazilah mendepankan akal daripada *naṣ*, sementara Ahli Sunnah Waljama‘ah sentiasa mendahulukan *naṣ* daripada akal. Mu‘tazilah lebih mendahulukan analisis, sementara Ahli Sunnah Waljama‘ah lebih mendahulukan ayat-ayat *matluah* (dibaca) iaitu *naṣ* untuk kemudian direnungkan dan difikirkan dalam bentuk membaca ayat-ayat *kauniyyah*.

Jika pendapat-pendapat aliran-aliran Islam dalam melihat cara untuk sampai kepada *ma‘rifatullah* dianalisis, maka semua pendapat itu saling mendukung satu sama lain dan bukannya bercanggah antara satu sama lain, sebab untuk sampai kepada *ma‘rifatullah* ada tiga cara yang dapat ditempuh. Iaitu melalui fitrah manusia, akal pikiran serta petunjuk wahyu.

Perbezaan di antara aliran-aliran tersebut hanya terletak pada prioriti yang semestinya didahulukan. Meskipun demikian metod Ahli Sunnah Waljama‘ah dalam berakidah merupakan metod yang paling sempurna kerana menggabung antara wahyu, fitrah dan akal dalam mencapai *ma‘rifah* kepada Allah *Subhānahū Wata‘ālā*.

Menggunakan fitrah sahaja belum cukup kerana salah satu di antara fitrah manusia adalah menyimpang dari

ketauhidan. Begitu juga akal manusia tidak mampu seutuhnya untuk sampai kepada *ma'rifatullah* tanpa ada bimbingan dari wahyu, terbukti dengan banyaknya filosof yang memiliki akal fikiran yang begitu cemerlang namun ia terpesong dalam aqidah yang tidak benar. Kedudukan wahyu perlu perenungan dan analisis yang tajam untuk lebih mengetahui rahsia-rahsia keagungan Allah *Subhānahū Wata'ālā*. Untuk lebih jelasnya penulis huraikan satu persatu.<sup>127</sup>

### 1. Kesesuaian antara wahyu dan akal

Para filosof mahupun sebahagian dari aliran Islam seperti Mu'tazilah, menganggap bahawa akal adalah dasar utama dalam beragama,<sup>128</sup> baik dan buruknya sesuatu tergantung dari pandangan akal. Apa yang dianggap baik oleh akal maka itu baik dan apa yang dianggap salah dan buruk oleh akal maka ia adalah buruk.

*Naş* atau wahyu dalam pandangan Mu'tazilah hanya sebagai pelengkap terhadap akal yang diberikan kepada manusia. Manusia tidak mungkin memahami wahyu atau mengenal para Nabi dan rasul kecuali dengan memakai akal. Oleh kerana itu akal lebih utama daripada wahyu dalam teologi Mu'tazilah, sebab benar atau tidaknya wahyu sangat tergantung dari rasio yang diterima oleh akal manusia. Apa yang difahami para filosof dan sebahagian

---

<sup>127</sup>Landasan berfikir tersebut boleh disimpulkan setelah melihat cara berfikir tokoh-tokoh salafi seperti Imam Mālik, Ahmad bin Hanbal, Al-Ṭahawiy, dan ulama-ulama salaf lainnya, namun tidak dinafikan ada kriteria lain yang dimasukkan oleh sebahagian salaf.

<sup>128</sup>Jabir Idris 'Ali 'Amir, (1998M), *Manhaj al-Salaf wa al-Mutakallimin fi Muwafaqah al-'aql li al-Naql*, Riyadh: Adwā al-Salaf, h. 137.

aliran-aliran Islam berbeza dengan pemahaman Ahli Sunnah Waljama'ah.

Menurut *Ahli Sunnah Waljama'ah*, wahyu yang *ṣahih* mustahil akan bertentangan dengan akal yang sihat, sebab wahyu yang *ṣahih* berasal dari Allah *Subḥānahū Wata'ālā*. Begitu juga akal yang sihat merupakan kurnia termahal untuk manusia.<sup>129</sup>

Jika *naṣ* tersebut tidak mencapai darjat *ṣahih* maka bukan pada tempatnya akan diperhadapkan dengan akal yang sihat, sehingga kontradiksi antara akal dengan *naṣ* sebetulnya bukan pada tempatnya, sebab salah satu di antara dua dalil berbeza tingkat keabsahannya.

*Ahli Sunnah Waljama'ah* dalam memahami hal-hal yang bersifat *i'tiqādiyyah* serta masalah-masalah *sam'iyāt*, menyesuaikan antara wahyu dengan akal fikiran, namun tetap memberikan prioriti utama pada informasi wahyu. Kaedah ini bukan bererti Ahli Sunnah Waljama'ah meninggalkan akal sama sekali, kerana wahyu sebagai dalil *naqli* pada saat yang sama juga merupakan dalil *'aqli*.

Informasi yang disampaikan wahyu sentiasa memerlukan analisis untuk mensinergikan dengan akal sihat. Di samping itu, al-Quran sentiasa mengajak manusia untuk mempergunakan akal fikirannya, bahkan kelompok yang sentiasa memakai akal dalam menganalisis informasi-informasi wahyu mendapatkan sanjungan dari Allah *Subḥānahū Wata'ālā*.<sup>130</sup>

---

<sup>129</sup>Ungkapan yang senada disampaikan oleh Ibn Rushd. Lihat Ibn Rushd, ( t. th), *Faṣl al-Maqāl fī mā Baina al-Ḥikmah wa al-Shari'ah min al-Ittiṣal*, Kaherah: Dār al-Ma'ārif, h. 31-32.

<sup>130</sup>Lihat (Q.S. Ali 'Imrān (3): 191).

Wahyu tidak pernah cacat dan tidak mesti diragukan, Begitu juga penerapannya tidak terjadi perbezaan antara seorang dengan seorang yang lain, tetapi ia bersifat abadi. Memahami hal-hal yang bersifat ketuhanan, kenabian dan *sam'īyyāt* semestinya merujuk kepada informasi wahyu.<sup>131</sup>

Menurut Ahli Sunnah Waljama'ah apa yang disampaikan wahyu tentang konsep ketuhanan, kenabian dan *sam'īyyāt* semestinya lebih diutamakan daripada sesuatu yang difahami oleh akal tanpa landasan wahyu, sebab apa yang dianggap benar oleh seseorang, boleh jadi orang lain menganggapnya keliru, sehingga tidak ada piawaian baku tentang kebenaran akal, terutama masalah-masalah yang berada di luar jangkauan akal manusia atau metafisika.

Penafsiran tentang *i'tiqādiyyah* dan hal-hal yang bersifat *sam'īyyāt* diberikan prioriti sepenuhnya kepada wahyu, sebab akal manusia bermacam-macam bahkan adakalanya disertai dengan egoisme kelompok dan kepentingan, maka dapat dibayangkan agama Islam -- terutama masalah *i'tiqādiyyah* -- jika diserahkan sepenuhnya kepada pemahaman akal tanpa mengambil berat informasi wahyu. Agama Islam dalam model seperti ini akan berakhir dengan kepelbagaian tanpa dasar.<sup>132</sup>

---

<sup>131</sup>Sayyid Qutub, (1997M), *Khaṣaiṣ al-Taṣawwur al-Islāmiy*, Cet. XXIV, Kaherah: Dār al-Shurūq, h. 20.

<sup>132</sup>Salah satu contoh terjadinya empat hari Sembahyang Aidil Fitri di Indonesia pada Aidil Fitri 2007, hal itu disebabkan adanya kelompok yang memakai landasan beragama dengan tidak berdasar pada tuntunan Rasul, salah satu di antaranya adalah kelompok *an-Nazir* yang menentukan waktu Sembahyang Aidil Fitri dengan pasangannya air laut.

Logik atau tidaknya suatu persoalan jika di bawa masuk ke aliran-aliran Islam, akan terkendala dengan sikap setiap golongan yang memandang baik apa yang menguntungkan kelompoknya dan memandang salah apa yang merugikan kelompok tersebut.<sup>133</sup> Hal ini telah dirakam Allah *Subhānahū Wata'ālā*, dalam firmanNya (Q.S. ar-Rūm (30): 32)

﴿كُلُّ حِزْبٍ بِمَا لَدَيْهِمْ فَرِحُونَ﴾

Tafsirnya:

Tiap-tiap puak bergembira dengan apa yang ada padanya (dari fahaman dan amalan yang terpesong itu).

Membincangkan persoalan *i'tiqādiyyah*, semestinya memberikan prioriti kepada wahyu kerana akal tidak dapat tersendiri dalam memahami semua persoalan *i'tiqādiyyah*. Begitu juga ketika persoalan *i'tiqādiyyah* diserahkan pada akal, maka kepada akal siapa harus diserahkan? Haruskah kita mengambil pendapat Sidarta Gautama misalnya selaku pendiri agama Buddha yang memiliki akal jitu, dimana ia memandang bahawa tuhan terdiri atas tingkatan-tingkatan. Bahkan tuhan kebaikan dipisahkan dengan tuhan kejahatan, nama-nama dari tuhan yang ia yakini kebenarannya juga berbeza dengan informasi wahyu yang disampaikan oleh para nabi.

Ataukah masalah-masalah *i'tiqādiyyah* tersebut diserahkan kepada akal filosof yang *mustafad* yang memberikan penamaan Tuhan dengan *al-mabda' al-awwal*, atau kembali kepada pendapat para penyembah berhala yang mempertuhankan banyak tuhan, atau kembali pada

---

<sup>133</sup>(Q.S. Al-Mu'min (23) : 53).

akal ateis yang menganggap Tuhan telah tiada? Kepelbagaian pemahaman manusia tersebut dalam memberikan makna Tuhan kerana kepelbagaian akal mereka tanpa didasari informasi wahyu.

Memprioritikan wahyu serta mengambil pendapat para sahabat dalam masalah *i'tiqādiyyah* adalah hal yang sangat penting dalam beraqidah, kerana yang dapat diterima oleh akal yang sihat ketika terjadi perbezaan pendapat terhadap suatu persoalan adalah kembali berkonsultasi dengan orang yang paling ahli di bidang tersebut. Mempersoalkan masalah pertanian misalnya, sebaiknya kembali kepada pakar pertanian. Perselisihan dalam masalah mesin sebaiknya kembali mengkaji pendapat pakar mesin. Begitu juga masalah penyakit, otomatik merujuk kepada doktor ahli perubatan.

Ketika seorang Muslim sakit, maka si pesakit Muslim tersebut pergi menemui doktor --meskipun sang doktor yang didatangi seorang yang beragama Yahudi-- untuk berkonsultasi dan *check up* kerana akal si pesakit mengakui bahawa sang doktor lebih ahli dalam menangani penyakitnya meskipun tidak beragama Islam. Si pesakit tersebut akan mentaati saranan doktor dalam meminum obat, begitu juga menghindari segala bentuk larangan doktor, kerana keyakinan si pesakit bahawa sang doktor lebih ahli. Jika ia melaksanakan segala anjurannya, maka ia akan lebih mudah sembuh meski dalam realitinya banyak doktor salah dalam memberikan diagnosa yang menyebabkan malapetaka atau menyebabkan kematian. Kesalahan itu tidak melunturkan akal sihat manusia untuk tetap berkonsultasi dengan doktor ketika menghadapi gejala penyakit tertentu.

Sudah menjadi pengetahuan bersama bagi umat Islam, bahawa Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* memiliki daya akal yang sangat kuat melebihi para ilmuan di bidangnya terutama dalam masalah *i‘tiqādiyyah* kerana bidang-bidang lain dapat sahaja dipelajari oleh siapapun, sementara kedudukan rasul hanya diberikan kepada orang-orang yang mendapat rahmat dari Allah *Subḥānahū Wata‘ālā*.

Sudah menjadi kesepakatan bahawa Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam* adalah Rasul, maka ketika terjadi percanggahan antara apa yang disampaikan oleh Rasul dengan pandangan akal, maka selaku manusia yang menghormati kebenaran, selayaknya menerima apa yang disampaikan Rasul, kerana sudah mengakui ketajaman akal dan kejujuran Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam*.

Mensesuaikan wahyu dan akal dalam memahami masalah-masalah *i‘tiqādiyyah* bagi Ahli Sunnah Waljama‘ah bukan bererti bahawa Ahli Sunnah Waljama‘ah sama sekali menolak akal dan hanya menerima begitu sahaja segala bentuk informasi wahyu tanpa harus menganalisisnya. Justeru sebaliknya, akal sangat dihormati sebagai alat dan rahmat Tuhan untuk menganalisis informasi wahyu agar supaya keyakinan terhadap informasi wahyu tidak berdasar pada keraguan dan angan-angan belaka.

Apa yang disampaikan oleh wahyu tidak akan bertentangan dengan akal yang sihat, namun bukan bererti akal berada di atas wahyu dalam mengkaji masalah-masalah metafisik dan *i‘tiqādiyyah*. Menurut Ahli Sunnah Waljama‘ah, akal hanyalah sebatas alat yang dipakai untuk *bertadabbur* dan memahami wahyu lebih mendalam.

## 2. Membolehkan *ta'wil* yang bersesuaian dengan kaedah tafsir

Dasar pemikiran kedua Ahli Sunnah Waljama'ah dalam masalah *i'tiqādiyyah* adalah menafsirkan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah sesuai dengan erti zahirnya. Apabila terdapat ayat-ayat *mutasyabihāt*, Ahli Sunnah Waljama'ah membolehkan *ta'wil* selama mana dalam pengertian tafsir atau penjelasan yang tetap berdasar pada wahyu, oleh kerana itu *ta'wil* yang ditentang oleh Ahli Sunnah Waljama'ah adalah *ta'wil falsafi*<sup>134</sup>. *Ta'wil falsafi* ditolak oleh Ahli Sunnah Waljama'ah kerana beberapa alasan:

- 1) Filosof Islam berusaha mencari persamaan antara agama dan falsafah yang dikembangkan oleh Plato dan Aristotel. Di samping itu, para filosof Islam juga berusaha mengurangi jurang pemisah antara keduanya. Usaha-usaha tersebut nampak jelas dilakukan oleh al-Farabi dan Ibnu Sina. Kedua filosof Islam tersebut menghabiskan waktu dalam mengkaji pendapat-pendapat Plato dan Aristotel. Kedua Filosof Islam inilah yang memperkenalkan pemikiran-pemikiran falsafah Plato dan Aristotel, baik falsafah ketuhanan mahupun masalah yang berkaitan dengan kemanusiaan.

---

<sup>134</sup>Untuk mengurangi kritikan baik dari kalangan ahli teologi mahupun dari ulama-ulama Islam, filosof-filosof Muslim berusaha memberikan batasan-batasan *ta'wil* dengan syarat-syarat yang cukup ketat, Ibn Rushd misalnya memberikan syarat-syarat *ta'wil* yang menurut beliau syarat-syarat tersebut tidak mengurangi keberadaan *naş*. Lihat Ibn Rushd, *Faşl al-Maqāl*, h. 16.

Mengkaji masalah ketuhanan dan kemanusiaan, para filosof memiliki terminologi yang berbeza dengan terminologi yang digunakan al-Quran. Perbezaan tersebut disebabkan kerana perbezaan sumber antara agama dan falsafah. Falsafah bersumber dari akal manusia melalui perenungan-perenungan yang mendalam, sementara sumber agama Islam berdasar pada wahyu atau al-Quran yang disampaikan oleh Allah *Subhānahū Wata'ālā*, melalui perantaraan malaikat Jibril kepada RasulNya. Wahyu dalam konteks ini termasuk sunnah Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam*. Oleh kerana itu menurut Ahli Sunnah Waljama'ah *ta'wil* yang dilakukan oleh filosof dianggap sebagai akal-akalan filosof dalam mencari persesuaian antara temuan akal dengan *naṣ*, sehingga *naṣ* harus *dita'wil* mengikuti pendapat mereka.

*Naṣ* dalam pandangan filosof hanya sekadar legitimasi terhadap temuan akal. Salah satu contoh, al-Farabi ketika mengkaji masalah penciptaan, Ia mengaitkan ayat-ayat al-Quran dengan penciptaan alam dengan teori *emanasi* yang sangat kontroversi dengan pemahaman yang sebenarnya dalam al-Quran.

- 2) Para filosof dalam usahanya untuk mencari persamaan antara agama dengan falsafah mendakwa bahawa bahasa Rasul dalam menyampaikan wahyu mempergunakan bahasa kiasan yang *zahirnya* dapat difahami oleh manusia secara umum, dengan cara memberikan perumpamaan, sebagai pendekatan kepada pemahaman. Sebaliknya kalangan filosof

mampu memahami *ta'wil* serta pemahaman di balik *zahir* dari ungkapan yang dipergunakan oleh para Nabi dan rasul tersebut.

Ibnu Sina mengatakan: “*Seorang Nabi sentiasa mempergunakan kata-kata simbol sehingga lafaz dari ungkapannya hanya sebagai isyarat belaka*”.<sup>135</sup> Ungkapan Ibnu Sina tersebut merupakan perpanjangan dari ungkapan Plato yang sebelumnya telah mengatakan hal yang sama dalam bukunya *al-Nawamis*: “*Barang siapa yang tidak memahami isyarat-isyarat para rasul, bererti ia belum memahami seluk-beluk masalah ketuhanan*”.<sup>136</sup>

- 3) Menurut filosof ungkapan para Rasul adalah simbol belaka dan tidak ada yang mampu memahaminya kecuali filosof, sehingga kitab-kitab suci yang diturunkan Allah *Subḥānahū Wata'ālā*, termasuk al-Quran dalam pemahaman filosof Muslim terdiri dari dua bahagian, iaitu:
  - a) Lafaz *zahir* yang dibaca, didengar. Lafaz ini diperuntukkan untuk orang awam.
  - b) Batin dari kitab tersebut yang mengandungi pemahaman-pemahaman dan hakikat yang hanya mampu difahami orang khusus iaitu filosof.
- 4) *Menta'wil* ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan masalah *i'tiqādiyyah* bererti menjadikan al-

---

<sup>135</sup>Ibn Sina, (1298), *Rasāil*, Kaherah: al-Jawāib, h. 85.

<sup>136</sup>Ikhwan al-Ṣafa, (1957), *Rasāil*, Beirut: Dār al-Ṣadir, h. 130.

Quran melegitimasi apa yang difahami oleh para filosof yang sebenarnya sangat jauh dengan makna lafaz al-Quran.

## **F. Metod Ahli Sunnah Waljama‘ah Dalam Masalah**

### **Furu‘iyyah**

Sepeninggal Rasulullah *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam*, meskipun wahyu tidak lagi turun namun problematika umat manusia tidak berhenti sampai di situ, tetapi sentiasa muncul hal-hal baru yang memerlukan respon dari agama Islam. Problematika umat manusia juga berbeza-beza antara satu wilayah dengan wilayah lain. Keadaan seperti ini memaksa para *fuqahā*, ulama, *mujtahid* menetapkan hukum sesuai dengan problematika yang muncul.

Al-Quran dan al-Sunnah tetap dan tidak berubah-ubah kerana telah sempurna dengan berakhirnya wahyu turun kepada Nabi Muhammad *Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam*, sementara *dilālah* (pemahaman) dari al-Quran dan al-Sunnah yang masuk dalam hal-hal *ijtihadi* merupakan kajian para ulama dan *ulil amri* dalam menentukan respon terhadap satu persoalan dengan tetap berlandaskan pada tujuan utama diturunkannya al-Quran.

Ahli Sunnah Waljama‘ah dalam menyikapi al-Quran dan al-Sunnah bersepakat bahawa keduanya bersifat mutlak, tidak ada keraguan dan merupakan penuntun dalam memahami masalah-masalah *i‘tiqādiyyah*. Menyikapi masalah-masalah *ijtihadi*, terutama masalah-masalah yang berkaitan dengan kontemporari, Ahli Sunnah Waljama‘ah memilih cara-cara yang moderat apalagi yang menyangkut

masalah fenomena kehidupan beragama yang bukan merupakan bahagian dari akidah dan ibadah.

Ahli Sunnah Waljama'ah berpendapat bahawa mengikuti al-Quran dan al-Sunnah wajib hukumnya dalam masalah-masalah yang *qat'iy thubut* dan *qat'iy dilalah*<sup>137</sup>, adapun yang *zanni dilalah* maka ulama memiliki peranan dalam melakukan ijtihad dengan menggunakan pendekatan *qiyas* dan kaedah-kaedah *fiqhiyyah*. Ahli Sunnah Waljama'ah melihat bahawa tujuan dari shari'at Islam adalah menciptakan keadilan, menjaga *maṣlahah* serta menghindari munculnya *muḍarat* dalam masyarakat.

Menurut Ahli Sunnah Waljama'ah segala aturan dan fatwa serta perundang-undangan yang merealisasikan tujuan tersebut juga dikategorikan dengan *shar'ie* dan tidak melanggar kehormatan *naṣ* bahkan menjadi bahagian dari *shar'ie*, kerana logik dan *qiyas* yang dipakai juga tidak lepas dari landasan normatif dari al-Quran dan al-Hadith.

Sebaliknya Wahabiyyah lebih mengutamakan hadith yang da'if dalam berijtihad daripada logik, *qiyas* dan *ta'wil*. Dengan pemahaman Wahabiyyah seperti ini menjadikan agama Islam bukan lagi sebagai agama yang universal yang mampu menjawab segala bentuk problematika kontemporari kerana hanya berkisar antara bid'ah dan bukan bid'ah.

Penggunaan *qiyas* dalam merespon persoalan kontemporari, Ahli Sunnah Waljama'ah berlandaskan pada hadith Mu'az bin Jabal *Radīyallahu 'Anhu*. Iaitu ketika beliau diutus oleh Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam*

---

<sup>137</sup>*Qat'iy thubut* adalah kebenaran periwayatannya tidak diragukan, *qat'iy dilalah* adalah tidak ada peluang lain untuk memahami maksud yang diinginkan *naṣ* tersebut sebagai lawan dari *zanniy dilalah*.

ke Yaman kemudian ditanya oleh Rasulullah *Ṣallallahu 'Alaihi Wasallam*, dengan apa kamu menyelesaikan masalah? Beliau menjawab dengan al-Quran dan sunnah Rasul, jika tidak ditemukan dengan al-Quran dan al-Hadith maka beliau berijtihad dengan pendapatnya sendiri.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Halīm al-Jundiyy. (1986). *Muhammad Ibnu ‘Abdul Wahhāb*, Cet. II, Kaherah: Dār al-Ma‘ārif
- Abdul Hamid Madkūr. (2000). *Dirāsāt fī al-‘Aqīdah al-Islāmiyyah*, Kaherah: Dār al-Thaqāfah al-‘Arabiyyah
- Abu Abdillah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal. (t.th). *Musnad Ahmad*, juz 18, Misr: Wuzārah al-Auqāf al-Miṣriyyah
- Abu al-Fada’ Ibnu Kathir. (1999). *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, Juz 2, Arab Saudi: Dār al-Ṭayyibah
- Abu al-Husain Muslim Ibnu al-Hajjāj Ibnu Muslim al-Qusha‘iri. (t.th). *al-Jami‘ al-Ṣaḥīḥ*, Juz 1, Beirut: Dār al-Jail
- Abu Hasan al-Ash‘ari. (t. th). *Risālah Ilā Ahli al-Thagar*, Tahqiq Dr. Galayand, Kaherah: Dār al-Thaqāfah al-‘Arabiyyah
- Abu ‘Ubaid al-Qāsim Bin Sallām. (1986). *Gharīb al-Hadīth*, jld. I, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah

- , (1983). *al-Imān*, Beirut: al-Maktab al-Islāmi
- Ahamd bin Muhammad bin Ali al-Fayumiy. (t. th). *Miṣbah al-Munīr*, Beirut: Dār al-Fikr
- Ahmad Ibnu Fāris. (1999). *Mu‘jam al-Maqāyis al-Lughah*, Cet I. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Al-Baihaqi. (1990) *Shu‘ab al-Imān*, Tahqiq Abu Hajir Muhammad Sa‘īd, jld I, Cet. II, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Ali Bin Muhammad Ali al-Jurjāni. (1405H) *al-Ta‘rīfāt*, Tahqiq Ibrahim al-Abyāriy, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabi
- al-Khātīb al-Baghdādi. (1997). *Tārīkh Baghdad*, Cet. I, jld 11, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Departemen Pendidikan dan Kebudayaan. (1990 M). *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, Jakarta: Balai Pustaka
- Husain Affandiy. (1351H). *al-Ḥusūn al-Ḥamīdiyyah* Misr: Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubra
- Ibnu Rushd. (t. th). *Faṣl al-Maqāl fī mā Baina al-Ḥikmah wa al-Shari‘ah min al-Ittiṣāl*, Kaherah: Dār al-Ma‘ārif
- Ikhwan al-Ṣafa. (1957 M). *Rasāil*, Beirut: Dār al-Ṣādir
- Jabir Idris ‘Ali ‘Amir. (1998 M). *Manhaj al-Salaf wa al-Mutakallimīn fī Muwāfaqah al-‘aql li al-Naql*, Riyāḍ: Adwa’ al-Salaf

- Muhammad ‘Ajjāj al-Khātib. (1988). *al-Sunnah Qabla al-Tadwīn*, Cet. II, Kaherah: Maktabah Wahbah
- Muhammad Bin ‘Abdullah, Abu ‘Abdillah, Al-Hākīm. (t. th). *al-Mustadrak ‘Ala al-Ṣaḥīḥaini*, Juz 16, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Muhammad bin Ahmad al-Qurtubi. (1373 H) *al-Jami‘ Li Ahkām al-Qur’ān*, juz II, Kaherah: Dār al-Sha‘ab
- Muhammad bin ‘Isa Al-Turmuziy. (t. th). *Sunan al-Turmuziy*, Beirut: Dār Ihyā Turath al-‘Arabi
- Muhammad bin Isma‘il Abu Abdillah al-Bukhari. (1987 M). *al-Jami‘ al-Ṣaḥīḥ*, Beirut-Yamamah: Dār Ibnu Kathir
- Muhammad bin Jarir al-Ṭabariy. (2000). *Jami‘ al-Bayān fī Ta’wīl al-Qur’ān*, Juz VIII, Beirut: Mu’assasah al-Risālah
- Muhammad Ibnu Makram Ibnu Manzur. (1997). *Lisān al-‘Arab*, Cet. I, Beirut: Dār al-Ṣādir
- Sayyid Qutub. (1997). *Khaṣais al-Taṣawwur al-Islāmiy*, Cet. XXIV, Kaherah: Dār al-Shurūq
- Shauqiy Daif. (t. th). *Tārikh al-Adab al-‘Arabi* (al-‘Asru al-Abbās al-Awwal), Cet. IV, Kaherah: Dār al-Ma’ārif
- Yusuf al-Qardawi. (1984). *al-Īmān Wa al-Ḥayāh*, Cet. I, Beirut: Mu’assasah al-Risālah
- Zakariya Bashīr Imām. (1998). *Tarikh al-Falsafah al-Islāmiyyah*, Khartom: Dār al-Sudāniyyah li al-Kutub